2023	548	88,581	83,814	94.6%	94.5%



Kadar GE **↑ 1.2%** kepada **94.5%** pada tahun 2023 berbanding 93.3% pada tahun 2022.

Komposisi Graduan Bekerja Mengikut Bidang Pengajian 2023



Kebolehpasaran Graduan Mengikut IPT dan Peringkat Pengajian

IPT	Peringkat pengajian (%)	
	2022	2023
MTUN	96.7	96.5
Politeknik	96.2	97.1
Kolej komuniti	96.8	98.0
ILKA KKDW	93.9	97.7
ILKBS	91.0	90.0
ILKA KESUMA	86.0	88.2
Kolej vokasional	84.9	81.4
ILKA KKR	73.6	78.8
ILKAP KPKM	69.5	71.4
ILKA MOTAC	63.9	61.5

Maklumat Pekerjaan Graduan TVET 2023

Pendapatan bulanan	Peringkat (%)					
	PhD	Sarjana	Ijazah pertama	Diploma	Sijil	Sijil lanjutan
RM1,000 dan ke bawah	4.7	2.6	7.1	8.3	21.3	14.4
RM1,001 – RM2,000	6.3	6.4	29.9	67.7	65.7	50.4
RM2,001 – RM3,000	7.8	13.0	39.9	19.6	10.8	15.3
RM3,001 – RM4,000	7.3	13.1	16.2	2.6	1.3	6.5
RM4,001 – RM5,000	13.1	13.2	3.2	0.7	0.4	3.7
RM5,001 – RM10,000	55.0	37.4	3.0	1.0	0.4	8.5
Lebih daripada RM10,000	5.8	14.3	0.7	0.1	-	1.2

*** Tahap kemahiran**

- Mahir **51.4%** (31,674)
- Separuh mahir **41.5%** (25,567)
- Berkemahiran rendah **7.2%** (4,417)


3 Sektor Ekonomi

- Pembuatan **18.9%** (11,657)
- Aktiviti perkhidmatan lain **17.3%** (10,711)
- Pengilangan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman **8.8%** (5,412)


* Tidak termasuk angkatan tentera

Usahawan

Kadar usahawan (%)



Pendapatan bulanan (%)



5 Sebab Belum Bekerja

- 67.0%** Sedang mencari pekerjaan
- 14.2%** Menunggu keputusan/tawaran melanjutkan pengajian
- 5.9%** Tanggungjawab terhadap keluarga
- 4.8%** Berekah/melancong/bercuti
- 1.9%** Sebab kesihatan (termasuk baru bersalin)

Muka surat ini dibiarkan kosong.

BAHAGIAN I

BAB 1 PENGENALAN



Muka surat ini dibiarkan kosong.

BAB 1



PENGENALAN

- 1.1 Tujuan dan Kepentingan Kajian
- 1.2 Skop Kajian
- 1.3 Kebolehpasaran Graduan 2023
- 1.4 Metodologi Kajian
- 1.5 Susunan Buku Laporan Kajian Pengesanan Graduan 2023



Muka surat ini dibiarkan kosong.

PENGENALAN

Laporan ini menerangkan latar belakang Kajian Pengesanan Graduan yang dilaksanakan saban tahun oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) terhadap graduan dari pelbagai Institusi Pendidikan Tinggi (IPT). Laporan ini dibahagikan kepada tiga (3) bahagian iaitu Bahagian I yang merangkumi objektif, skop, metodologi dan kepentingan kajian. Bahagian II meliputi profil graduan, status pekerjaan graduan warganegara dan maklumat pekerjaan, profil graduan yang melanjutkan pengajian serta belum bekerja dan lain-lain. Bahagian III pula memuatkan trend bagi tempoh lima (5) tahun terkini kajian, iaitu tahun 2019 hingga 2023 yang memberi fokus kepada kadar kebolehpasaran graduan warganegara, status pekerjaan dan maklumat pekerjaan.

1.1 Tujuan dan Kepentingan Kajian

Kajian Pengesanan Graduan bertujuan mengumpul maklumat bagi penyediaan laporan berkaitan kebolehpasaran graduan IPT di Malaysia. Statistik kebolehpasaran graduan dapat membantu IPT bagi mendapatkan maklum balas berkenaan program pengajian yang ditawarkan agar relevan dan selari dengan keperluan semasa industri.

Kepentingan maklumat kebolehpasaran graduan:

- i. **Peningkatan prospek pekerjaan:** Laporan ini membantu graduan meningkatkan kebolehpasaran dan secara langsung meningkatkan kebarangkalian untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai. Dalam pasaran pekerjaan yang kompetitif, graduan yang memiliki profil kebolehpasaran yang kukuh akan memiliki kelebihan berbanding rakan sebaya mereka.
- ii. **Kebolehsuaian dan pembelajaran sepanjang hayat:** Kemahiran kebolehpasaran membolehkan graduan menyesuaikan diri dengan perubahan dalam persekitaran kerja dan industri yang sedang berkembang. Kemahiran ini termasuk pemikiran kritis, penyelesaian masalah, komunikasi, dan literasi digital yang bernilai dalam pelbagai konteks profesional.
- iii. **Perkembangan kerjaya:** Graduan yang mempunyai kebolehpasaran yang tinggi bukan sahaja berpeluang mendapatkan pekerjaan pertama mereka dengan lebih mudah tetapi juga mempunyai peluang yang lebih baik untuk perkembangan kerjaya mereka. Kemahiran berkomunikasi dan teknikal yang kukuh membantu graduan mengembangkan peluang kerjaya ke industri yang lebih menjanjikan kerjaya dan pendapatan yang lebih baik.
- iv. **Membantu industri menjejak graduan:** Laporan ini menyelaraskan graduan IPT dengan keperluan dan permintaan pasaran kerja dari industri. Majikan menghargai calon yang memiliki kemahiran praktikal, pengetahuan industri, dan keupayaan untuk menyumbang secara berkesan kepada organisasi. Melalui statistik kebolehpasaran, IPT dapat mengenal pasti program kemahiran praktikal dan *softskill* yang perlu didedahkan kepada pelajar sepanjang pengajian mereka.
- v. **Pertumbuhan ekonomi:** Meningkatkan kebolehpasaran graduan akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi keseluruhan dengan memastikan tenaga kerja yang mahir dan produktif. Peningkatan produktiviti, inovasi, dan daya saing dalam pasaran kerja dapat dicapai dengan pengetahuan yang relevan, kemahiran teknikal dan *softskill* yang diperlukan.
- vi. **Penambahbaikan kurikulum:** Statistik kebolehpasaran graduan menyediakan maklum balas kepada IPT mengenai program pengajian dan seterusnya membolehkan IPT mempromosikan program pengajian dengan lebih berkesan dan membuat penambahbaikan kurikulum supaya lebih relevan dan selari dengan keperluan semasa industri.

Laporan kebolehpasaran graduan penting untuk meningkatkan prospek pekerjaan dan perkembangan kerjaya graduan. Ia membantu graduan menyesuaikan diri dengan perubahan dalam industri, serta memenuhi keperluan majikan dengan kemahiran seperti pemikiran kritis dan komunikasi. Laporan ini juga memberikan maklum balas kepada IPT untuk memperbaiki kurikulum.

Selain itu, laporan ini menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dengan memastikan tenaga kerja yang mahir dan produktif. Graduan yang dilengkapi dengan kemahiran relevan akan meningkatkan produktiviti dan daya saing dalam pasaran kerja. Secara keseluruhan, laporan ini membantu graduan, IPT, dan industri memastikan graduan bersedia memasuki pasaran kerja dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

1.2 Skop Kajian

Kajian tahunan ini melibatkan institusi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan institusi latihan kemahiran awam (ILKA) yang berada di bawah tujuh (7) kementerian lain, iaitu Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan Kementerian Kerja Raya (KKR) serta beberapa institusi pendidikan tinggi lain.

Sebanyak 885 Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) menyertai Kajian Pengesanan Graduan pada tahun 2023 dengan jumlah keluaran seramai 345,842 graduan. Jumlah keluaran ini meningkat sebanyak 0.6 peratus berbanding tahun 2022 dengan keluaran seramai 343,767 graduan. Graduan bukan warganegara mewakili 6.2 peratus (21,434 graduan) daripada jumlah keseluruhan graduan tahun 2023, meningkat sebanyak 11.3 peratus berbanding 19,263 graduan pada tahun 2022. Berdasarkan jumlah tersebut, seramai 13,400 graduan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) dan selebihnya (8,034 graduan) dari universiti awam (UA).

Universiti awam mengeluarkan seramai 145,821 graduan yang mewakili 42.2 peratus dari keseluruhan jumlah graduan pada tahun 2023, diikuti IPTS dengan keluaran 125,261 graduan (36.2%), politeknik sebanyak 30,833 graduan (8.9%), ILKA Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) sebanyak 14,733 graduan (4.3%) dan lain-lain jenis IPT merekodkan keluaran kurang daripada 2.2 peratus.

Secara keseluruhannya, seramai 319,872 responden telah menyertai Kajian Pengesanan Graduan tahun 2023 dari 345,842 graduan yang layak berkonvokesyen dan memberi kadar respons sebanyak 92.5 peratus. Kadar respons ini meningkat sebanyak 2.7 peratus berbanding tahun 2022 yang mencatatkan 89.8 peratus. Bagi graduan warganegara, seramai 304,466 responden daripada 324,408 graduan menyertai kajian ini dengan kadar respons sebanyak 93.9 peratus, turut meningkat 2.7 peratus berbanding tahun sebelumnya.

1.3 Kebolehpasaran Graduan 2023

Kebolehpasaran graduan, seperti yang didefinisikan dalam National Graduate Employability Blueprint 2012–2017, merujuk kepada keupayaan graduan mendapatkan dan mengekalkan pekerjaan yang sesuai. Pengukuran ini menunjukkan keupayaan ekosistem pendidikan tinggi dalam menghasilkan graduan berkualiti yang memenuhi permintaan industri. Semakin tinggi kadar kebolehpasaran, semakin tinggi kualiti graduan yang dihasilkan oleh IPT. Kadar kebolehpasaran graduan juga merupakan Petunjuk Prestasi Utama dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), khususnya dalam membangunkan bakat masa hadapan. Kadar ini melibatkan graduan yang bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan.

Kadar kebolehpasaran graduan warganegara pada tahun 2023 adalah sebanyak 89.8 peratus, menurun 0.4 peratus berbanding tahun 2022 (90.2%). Graduan TVET (termasuk UA dalam kategori MTUN) merekodkan kadar kebolehpasaran graduan sebanyak 94.5 peratus, iaitu meningkat 1.2 peratus berbanding 93.3 peratus pada tahun 2022.

Berdasarkan kategori status pekerjaan tahun 2023, sebanyak 67.9 peratus (206,800 graduan) daripada 304,466 graduan warganegara telah bekerja (2022: 69.1%; 204,452 graduan), 16.6 peratus melanjutkan pengajian, 3.3 peratus menunggu penempatan pekerjaan dan 1.9 peratus mengikuti pelbagai program bagi meningkatkan kemahiran. Seramai 31,106 graduan atau 10.2 peratus belum bekerja dan merupakan bilangan kedua terendah bagi tempoh lima (5) tahun kajian (bilangan tertinggi tahun 2020 iaitu seramai 40,550; 15.6%).

Dalam kalangan 206,800 graduan tahun 2023 yang bekerja, sebanyak 50.4 peratus (104,253 graduan) merupakan pekerja syarikat tempatan, menurun 1.0 peratus berbanding tahun 2022 (51.4%). Bermula tahun 2023, sektor pekerjaan ekonomi gig (contoh: Grab/FoodPanda/Lalamove/Dropship Agent/Personal Shopper dan lain-lain) telah diperkenalkan memandangkan ia adalah sektor yang dilihat kompetitif pada masa kini. Sebanyak 8.3 peratus (17,149 graduan) bekerja dalam sektor pekerjaan tersebut.

Seterusnya, dari aspek taraf pekerjaan, majoriti graduan adalah pekerja swasta (termasuk NGO) sebanyak 70.0 peratus (144,759 graduan), diikuti pekerja kerajaan sebanyak 13.8 peratus (28,536 graduan). Mulai tahun 2023, taraf pekerjaan bekerja sendiri dan *freelance* telah diasingkan menjadi kategori tersendiri. Takrifan bekerja sendiri merujuk kepada "seorang yang mengusahakan ladang, perniagaan atau perusahaan sendiri tanpa menggaji pekerja di ladang, perniagaan atau perusahaannya" (Sumber: Statistik Siswazah, Jabatan Perangkaan Malaysia). *Freelance* pula merujuk kepada seorang yang memberikan perkhidmatan kepada pelbagai majikan atau individu secara kontrak. Pada tahun 2023, 4.8 peratus (9,911 graduan) telah direkodkan sebagai bekerja sendiri, 2.6 peratus (5,462 graduan) sebagai *freelance* dan 3.5 peratus bekerja sebagai majikan. Justeru, graduan yang menceburi bidang keusahawanan merekodkan 11.0 peratus (22,689 graduan) manakala 5.2 peratus (10,816 graduan) memilih bekerja dengan keluarga.

Graduan TVET (termasuk MTUN) 2023 juga didapati menunjukkan prestasi kadar kebolehpasaran graduan yang baik berbanding tahun 2022. Sebanyak 58.8 peratus graduan TVET bekerja dalam bidang yang sama dengan program yang diambil di institusi pengajian, iaitu peningkatan sebanyak 1.4 peratus (57.4% pada tahun 2022). Pendapatan graduan TVET dalam julat RM3,001 - RM10,000 juga meningkat dari tahun 2022 ke 2023, menunjukkan graduan TVET semakin mendapat perhatian daripada industri dan memperoleh pendapatan yang baik.

1.4 Metodologi Kajian

Sejak tahun 2006, Kementerian Pendidikan Tinggi telah melaksanakan Kajian Pengesanan Graduan melalui Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) secara tahunan. Kajian ini menyediakan statistik mengenai kebolehpasaran dan maklumat pekerjaan graduan.

Mulai tahun 2018, skop kajian ini diperluaskan merangkumi graduan pendidikan serta latihan teknikal dan vokasional (TVET) di semua institusi latihan kemahiran awam (ILKA) daripada tujuh (7) kementerian lain, iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), serta Kementerian Kerja Raya (KKR).

Kajian Pengesanan Graduan tahun 2023 melibatkan 885 IPT tempatan, termasuk 20 UA, 310 IPTS, 36 politeknik, 95 kolej komuniti, 415 ILKA dan 9 IPT lain. Graduan yang terlibat meliputi peringkat sijil, diploma, sarjana muda, sarjana dan Doktor Falsafah (PhD). Graduan ILKA pula terdiri daripada Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 hingga Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) Tahap 5.

Untuk pelaksanaan kajian ini, pentadbir setiap IPT perlu memuat naik data graduan yang layak berkonvokesyen ke Sistem Anjung SKPG mengikut format yang ditetapkan. Graduan boleh mengakses kaji selidik ini di portal GREaT (great.mohe.gov.my) dalam tempoh tertentu dan mengemas kini status pekerjaan mereka melalui sistem SKPG 2.0 di portal yang sama. Data dianalisis menggunakan data *cut-off date* yang ditetapkan oleh KPT, biasanya pada Februari tahun berikutnya. Data dipersembahkan dalam bentuk frekuensi, peratusan dan graf dengan kemungkinan perbezaan nilai disebabkan oleh proses pembundaran.

1.5 Susunan Buku Laporan Kajian Pengesanan Graduan 2023

Laporan Kajian Pengesanan Graduan 2023 mengekalkan format berinfografik dan susunan yang sama bagi setiap bab. Secara keseluruhan, laporan ini dikelaskan kepada tiga (3) bahagian utama yang merangkumi 12 bab. Berikut adalah perincian setiap bahagian dan bab-bab yang terangkum di dalamnya:

- a. **Bahagian I: Bab 1** memuatkan pengenalan awal berkenaan laporan ini dari aspek tujuan dan kepentingan, skop kajian dan metodologi kajian.
- b. **Bahagian II:** Merangkumi enam (6) bab yang mana setiap bab akan dimulakan dengan dapatan terpilih bagi tahun 2022 dan 2023. Bahagian II terdiri dari bab-bab seperti berikut:
 - i. **Bab 2** memaparkan profil keluaran graduan tahun 2023 mengikut jenis IPT, taraf warganegara, jantina, peringkat dan bidang pengajian.
 - ii. **Bab 3** memfokuskan kepada status pekerjaan mengikut peringkat pengajian dan jenis IPT.
 - iii. **Bab 4** merumuskan maklumat pekerjaan graduan warganegara tahun 2023 yang bekerja, termasuk taraf pekerjaan, sektor pekerjaan, sektor ekonomi, kumpulan pekerjaan, pendapatan bulanan mengikut peringkat pengajian dan sebagainya.
 - iv. **Bab 5** memperihalkan maklumat graduan warganegara yang belum bekerja seperti sebab belum bekerja, kadar belum bekerja mengikut jantina, peringkat dan bidang pengajian, negeri bermastautin dan lain-lain.
 - v. **Bab 6** memuatkan maklumat graduan yang melanjutkan pengajian bagi graduan warganegara dan bukan warganegara.
 - vi. **Bab 7** memaparkan tiga (3) kumpulan berfokus, iaitu graduan usahawan (bekerja sendiri, *freelance* dan sebagai majikan), graduan berstatus Orang Kurang Upaya (OKU) dan graduan berketurunan Orang Asli.
- c. **Bahagian III:** Mengandungi empat (4) bab yang memperihalkan secara trend bagi tempoh lima (5) tahun, iaitu tahun 2019–2023. Perincian setiap bab adalah seperti berikut:
 - i. **Bab 8** memaparkan trend keluaran graduan, kadar respon dan kebolehpasaran graduan warganegara dan perincian status pekerjaan mengikut jenis IPT.
 - ii. **Bab 9** memuatkan trend maklumat pekerjaan graduan warganegara seperti taraf pekerjaan, pendapatan bulanan, sektor ekonomi dan kumpulan pekerjaan serta maklumat graduan yang berkecimpung dalam bidang keusahawanan.
 - iii. **Bab 10** memberi fokus kepada trend graduan TVET dan kadar kebolehpasaran graduan TVET.
 - iv. **Bab 11** memaparkan trend maklumat pekerjaan graduan TVET.
- d. **Bab 12:** Kesimpulan

BAHAGIAN II

- BAB 2** CIRI-CIRI KELUARAN GRADUAN 2023
- BAB 3** STATUS PEKERJAAN GRADUAN (WARGANEGARA) 2023
- BAB 4** MAKLUMAT PEKERJAAN GRADUAN (WARGANEGARA) 2023
- BAB 5** GRADUAN (WARGANEGARA) 2023 YANG BELUM BEKERJA
- BAB 6** GRADUAN 2023 YANG MELANJUTKAN PENGAJIAN
- BAB 7** KUMPULAN BERFOKUS: KELUARAN DAN MAKLUMAT PEKERJAAN
 - SUB BAB 7.1 GRADUAN USAHAWAN 2023
 - SUB BAB 7.2 GRADUAN OKU 2023
 - SUB BAB 7.3 GRADUAN ORANG ASLI 2023

Muka surat ini dibiarkan kosong.

BAB 2




CIRI-CIRI KELUARAN GRADUAN 2023

- 2.1 Keluaran Keseluruhan Graduan 2023
- 2.2 Keluaran Graduan UA 2023
- 2.3 Keluaran Graduan IPTS 2023
- 2.4 Keluaran Graduan Politeknik dan Kolej Komuniti 2023
- 2.5 Keluaran Graduan Institusi di bawah lain-lain Kementerian 2023



KELUARAN GRADUAN DAN KADAR RESPONS TAHUN 2022-2023

- Kaji selidik ini melibatkan graduan peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 hingga Doktor Falsafah (PhD).



- Pada tahun 2023, kadar penyertaan IPT ↑ sebanyak 1.0 peratus.
- Jumlah graduan ↑ 0.6 peratus pada tahun 2023 berbanding tahun 2022.
- Bilangan graduan bukan warganegara ↑ 11.3 peratus pada tahun 2023.

Penyertaan IPT dan Graduan dalam Kajian Pengesanan Graduan Tahun 2023

Jenis IPT	Bil. IPT	Keseluruhan			Warganegara		
		Graduan	Responden	KR (%)	Graduan	Responden	KR (%)
UA	20	145,821	138,539	95.0	137,787	132,676	96.3
IPTS	310	125,261	111,176	88.8	111,861	101,633	90.9
Politeknik	36	30,833	28,407	92.1	30,833	28,407	92.1
Kolej komuniti	95	6,367	6,121	96.1	6,367	6,121	96.1
ILKA KKDW	253	14,733	14,712	99.9	14,733	14,712	99.9
ILKA KESUMA	33	7,216	6,943	96.2	7,216	6,943	96.2
Kolej vokasional	80	6,614	6,614	100.0	6,614	6,614	100.0
ILKBS	21	3,902	3,861	98.9	3,902	3,861	98.9
ILKA KKR	13	1,645	146	8.9	1,645	146	8.9
ILKAP KPKM	14	982	958	97.6	982	958	97.6
ILKA MOTAC	1	107	65	60.7	107	65	60.7
IPT lain	9	2,361	2,330	98.7	2,361	2,330	98.7
Keseluruhan	885	345,842	319,872	92.5	324,408	304,466	93.9

- Pada tahun 2023, kadar respons graduan warganegara ialah 93.9 peratus, iaitu seramai 304,466 graduan daripada jumlah keseluruhan 324,408 graduan warganegara.

Keluaran Graduan dan Kadar Respons Mengikut Peringkat Pengajian, 2022-2023

Peringkat pengajian	2022			2023		
	Bil.	%	KR (%)	Graduan	%	KR (%)
PhD	5,016	1.5	81.7	5,158	1.5	81.9
Sarjana	26,169	7.6	82.9	29,056	8.4	86.1
Ijazah pertama	154,988	45.1	91.9	151,170	43.7	94.4
Diploma lanjutan	315	0.1	87.3	270	0.1	79.6
Diploma	128,596	37.4	89.7	125,128	36.2	92.6
Sijil lanjutan	357	0.1	94.1	767	0.2	90.9
Sijil	25,916	7.5	86.0	30,639	8.9	100.0
Diploma pascasiswazah	1,715	0.5	87.9	3,299	1.0	90.7
Sijil pascasiswazah	161	0.0	78.3	50	0.0	72.0
Diploma siswazah	92	0.0	92.4	96	0.0	77.1
Sijil siswazah	41	0.0	19.5	60	0.0	78.3
Profesional	401	0.1	72.8	149	0.0	94.0
Keseluruhan	343,767	100.0	89.8	345,842	100.0	92.5


KR= Kadar respons

CIRI-CIRI KELUARAN GRADUAN 2023

Bab ini memperihalkan profil graduan tahun 2023 yang dikeluarkan oleh universiti awam (UA), institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS), politeknik, kolej komuniti dan juga institusi latihan kemahiran awam (ILKA) di bawah tujuh (7) kementerian lain yang bergraduasi pada tahun 2023. Peringkat pengajian yang terlibat dalam kajian ini ialah graduan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 hingga peringkat Doktor Falsafah (PhD) dan setaraf.

2.1 Keluaran Keseluruhan Graduan 2023


2.1.1 Keluaran Graduan 2023 Mengikut Jenis IPT



- Kajian Pengesanan Graduan 2023 melibatkan 345,842 graduan daripada 885 IPT. Seramai 319,872 graduan telah melengkapkan kajian dengan kadar respons sebanyak 92.5 peratus.
- Peratusan tertinggi keluaran 2023 ialah graduan universiti awam (UA), iaitu sebanyak 42.2 peratus (145,821 graduan), diikuti IPTS 36.2 peratus (125,261 graduan) dan politeknik 8.9 peratus (30,833 graduan).
- Seterusnya adalah graduan ILKA KKDW 4.3 peratus (14,733 graduan), ILKA KESUMA 2.1 peratus (7,216 graduan), kolej vokasional 1.9 peratus (6,614 graduan), kolej komuniti 1.8 peratus (6,367 graduan) dan ILKBS 1.1 peratus (3,902 graduan).
- ILKA KKR, ILKAP KPKM, ILKA MOTAC dan IPT lain mencatatkan kadar keluaran kurang daripada 1.0 peratus.

2.1.2 Keluaran Graduan 2023 Mengikut Peringkat Pengajian dan Jantina

Carta 2.1b Keluaran Graduan 2023 Mengikut Peringkat Pengajian dan Jantina



- Graduan peringkat ijazah pertama merupakan keluaran tertinggi pada tahun 2023, iaitu sebanyak 43.7 peratus (151,170 graduan), diikuti graduan diploma 36.2 peratus (125,128 graduan), sijil 8.9 peratus (30,639 graduan), sarjana 8.4 peratus (29,056 graduan), PhD 1.5 peratus (5,158 graduan) dan peringkat lain sebanyak 1.4 peratus (4,691 graduan).
- Graduan peringkat sijil dan PhD merekodkan bilangan graduan lelaki melebihi graduan perempuan.

N= Jumlah graduan

L= Lelaki

P= Perempuan

* Termasuk diploma lanjutan, sijil lanjutan, diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma siswazah, sijil siswazah dan profesional

2.1.3 Keluaran Graduan 2023 Mengikut Jenis IPT dan Peringkat Pengajian

- Graduan peringkat ijazah pertama merupakan kumpulan terbesar keluaran UA, iaitu sebanyak 62.2 peratus atau seramai 90,677 graduan diikuti diploma 20.2 peratus (29,516 graduan), sarjana 12.6 peratus (18,434 graduan), PhD 2.9 peratus (4,220 graduan) dan peringkat lain sebanyak 2.0 peratus (2,974 graduan).
- Graduan peringkat ijazah pertama dan diploma merupakan dua (2) kumpulan terbesar keluaran IPTS, iaitu masing-masing 48.1 peratus (60,196 graduan) dan 39.8 peratus (49,866 graduan).
- Graduan peringkat diploma merupakan keluaran graduan utama bagi kolej vokasional (100.0%; 6,614 graduan), politeknik (99.3%; 30,630 graduan), IPT lain (85.8%; 2,025 graduan) dan ILKA MOTAC (67.3%; 72 graduan).
- Graduan peringkat sijil pula merupakan keluaran utama bagi ILKA KKR (100.0%; 1,645 graduan), kolej komuniti (97.0%; 6,178 graduan), ILKAP KPKM (90.2%; 886 graduan) dan ILKA KKDW (80.6%; 11,878 graduan).


Jadual 2a

Keluaran Graduan 2023 Mengikut Jenis IPT dan Peringkat Pengajian

Jenis IPT	Jumlah graduan	Peringkat pengajian (%)					
		PhD	Sarjana	Ijazah pertama	Diploma	Sijil	* Peringkat lain
UA	145,821	2.9	12.6	62.2	20.2	-	2.0
IPTS	125,261	0.7	8.5	48.1	39.8	2.1	0.9
Politeknik	30,833	-	-	0.5	99.3	0.1	-
Kolej komuniti	6,367	-	-	-	3.0	97.0	-
ILKA KKDW	14,733	-	-	-	16.1	80.6	3.3
ILKA KESUMA	7,216	-	-	-	37.3	62.4	0.3
Kolej vokasional	6,614	-	-	-	100.0	-	-
ILKBS	3,902	-	-	-	27.1	69.5	3.4
ILKA KKR	1,645	-	-	-	-	100.0	-
ILKAP KPKM	982	-	-	-	9.8	90.2	-
ILKA MOTAC	107	-	-	-	67.3	32.7	-
IPT lain	2,361	0.1	0.1	5.8	85.8	8.2	-
Keseluruhan	345,842	1.5	8.4	43.7	36.2	8.9	1.4

* Termasuk diploma lanjutan, sijil lanjutan, diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma siswazah, sijil siswazah dan profesional

2.1.4 Keluaran Graduan 2023 Mengikut Bidang Pengajian dan Jantina



- Seramai 99,814 graduan atau 28.9 peratus keluaran tahun 2023 ialah dalam bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan, diikuti kejuruteraan, pembuatan & pembinaan 25.0 peratus (86,616 graduan) dan sastera & kemanusiaan 8.7 peratus (30,003 graduan).
- Terdapat tiga (3) bidang pengajian merekodkan bilangan graduan lelaki melebihi perempuan, iaitu bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (70.1%), teknologi maklumat & komunikasi (62.2%) dan pertanian, perhutanan & veterinar (51.9%).

2.1.5 Keluaran Graduan 2023 Mengikut Jenis IPT dan Bidang Pengajian

- Keluaran ILKA seperti ILKA KKR, ILKA KESUMA, ILKBS, ILKA KKDW, politeknik, kolej vokasional dan kolej komuniti adalah dalam bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan, antara 43.8 hingga 99.9 peratus, manakala IPTS, UA dan IPT lain merekodkan peratusan tertinggi dalam bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan.
- Keluaran ILKAP KPKM mencatatkan seramai 888 graduan (90.4%) dalam bidang pertanian, perhutanan, perikanan & veterinar.

Jadual 2b

Keluaran Graduan 2023 Mengikut Jenis IPT dan Bidang Pengajian

Jenis IPT	Jumlah graduan	Bidang pengajian (%)										
		Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	Sastera dan kemanusiaan	Teknologi maklumat dan komunikasi	Pendidikan	Perkhidmatan	Kesihatan dan kebajikan	Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	Sains semulajadi, matematik dan statistik	Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	Program dan kelayakan generik
UA	145,821	27.7	21.1	8.9	6.4	8.2	4.4	5.5	6.9	8.8	2.0	0.0
IPTS	125,261	38.7	10.5	9.0	9.1	9.2	7.8	8.9	5.0	1.6	0.3	0.0
Politeknik	30,833	24.0	54.4	2.1	9.0	-	7.0	-	0.7	0.3	2.5	-
Kolej komuniti	6,367	6.5	43.8	11.8	13.0	-	23.7	-	-	-	1.2	-
ILKA KKDW	14,733	-	64.3	20.4	4.7	-	9.8	0.7	-	0.1	0.1	-
ILKA KESUMA	7,216	-	80.8	3.5	5.0	10.7	-	-	-	-	-	-
Kolej vokasional	6,614	21.7	47.7	4.6	7.9	2.5	12.6	-	-	0.3	2.8	-
ILKBS	3,902	-	76.8	4.9	0.6	-	15.6	2.1	-	-	-	-
ILKA KKR	1,645	-	99.9	-	0.1	-	-	-	-	-	-	-
ILKAP KPKM	982	4.8	4.8	-	-	-	-	-	-	-	90.4	-
ILKA MOTAC	107	-	-	100.0	-	-	-	-	-	-	-	-
IPT lain	2,361	70.9	1.4	19.8	7.3	-	-	-	-	-	0.5	-
Keseluruhan	345,842	28.9	25.0	8.7	7.5	7.1	6.6	5.6	4.8	4.3	1.5	0.02


2.1.6 Keluaran Graduan 2023 Mengikut Taraf Kewarganegaraan, Jantina dan Jenis IPT



- Seramai 21,434 graduan (6.2%) keluaran tahun 2023 merupakan bukan warganegara dengan 53.9 peratus daripadanya adalah graduan lelaki.
- Bagi keluaran bukan warganegara, UA mencatatkan seramai 8,034 graduan (5.5%), manakala IPTS adalah 13,400 graduan (10.7%).

2.1.7 Keluaran Graduan UA dan IPTS 2023 Mengikut Peringkat Pengajian, Taraf Kewarganegaraan dan Jantina

- Secara keseluruhan, majoriti graduan di UA dan IPTS pada semua peringkat pengajian adalah warganegara kecuali peringkat pengajian PhD di IPTS.
- Graduan bukan warganegara peringkat PhD di UA dan IPTS ialah masing-masing 44.2 peratus dan 57.9 peratus.
- Sebahagian besar graduan peringkat sarjana dan ijazah pertama di UA ialah graduan warganegara, iaitu masing-masing 79.6 peratus dan 97.4 peratus. Graduan sarjana di IPTS, iaitu 48.3 peratus merupakan bukan warganegara.
- Peratusan graduan lelaki bukan warganegara di IPTS mengatasi perempuan bagi ketiga-tiga peringkat pengajian, iaitu antara 51.2 hingga 59.3 peratus daripada jumlah keluaran masing-masing. Begitu juga bagi UA, peratus graduan lelaki bukan warganegara mengatasi perempuan kecuali peringkat sarjana.




2.2 Keluaran Graduan UA 2023

2.2.1 Keluaran graduan UA 2023 bagi Setiap Universiti



- Sebanyak 36.0 peratus atau 52,436 graduan UA tahun 2023 merupakan keluaran Universiti Teknologi MARA (UiTM), diikuti empat (4) UA yang merekodkan keluaran antara 5.0 hingga 5.7 peratus, iaitu UM (5.7%; 8,326 graduan), USM (5.6%; 8,156 graduan), UPSI (5.2%; 7,614 graduan) dan UKM (5.0%; 7,255 graduan).

2.2.2 Keluaran Graduan UA 2023 Mengikut Peringkat Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan



- Majoriti keluaran UA adalah graduan peringkat ijazah pertama, iaitu sebanyak 62.2 peratus (90,677 graduan), diikuti peringkat diploma 20.2 peratus (29,516 graduan), sarjana 12.6 peratus (18,434 graduan), PhD 2.9 peratus (4,220 graduan) dan peringkat lain 2.0 peratus (2,974 graduan).
- Hanya peringkat PhD yang merekodkan peratusan graduan lelaki melebihi perempuan, iaitu sebanyak 52.6 peratus.
- Sebanyak 94.5 peratus graduan UA adalah warganegara dan selebihnya 5.5 peratus (8,034 graduan) merupakan bukan warganegara.

2.2.3 Keluaran Graduan 2023 Mengikut Kategori UA dan Peringkat Pengajian

- Seramai 65,252 graduan UA atau 44.7 peratus adalah daripada universiti komprehensif, diikuti universiti penyelidikan 37,216 graduan (25.5%), universiti berfokus 26,762 graduan (18.4%) dan universiti teknikal 16,591 graduan (11.4%).
- Semua kategori UA merekodkan peratusan tertinggi graduan pada peringkat ijazah pertama, iaitu antara 58.6 hingga 70.9 peratus.
- Peratusan kedua tertinggi bagi universiti komprehensif (33.5%) dan universiti teknikal (19.7%) adalah peringkat diploma, manakala bagi universiti penyelidikan dan universiti berfokus adalah peringkat sarjana.

Jadual 2c

Keluaran Graduan 2023 Mengikut Kategori UA dan Peringkat Pengajian

Peringkat pengajian	Kategori UA (%)			
	Universiti Penyelidikan (N= 37,216)	Universiti Komprehensif (N= 65,252)	Universiti Teknikal (N= 16,591)	Universiti Berfokus (N= 26,762)
PhD	6.8	1.1	2.3	2.2
Sarjana	28.3	5.7	8.0	10.5
Ijazah pertama	58.6	58.9	69.0	70.9
Diploma	4.8	33.5	19.7	9.8
* Peringkat lain	1.5	0.8	1.0	6.5

N= Jumlah graduan

* Termasuk diploma lanjutan, sijil lanjutan, diploma pascasiswazah, diploma siswazah dan profesional

2.2.4 Keluaran Graduan UA 2023 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

Jadual 2d

Keluaran Graduan UA 2023 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan



Bidang pengajian	Bil.	%	L (%)	W (%)
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	40,364	27.7	30.5	94.5
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	30,714	21.1	57.1	95.5
Sastera dan kemanusiaan	13,042	8.9	33.6	92.7
Sains semulajadi, matematik dan statistik	12,894	8.8	26.2	96.4
Pendidikan	12,030	8.2	25.3	94.2
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	9,995	6.9	30.0	89.4
Teknologi maklumat dan komunikasi	9,313	6.4	51.4	90.9
Kesihatan dan kebajikan	8,063	5.5	26.9	97.2
Perkhidmatan	6,432	4.4	43.8	98.6
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	2,905	2.0	44.5	97.5
Program dan kelayakan generik	69	0.05	37.7	100.0

N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan W= Warganegara

- Terdapat dua (2) bidang pengajian yang merekodkan peratusan keluaran UA melebihi 20.0 peratus, iaitu perniagaan, pentadbiran & perundangan (27.7%) dan bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (21.1%).
- Bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan dan teknologi maklumat & komunikasi merekodkan bilangan graduan lelaki melebihi perempuan.
- Bidang sains sosial, kewartawanan & maklumat mempunyai peratusan tertinggi bukan warganegara, iaitu 10.6 peratus daripada jumlah keseluruhan graduan bidang tersebut.

2.2.5 Keluaran Graduan UA Peringkat PhD 2023 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf kewarganegaraan

Jadual 2e

Keluaran Graduan UA Peringkat PhD 2023 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan



Bidang pengajian	Bil.	%	L (%)	W (%)
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	1,052	24.9	58.3	60.6
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	775	18.4	58.3	45.4
Sains semulajadi, matematik dan statistik	483	11.4	44.1	68.5
Pendidikan	451	10.7	38.8	56.1
Sastera dan kemanusiaan	438	10.4	56.6	46.3
Kesihatan dan kebajikan	358	8.5	38.8	74.9
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	274	6.5	51.5	52.9
Teknologi maklumat dan komunikasi	253	6.0	62.1	30.4
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	82	1.9	59.8	56.1
Perkhidmatan	53	1.3	64.2	75.5
Program dan kelayakan generik	1	0.02	0.0	100.0


N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan W= Warganegara

- Sebanyak 24.9 peratus graduan PhD di UA adalah lulusan bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan, diikuti perniagaan, pentadbiran & perundangan 18.4 peratus dan sains semulajadi, matematik & statistik 11.4 peratus.
- Graduan perempuan melebihi lelaki bagi bidang kesihatan & kebajikan dan bidang pendidikan, iaitu masing-masing sebanyak 61.2 peratus serta bidang sains semulajadi, matematik & statistik sebanyak 55.9 peratus.
- Peratusan tertinggi graduan bukan warganegara UA ialah dalam bidang teknologi maklumat & komunikasi, iaitu 69.6 peratus.

2.2.6 Keluaran Graduan UA Peringkat PhD 2023 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina

Carta 2.2c

Keluaran Graduan UA Peringkat PhD 2023 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina



- Kumpulan umur terbesar graduan PhD UA ialah 41 tahun & ke atas, iaitu sebanyak 35.3 peratus, diikuti kumpulan umur 31 - 35 tahun (26.5%) dan 36 - 40 tahun (25.9%).
- Graduan lelaki melebihi perempuan bagi kumpulan umur 36 tahun dan ke atas, iaitu sebanyak 59.3 peratus bagi kumpulan 41 tahun & ke atas dan 52.2 peratus bagi kumpulan 36 - 40 tahun.

2.2.7 Keluaran Graduan UA Peringkat Sarjana 2023 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

Jadual 2f

Keluaran Graduan UA Peringkat Sarjana 2023 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan



Bidang pengajian	Bil.	%	L (%)	W (%)
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	4,742	25.7	42.0	74.4
Pendidikan	3,429	18.6	20.4	86.8
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	2,441	13.2	53.9	82.6
Kesihatan dan kebajikan	2,111	11.5	39.1	95.3
Sains semulajadi, matematik dan statistik	1,343	7.3	29.6	83.5
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	1,338	7.3	29.1	61.9
Sastera dan kemanusiaan	1,267	6.9	33.5	63.6
Teknologi maklumat dan komunikasi	994	5.4	54.8	68.9
Perkhidmatan	621	3.4	65.2	91.8
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	148	0.8	40.5	83.8


N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan W= Warganegara

- Sebanyak 25.7 peratus graduan sarjana UA ialah dalam bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan, diikuti pendidikan (18.6%) dan kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (13.2%).
- Terdapat tiga (3) bidang pengajian merekodkan graduan lelaki melebihi perempuan, iaitu perkhidmatan (65.2%), teknologi maklumat & komunikasi (54.8%) dan kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (53.9%).
- Peratusan tertinggi graduan bukan warganegara adalah dalam bidang sains sosial, kewartawanan & maklumat, iaitu 38.1 peratus manakala peratusan terendah ialah bidang kesihatan & kebajikan iaitu 4.7 peratus.

2.2.8 Keluaran Graduan UA Peringkat Sarjana 2023 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina

Carta 2.2d

Keluaran Graduan UA Peringkat Sarjana 2023 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina



- Sebanyak 32.6 peratus graduan sarjana UA adalah dalam kumpulan umur 26 - 30 tahun, diikuti kumpulan umur 21 - 25 tahun (22.8%) dan 31 - 35 tahun (19.4%).
- Graduan perempuan melebihi lelaki bagi semua kumpulan umur kecuali 41 tahun & ke atas.

2.2.9 Keluaran Graduan UA Peringkat Ijazah Pertama 2023 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf kewarganegaraan

Jadual 2g Keluaran Graduan UA Peringkat Ijazah Pertama 2023 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan




Bidang pengajian	Bil.	%	L (%)	W (%)
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	25,100	27.7	28.2	97.7
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	20,727	22.9	57.1	97.3
Sastera dan kemanusiaan	8,588	9.5	31.8	97.0
Sains semulajadi, matematik dan statistik	8,202	9.0	25.3	98.9
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	7,168	7.9	29.8	94.1
Teknologi maklumat dan komunikasi	6,080	6.7	49.8	94.1
Pendidikan	5,778	6.4	27.7	99.1
Kesihatan dan kebajikan	4,700	5.2	22.7	99.2
Perkhidmatan	2,871	3.2	37.1	99.2
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	1,395	1.5	41.3	99.1
Program dan kelayakan generik	68	0.1	38.2	100.0

N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan W= Warganegara


- Terdapat dua (2) kumpulan terbesar graduan ijazah pertama UA, iaitu graduan bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan (27.7%) dan kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (22.9%).
- Hampir semua bidang merekodkan bilangan graduan perempuan melebihi lelaki kecuali bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan.
- Graduan bukan warganegara peringkat ijazah pertama adalah kurang daripada 6.0 peratus dengan peratus tertinggi (5.9%) dalam bidang sains sosial, kewartawanan & maklumat dan teknologi maklumat & komunikasi.

2.2.10 Keluaran Graduan UA Peringkat Ijazah Pertama 2023 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina



- Sebahagian besar graduan ijazah pertama UA, iaitu sebanyak 91.5 peratus berada dalam kumpulan umur 21 - 25 tahun, diikuti kumpulan 26 - 30 tahun (4.9%) dan 31 - 35 tahun (1.7%).
- Graduan perempuan melebihi lelaki bagi tiga (3) kumpulan umur kurang daripada 31 tahun.

2.2.11 Pencapaian Akademik Graduan UA Peringkat Ijazah Pertama 2023



- Sebanyak 45.3 peratus graduan ijazah pertama UA memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) antara 3.00 – 3.49, diikuti PNGK 3.50 – 3.69 (25.3%) dan PNGK 3.70 – 4.00 (18.3%).
- Terdapat 10.1 peratus graduan memperoleh PNGK kurang daripada 3.00, iaitu 9.4 peratus bagi PNGK 2.50 – 2.99 dan 0.7 peratus bagi PNGK 2.00 – 2.49.

2.2.12 Keluaran Graduan UA Peringkat Diploma 2023 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

Jadual 2h Keluaran Graduan UA Peringkat Diploma 2023 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan




Bidang pengajian	Bil.	%	L (%)	W (%)
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	9,147	31.0	28.6	100.0
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	6,336	21.5	57.6	100.0
Sains semulajadi, matematik dan statistik	2,866	9.7	24.0	100.0
Perkhidmatan	2,853	9.7	45.1	100.0
Sastera dan kemanusiaan	2,749	9.3	35.4	100.0
Teknologi maklumat dan komunikasi	1,986	6.7	53.2	99.9
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	1,280	4.3	47.4	100.0
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	1,210	4.1	27.3	100.0
Kesihatan dan kebajikan	836	2.8	16.1	100.0
Pendidikan	253	0.9	14.2	100.0

N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan W= Warganegara


- Dua (2) kumpulan terbesar graduan diploma UA ialah bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan (31.0%) dan kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (21.5%).
- Graduan lelaki melebihi perempuan dalam bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (57.6%) dan teknologi maklumat & komunikasi (53.2%).
- Hampir semua bidang pengajian merekodkan 100.0 peratus graduan warganegara.

2.2.13 Keluaran Graduan UA Peringkat Diploma 2023 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina



- Sebahagian besar graduan diploma UA berada dalam kumpulan umur 19 – 20 tahun, iaitu 63.8 peratus, diikuti kumpulan umur 21 – 25 tahun 32.5 peratus dan 26 – 30 tahun 1.0 peratus.
- Bagi kumpulan umur melebihi 30 tahun, masing-masing adalah kurang daripada 1.0 peratus.
- Graduan lelaki melebihi perempuan bagi semua kumpulan umur 26 tahun dan ke atas.

2.2.14 Pencapaian Akademik Graduan UA Peringkat Diploma 2023



- Sebanyak 48.2 peratus graduan diploma UA memperoleh PNGK 3.00 – 3.49, diikuti PNGK 3.50 – 3.69 (24.7%) dan PNGK 3.70 – 4.00 (16.3%).
- Terdapat 10.8 peratus graduan diploma memperoleh PNGK kurang daripada 3.00 dengan PNGK 2.50 – 2.99 sebanyak 10.3 peratus dan 0.5 peratus dalam julat PNGK 2.00 – 2.49.

2.3 Keluaran Graduan IPTS 2023

2.3.1 Keluaran Graduan IPTS 2023 Mengikut Kategori dan Peringkat Pengajian

- Kumpulan terbesar keluaran IPTS bertaraf universiti dan kampus cawangan universiti luar negara ialah graduan ijazah pertama, iaitu masing-masing 63.3 peratus (46,136 graduan) dan 89.5 peratus (6,071 graduan).
- Bagi IPTS bertaraf kolej universiti dan kolej & lain-lain pula, kumpulan terbesar ialah graduan diploma, iaitu 52.0 peratus (4,706 graduan) dan 80.0 peratus (29,200 graduan).

Jadual 2i


Keluaran Graduan IPTS 2023 Mengikut Kategori dan Peringkat Pengajian

Peringkat pengajian	Kategori IPTS (%)			
	Universiti (N= 72,931)	Kolej Universiti (N= 9,048)	Kolej dan lain-lain (N= 36,498)	Kampus Cawangan Universiti Luar Negara (N= 6,784)
PhD	1.0	0.7	0.05	2.0
Sarjana	12.4	7.7	1.0	7.5
Ijazah pertama	63.3	37.9	12.5	89.5
Diploma	21.8	52.0	80.0	0.5
Sijil	0.3	1.4	6.1	-
* Peringkat lain	1.2	0.3	0.4	0.5

N= Jumlah graduan

* Termasuk diploma lanjutan, diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma siswazah dan sijil siswazah

2.3.2 Keluaran Graduan IPTS 2023 Mengikut Peringkat Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan



- Sebanyak 48.1 peratus atau seramai 60,196 graduan IPTS adalah peringkat ijazah pertama, diikuti diploma 39.8 peratus (49,866 graduan), sarjana 8.5 peratus (10,619 graduan) dan sijil 2.1 peratus (2,568 graduan).
- Graduan perempuan melebihi lelaki bagi semua peringkat pengajian kecuali PhD, manakala bilangan yang sama bagi peringkat sarjana.
- Lebih 50.0 peratus graduan peringkat PhD merupakan bukan warganegara, iaitu 57.9 peratus.

2.3.3 Keluaran Graduan IPTS 2023 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

Jadual 2j

Keluaran Graduan IPTS 2023 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

N 125,261

L 55,298

P 69,963

W 111,861

Bidang pengajian	Bil.	%	L (%)	W (%)
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	48,480	38.7	41.2	86.8
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	13,152	10.5	72.2	90.1
Pendidikan	11,506	9.2	12.2	89.9
Teknologi maklumat dan komunikasi	11,386	9.1	74.2	86.2
Sastera dan kemanusiaan	11,231	9.0	46.6	93.6
Kesihatan dan kebajikan	11,141	8.9	23.7	95.1
Perkhidmatan	9,775	7.8	52.7	93.6
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	6,217	5.0	30.0	87.4
Sains semulajadi, matematik dan statistik	1,981	1.6	41.5	84.4
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	390	0.3	61.8	99.7
Program dan kelayakan generik	2	0.0	50.0	50.0

N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan W= Warganegara

- Kumpulan terbesar graduan IPTS ialah bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan (38.7%), diikuti kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (10.5%) dan pendidikan (9.2%).
- Terdapat empat (4) bidang pengajian yang merekodkan graduan lelaki melebihi perempuan, iaitu teknologi maklumat & komunikasi (74.2%), kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (72.2%), pertanian, perhutanan, perikanan & veterinar (61.8%) dan perkhidmatan (52.7%).
- Peratusan tertinggi graduan bukan warganegara ialah bidang sains semulajadi, matematik & statistik (15.6%).

2.3.4 Keluaran Graduan IPTS Peringkat PhD 2023 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

Jadual 2k

Keluaran Graduan IPTS Peringkat PhD 2023 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

N 935

L 532

P 403


W 394

Bidang pengajian	Bil.	%	L (%)	W (%)
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	353	37.8	63.2	43.1
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	172	18.4	69.2	51.7
Pendidikan	108	11.6	29.6	28.7
Sastera dan kemanusiaan	77	8.2	53.2	33.8
Teknologi maklumat dan komunikasi	68	7.3	60.3	23.5
Kesihatan dan kebajikan	65	7.0	60.0	40.0
Sains semulajadi, matematik dan statistik	57	6.1	42.1	61.4
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	27	2.9	33.3	63.0
Perkhidmatan	8	0.9	50.0	25.0

N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan W= Warganegara

- Keluaran PhD seramai 935 graduan, sebanyak 37.8 peratus adalah dalam bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan, diikuti kejuruteraan, pembuatan & pembinaan sebanyak 18.4 peratus dan pendidikan sebanyak 11.6 peratus.
- Terdapat tiga (3) bidang pengajian merekodkan graduan perempuan mengatasi lelaki, iaitu bidang pendidikan, sains sosial, kewartawanan & maklumat dan sains semulajadi, matematik & statistik.
- Graduan bukan warganegara merekodkan peratusan tertinggi dalam bidang teknologi maklumat & komunikasi.

2.3.5 Keluaran Graduan IPTS Peringkat PhD 2023 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina



- Graduan PhD dalam kumpulan umur 41 tahun & ke atas merekodkan peratus tertinggi, iaitu 39.7 peratus, diikuti 36 - 40 tahun (22.2%) dan 31 - 35 tahun (21.0%).
- Graduan perempuan melebihi lelaki bagi dua (2) kumpulan umur kurang daripada 30 tahun.

2.3.6 Keluaran Graduan IPTS Peringkat Sarjana 2023 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

Jadual 21 Keluaran Graduan IPTS Peringkat Sarjana 2023 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan




Bidang pengajian	Bil.	%	L (%)	W (%)
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	7,185	67.7	55.3	49.0
Pendidikan	1,529	14.4	23.2	41.1
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	489	4.6	66.7	73.8
Kesihatan dan kebajikan	394	3.7	28.2	83.8
Teknologi maklumat dan komunikasi	333	3.1	72.7	58.6
Sastera dan kemanusiaan	221	2.1	53.4	46.2
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	213	2.0	26.3	63.8
Perkhidmatan	130	1.2	66.9	86.2
Sains semulajadi, matematik dan statistik	125	1.2	38.4	81.6

N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan W= Warganegara

- Majoriti graduan sarjana IPTS ialah bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan (67.7%), diikuti pendidikan (14.4%) dan kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (4.6%).
- Terdapat lima (5) bidang pengajian merekodkan graduan lelaki melebihi perempuan dengan peratus tertinggi ialah dalam bidang teknologi maklumat & komunikasi (72.7%).
- Tiga (3) bidang mempunyai graduan bukan warganegara melebihi 50.0 peratus, iaitu bidang pendidikan (58.9%), sastera & kemanusiaan (53.8%) dan perniagaan, pentadbiran & perundangan (51.0%).

2.3.7 Keluaran Graduan IPTS Peringkat Sarjana 2023 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina



- Sebanyak 25.0 peratus graduan sarjana IPTS berada dalam kumpulan umur 26 – 30 tahun, diikuti 31 – 35 tahun (21.9%) dan 41 tahun & ke atas (19.3%).
- Peratus graduan lelaki melebihi perempuan bagi kumpulan umur 36 tahun dan ke atas.
- Terdapat tiga (3) graduan sarjana IPTS berumur 19 – 20 tahun pada tahun 2023, iaitu dua (2) graduan warganegara dan seorang bukan warganegara.

2.3.8 Keluaran Graduan IPTS Peringkat Ijazah Pertama 2023 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

Jadual 2m Keluaran Graduan IPTS Peringkat Ijazah Pertama 2023 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan




Bidang pengajian	Bil.	%	L (%)	W (%)
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	22,714	37.7	41.1	89.9
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	9,191	15.3	71.0	88.7
Teknologi maklumat dan komunikasi	7,131	11.8	74.8	81.8
Kesihatan dan kebajikan	4,771	7.9	30.2	91.2
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	4,628	7.7	30.5	85.6
Sastera dan kemanusiaan	4,283	7.1	42.1	90.7
Pendidikan	3,139	5.2	13.7	95.3
Perkhidmatan	2,614	4.3	50.8	83.6
Sains semulajadi, matematik dan statistik	1,650	2.7	41.8	84.2
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	73	0.1	57.5	100.0
Program dan kelayakan generik	2	0.0	50.0	50.0

N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan W= Warganegara


- Kumpulan terbesar graduan ijazah pertama IPTS ialah bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan (37.7%), diikuti bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (15.3%) dan teknologi maklumat & komunikasi (11.8%).
- Terdapat dua (2) bidang pengajian yang mencatatkan peratusan graduan lelaki melebihi 70.0 peratus, iaitu teknologi maklumat & komunikasi (74.8%) dan kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (71.0%).
- Semua graduan bidang pertanian, perhutanan, perikanan & veterinar adalah warganegara, iaitu seramai 73 graduan.

2.3.9 Keluaran Graduan IPTS Peringkat Ijazah Pertama 2023 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina



- Sebahagian besar graduan ijazah pertama IPTS berada dalam kumpulan umur 21 – 25 tahun, iaitu sebanyak 84.4 peratus.
- Bilangan graduan perempuan melebihi lelaki bagi semua kumpulan umur kecuali 26 – 30 tahun (53.3%) dan kumpulan umur 18 tahun & ke bawah (66.7%).

2.3.10 Pencapaian Akademik Graduan IPTS Peringkat Ijazah Pertama 2023



- Sebanyak 40.6 peratus graduan ijazah pertama IPTS memperoleh PNGK 3.00 – 3.49, diikuti PNGK 3.50 – 3.69 (17.0%) dan PNGK 2.50 – 2.99 (16.0%).
- Terdapat 14.0 peratus atau 8,423 graduan berada dalam julat PNGK 3.70 – 4.00.

2.3.11 Keluaran Graduan IPTS Peringkat Diploma 2023 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

Jadual 2n

Keluaran Graduan IPTS Peringkat Diploma 2023
Mengikut Bidang Pengajian,
Jantina dan Taraf Kewarganegaraan




Bidang pengajian	Bil.	%	L (%)	W (%)
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	17,386	34.9	35.1	98.9
Perkhidmatan	6,656	13.3	52.1	97.6
Sastera dan kemanusiaan	6,440	12.9	49.1	97.9
Pendidikan	5,853	11.7	7.3	99.8
Kesihatan dan kebajikan	4,995	10.0	17.4	99.6
Teknologi maklumat dan komunikasi	3,757	7.5	73.2	98.0
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	3,002	6.0	74.7	98.3
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	1,332	2.7	28.5	97.7
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	317	0.6	62.8	99.7
Sains semulajadi, matematik dan statistik	128	0.3	41.4	97.7

N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan W= Warganegara


- Kumpulan terbesar graduan diploma IPTS tahun 2023 adalah bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan (34.9%), diikuti perkhidmatan (13.3%) dan sastera & kemanusiaan (12.9%).
- Terdapat empat (4) bidang pengajian yang mencatatkan peratusan graduan lelaki melebihi perempuan, iaitu kejuruteraan, pembuatan & pembinaan, bidang teknologi maklumat & komunikasi, bidang pertanian, perhutanan, perikanan & veterinar serta perkhidmatan.
- Semua bidang pengajian merekodkan peratusan warganegara melebihi 97.0 peratus.

2.3.12 Keluaran Graduan IPTS Peringkat Diploma 2023 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina



- Majoriti graduan diploma IPTS berada dalam kumpulan umur 19 - 20 tahun, iaitu 61.8 peratus, kumpulan umur 21 - 25 tahun (34.8%) dan 26 - 30 tahun (1.6%).
- Semua kumpulan umur merekodkan peratusan graduan perempuan melebihi lelaki.


2.3.13 Pencapaian Akademik Graduan IPTS Peringkat Diploma 2023



- Sebanyak 41.8 peratus graduan diploma IPTS berada dalam julat PNGK 3.00 - 3.49, diikuti 3.50 - 3.69 (18.8%).
- Graduan yang memperoleh PNGK 3.70 - 4.00 pula ialah sebanyak 18.7 peratus.

2.4 Keluaran Graduan Politeknik dan Kolej Komuniti 2023

2.4.1 Keluaran Graduan Politeknik dan Kolej Komuniti 2023 Mengikut Peringkat Pengajian dan Jantina



- Daripada 30,833 keluaran graduan politeknik 2023, majoritinya mengikuti pengajian peringkat pengajian diploma yang menyumbang sebanyak 99.3 peratus. Dua (2) peringkat pengajian lain, iaitu ijazah pertama dan sijil, masing-masing hanya menyumbang 0.5 peratus dan 0.1 peratus
- Kolej komuniti merekodkan 97.0 peratus bagi peringkat sijil. Kedua-dua peringkat pengajian di kolej komuniti menunjukkan bilangan graduan lelaki melebihi perempuan.

2.4.2 Keluaran Graduan Politeknik dan Kolej Komuniti 2023 Mengikut Bidang Pengajian dan Jantina

- Peratusan tertinggi keluaran politeknik dan kolej komuniti ialah dalam bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan, iaitu masing-masing sebanyak 54.4 peratus dan 43.8 peratus.
- Bagi politeknik, kumpulan kedua terbesar ialah bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan (24.0%), manakala kolej komuniti ialah perkhidmatan (23.7%).
- Terdapat tiga (3) bidang pengajian di politeknik yang merekodkan graduan perempuan melebihi lelaki, iaitu bidang sains semulajadi, matematik & statistik, perniagaan, pentadbiran & perundangan serta perkhidmatan.
- Bagi kolej komuniti, terdapat tiga (3) bidang merekodkan graduan lelaki melebihi perempuan daripada enam (6) bidang yang ditawarkan, iaitu bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan, pertanian, perhutanan, perikanan & veterinar serta teknologi maklumat & komunikasi.

Jadual 2o

Keluar Graduan Politeknik dan Kolej Komuniti 2023 Mengikut Bidang Pengajian dan Jantina

Bidang pengajian	Politeknik (N= 30,833)			Kolej komuniti (N= 6,367)		
	Bil.	%	L	Bil.	%	L
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	16,773	54.4	67.6	2,791	43.8	80.3
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	7,402	24.0	28.8	412	6.5	33.0
Teknologi maklumat dan komunikasi	2,786	9.0	52.3	827	13.0	52.5
Perkhidmatan	2,160	7.0	32.7	1,511	23.7	30.8
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	760	2.5	50.1	74	1.2	63.5
Sastera dan kemanusiaan	651	2.1	51.8	752	11.8	25.7
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	219	0.7	53.0	-	-	-
Sains semulajadi, matematik dan statistik	82	0.3	23.2	-	-	-

N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan

2.4.3 Keluaran Graduan Politeknik dan Kolej Komuniti 2023 Mengikut Peringkat Pengajian dan Kumpulan Umur


- Sebahagian besar graduan politeknik berada dalam kumpulan umur 21 - 25 tahun bagi semua peringkat pengajian, iaitu antara 76.7 hingga 93.0 peratus.
- Sebanyak 83.6 peratus graduan sijil kolej komuniti berumur antara 19 - 20 tahun, manakala bagi peringkat diploma (92.1%) melibatkan kumpulan graduan berumur 21 - 25 tahun.

Jadual 2p

Keluar Graduan Politeknik dan Kolej Komuniti 2023 Mengikut Peringkat Pengajian dan Kumpulan Umur

Kumpulan umur	Politeknik (%)			Kolej komuniti (%)	
	Ijazah pertama (N= 160)	Diploma (N= 30,630)	Sijil (N= 43)	Diploma (N= 189)	Sijil (N= 6,178)
19 - 20	-	6.0	23.3	-	83.6
21 - 25	76.9	93.0	76.7	92.1	15.9
26 - 30	22.5	0.6	-	6.3	0.5
31 - 35	-	0.2	-	-	0.1
36 - 40	-	0.1	-	1.1	0.03
41 dan ke atas	0.6	0.04	-	0.5	0.02

2.4.4 Pencapaian Akademik Graduan Politeknik dan Kolej Komuniti 2023



- Pencapaian akademik graduan politeknik mencatatkan 48.5 peratus bagi PNGK 3.00 – 3.49, diikuti 3.50 – 3.69 (22.9%) dan 3.70 – 4.00 (14.9%).
- Sementara itu, bagi kolej komuniti majoriti graduannya memperoleh PNGK 3.70 – 4.00 (63.5%), diikuti 3.50 – 3.69 (18.7%) dan 3.00 – 3.49 (15.1%). Walau bagaimanapun, terdapat 2.8 peratus graduan memperoleh PNGK kurang daripada 3.00.

2.5 Keluaran Graduan Institusi di bawah lain-lain Kementerian 2023

2.5.1 Keluaran Graduan 2023 bagi Institusi di bawah lain-lain Kementerian Mengikut Peringkat Pengajian

- Semua keluaran kolej vokasional mengikut pengajian peringkat diploma (6,614 graduan), diikuti IPT lain (85.8%; 2,025 graduan) dan ILKA MOTAC (67.3%; 72 graduan).
- ILKA KKR mencatatkan bilangan graduan 100.0 peratus (1,645 graduan) bagi peringkat sijil, diikuti oleh dua (2) institusi lain yang mencatatkan kadar melebihi 80.0 peratus, iaitu ILKAP KPKM (90.2%; 886 graduan) dan ILKA KKDW (80.6%; 11,878 graduan).

Jadual 2q Keluaran Graduan 2023 bagi Institusi di bawah lain-lain Kementerian Mengikut Peringkat Pengajian

Jenis IPT	Jumlah graduan	Peringkat pengajian (%)					
		PhD	Sarjana	Ijazah pertama	Diploma	Sijil	* Peringkat lain
ILKA KKDW	14,733	-	-	-	16.1	80.6	3.3
ILKA KESUMA	7,216	-	-	-	37.3	62.4	0.3
Kolej vokasional	6,614	-	-	-	100.0	-	-
ILKBS	3,902	-	-	-	27.1	69.5	3.4
ILKA KKR	1,645	-	-	-	-	100.0	-
ILKAP KPKM	982	-	-	-	9.8	90.2	-
ILKA MOTAC	107	-	-	-	67.3	32.7	-
IPT lain	2,361	0.1	0.1	5.8	85.8	8.2	-
Keseluruhan	37,560	0.0	0.0	0.4	39.7	58.2	1.7

* Termasuk diploma lanjutan dan sijil lanjutan

Nota: Graduan peringkat PhD, sarjana dan ijazah pertama adalah keluaran Akademi Seni Budaya & Warisan Kebangsaan (ASWARA)

2.5.2 Keluaran Graduan 2023 bagi Institusi di bawah lain-lain Kementerian Mengikut Bidang Pengajian

- ILKA MOTAC mencatatkan 100.0 peratus (107 graduan) keluaran dalam bidang sastera & kemanusiaan.
- Bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan dari ILKA KKR (99.9%; 644 graduan), ILKA KESUMA (80.8%; 5,834 graduan), ILKBS (76.8%; 2,995 graduan), ILKA KKDW (64.3%; 9,476 graduan) dan kolej vokasional (47.7%; 3,156 graduan) mencatatkan kadar keluaran tertinggi bagi bidang yang sama.
- Majoriti graduan ILKAP KPKM mengikut bidang pengajian pertanian, perhutanan, perikanan & veterinar, iaitu sebanyak 90.4 peratus (888 graduan).
- Bagi bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan, IPT lain menyumbang peratusan keluaran graduan tertinggi, iaitu 70.9 peratus (1,675 graduan).

Jadual 2r

Keluaran Graduan 2023 bagi Institusi di bawah lain-lain Kementerian Mengikut Bidang Pengajian

Jenis IPT	Jumlah graduan	Bidang pengajian (%)								
		Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	Sastera dan kemanusiaan	Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	Perkhidmatan	Teknologi maklumat dan komunikasi	Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	Pendidikan	Kesihatan dan kebajikan	Sains semulajadi, matematik dan statistik
ILKA KKDW	14,733	64.3	20.4	-	9.8	4.7	0.05	-	0.7	0.1
ILKA KESUMA	7,216	80.8	3.5	-	-	5.0	-	10.7	-	-
Kolej vokasional	6,614	47.7	4.6	21.7	12.6	7.9	2.8	2.5	-	0.3
ILKBS	3,902	76.8	4.9	-	15.6	0.6	-	-	2.1	-
ILKA KKR	1,645	99.9	-	-	-	0.1	-	-	-	-
ILKAP KPKM	982	4.8	-	4.8	-	-	90.4	-	-	-
ILKA MOTAC	107	-	100.0	-	-	-	-	-	-	-
IPT lain	2,361	1.4	19.8	70.9	-	7.3	0.5	-	-	-
Keseluruhan	37,560	61.7	11.5	8.4	7.7	4.7	2.9	2.5	0.5	0.1

2.5.3 Keluaran Graduan 2023 bagi Institusi di bawah lain-lain Kementerian Mengikut Kumpulan Umur

- Empat (4) IPT mencatatkan kadar keluaran melebihi 50.0 peratus bagi graduan berumur antara 19 - 20 tahun, iaitu kolej vokasional (99.8%; 6,600 graduan), IPT lain (78.4%; 1,851 graduan), ILKA MOTAC (69.2%; 74 graduan) dan ILKAP KPKM (59.9%; 588 graduan). Keseluruhannya, kumpulan umur ini menyumbang sebanyak 43.0 peratus keluaran graduan.
- Sementara itu, ILKBS (84.5%; 3,297 graduan) dan ILKA KESUMA (80.7%; 5,823 graduan) merekodkan kadar keluaran graduan melebihi 80.0 peratus bagi kumpulan umur 21 - 25 tahun. Kumpulan umur ini adalah kedua tertinggi untuk semua jenis IPT, iaitu sebanyak 38.8 peratus.

Jadual 2s

Keluaran Graduan 2023 bagi Institusi di bawah lain-lain Kementerian Mengikut Kumpulan Umur

Jenis IPT	Jumlah graduan	Kumpulan umur (%)						
		18 dan ke bawah	19 - 20	21 - 25	26 - 30	31 - 35	36 - 40	41 dan ke atas
ILKA KKDW	14,733	28.3	34.0	29.0	3.7	1.6	1.4	2.0
ILKA KESUMA	7,216	0.1	15.9	80.7	2.6	0.5	0.2	0.1
Kolej vokasional	6,614	0.2	99.8	0.05	-	-	-	-
ILKBS	3,902	0.03	12.6	84.5	2.8	0.1	-	-
ILKA KKR	1,645	32.6	24.8	29.9	8.1	3.8	0.2	0.4
ILKAP KPKM	982	7.7	59.9	30.2	1.3	0.5	0.3	-
ILKA MOTAC	107	-	69.2	25.2	2.8	-	2.8	-
IPT lain	2,361	1.6	78.4	15.3	1.5	0.9	0.9	1.4
Keseluruhan	37,560	12.9	43.0	38.8	2.7	1.0	0.6	0.9

2.5.4 Pencapaian Akademik Graduan 2023 bagi Institusi di bawah lain-lain Kementerian

- Bagi ILKA yang menggunakan sistem PNGK, semua ILKA merekodkan peratus tertinggi dalam julat PNGK 3.00 – 3.49, iaitu antara 39.1 hingga 55.9 peratus kecuali ILKAP KPKM yang hanya menyumbang 27.7 peratus. Walau bagaimanapun, ILKAP KPKM merekodkan kadar graduan lulus kedua tertinggi (45.2%) untuk program pengajian yang tidak menggunakan sistem PNGK.
- Sebaliknya, kolej vokasional merekodkan peratus tertinggi bagi PNGK 3.50 – 3.69, iaitu sebanyak 41.0 peratus.
- Hanya satu (1) IPT, iaitu ILKA KKR tidak menggunakan sistem PNGK, di mana 100.0 peratus graduannya lulus pengajian.

Jadual 2t

Pencapaian Akademik Graduan 2023 bagi Institusi di bawah lain-lain Kementerian

Jenis IPT	Jumlah graduan	PNGK (%)					
		* Lulus	2.00 – 2.49	2.50 – 2.99	3.00 – 3.49	3.50 – 3.69	3.70 – 4.00
ILKA KKDW	14,733	0.01	2.2	23.1	55.9	12.0	6.9
ILKA KESUMA	7,216	15.8	0.2	3.9	55.8	22.0	2.3
Kolej vokasional	6,614	-	0.02	1.1	39.1	41.0	18.7
ILKBS	3,902	1.1	3.0	43.7	48.4	2.7	1.1
ILKA KKR	1,645	100.0	-	-	-	-	-
ILKAP KPKM	982	45.2	1.5	10.6	27.7	10.7	4.3
ILKA MOTAC	107	-	-	5.6	39.3	17.8	37.4
IPT lain	2,361	5.8	0.6	11.5	42.2	19.7	20.2
Keseluruhan	37,560	9.1	1.3	15.6	48.0	18.0	8.1

* Lulus - merujuk program pengajian yang tidak menggunakan sistem PNGK

BAB 3




KEBOLEHPASARAN GRADUAN (WARGANEGARA) DAN STATUS PEKERJAAN 2023

- 3.1 Kebolehpasaran Graduan Warganegara 2023 dan Status Pekerjaan
- 3.2 Kebolehpasaran Graduan PhD 2023 dan Status Pekerjaan
- 3.3 Kebolehpasaran Graduan Sarjana 2023 dan Status Pekerjaan
- 3.4 Kebolehpasaran Graduan Ijazah Pertama 2023 dan Status Pekerjaan
- 3.5 Kebolehpasaran Graduan Diploma 2023 dan Status Pekerjaan
- 3.6 Kebolehpasaran Graduan Sijil 2023 dan Status Pekerjaan




STATUS PEKERJAAN GRADUAN (WARGANEGARA) 2022-2023

Kadar Kebolehpasaran Graduan (Graduate Employability; GE)




↑↓ Peratus perubahan berbanding tahun sebelumnya

Kadar Kebolehpasaran Graduan 2022-2023 Mengikut Peringkat Pengajian



* Termasuk diploma lanjutan, sijil lanjutan, diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma siswazah, sijil siswazah dan profesional

Status Pekerjaan Graduan 2022-2023



n= Jumlah responden

↑↓ Peratus perubahan berbanding tahun sebelumnya

Kadar Kebolehpasaran Graduan 2022-2023 Mengikut Jenis IPT



Kadar Kebolehpasaran Graduan 2022-2023 Mengikut Bidang Pengajian




KEBOLEHPASARAN GRADUAN WARGANEGARA 2023 DAN STATUS PEKERJAAN

Bab 3 memperihalkan status pekerjaan dan kadar kebolehpasaran graduan warganegara bagi tahun 2023. Merujuk kepada *The National Graduate Employability Blueprint 2012-2017* (NGEB), kebolehpasaran graduan (*graduate employability*; GE) merangkumi graduan bekerja, melanjutkan pengajian, mengikuti latihan peningkatan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan.

Susulan daripada NGEB, Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025 diperkenalkan bagi menyokong dan memantapkan matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) dalam menyediakan graduan berkualiti dan seterusnya melonjakkan kadar kebolehpasaran graduan negara.

3.1 Kebolehpasaran Graduan Warganegara 2023 dan Status Pekerjaan

Carta 3.1a Kadar Kebolehpasaran Graduan Warganegara 2023 dan Status Pekerjaan



- Secara keseluruhan, graduan warganegara 2023 merekodkan kadar kebolehpasaran graduan sebanyak 89.8 peratus, iaitu merangkumi 67.9 peratus graduan bekerja, 16.6 peratus melanjutkan pengajian, 3.3 peratus menunggu penempatan pekerjaan dan 1.9 peratus meningkatkan kemahiran.
- Kadar kebolehpasaran graduan lelaki mencatatkan sebanyak 91.2 peratus lebih tinggi berbanding perempuan (88.7%).
- Sebanyak 10.2 peratus graduan berstatus belum bekerja.

n= Jumlah responden L= Lelaki P= Perempuan
GE= Kebolehpasaran graduan

3.1.1 Kebolehpasaran Graduan 2023 dan Status Pekerjaan Mengikut Jantina

- Kadar kebolehpasaran graduan lelaki mencatatkan sebanyak 91.2 peratus, iaitu 2.5 peratus lebih tinggi berbanding perempuan (88.7%).
- Graduan lelaki dalam kategori bekerja merekodkan 69.3 peratus, manakala perempuan 66.9 peratus.
- Graduan lelaki lebih cenderung memilih melanjutkan pengajian (17.3%) berbanding perempuan (16.0%), manakala kedua-duanya mencatatkan peratus yang sama (1.9%) untuk status meningkatkan kemahiran.
- Peratusan graduan perempuan mengatasi graduan lelaki bagi kategori menunggu penempatan pekerjaan dan belum bekerja, iaitu masing-masing 3.8 peratus dan 11.3 peratus.

Jadual 3a

Kadar Kebolehpasaran Graduan 2023 dan Status Pekerjaan Mengikut Jantina

Jantina	Jumlah responden	GE (%)	Status pekerjaan (%)				
			Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
Lelaki	133,130	91.2	69.3	17.3	1.9	2.7	8.8
Perempuan	171,336	88.7	66.9	16.0	1.9	3.8	11.3
Keseluruhan	304,466	89.8	67.9	16.6	1.9	3.3	10.2

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

3.1.2 Kebolehpasaran Graduan 2023 dan Status Pekerjaan Mengikut Jenis IPT

- Secara keseluruhan, kadar kebolehpasaran graduan 2023 bagi UA, IPTS, politeknik dan kolej komuniti adalah melebihi 82.0 peratus, iaitu masing-masing sebanyak 93.0 peratus, 83.0 peratus, 97.1 peratus dan 98.0 peratus.
- Graduan bagi semua ILKA dan IPT lain pula mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan antara 71.4 hingga 97.7 peratus dengan ILKA KKDW mencatatkan peratusan tertinggi (97.7%).
- Kadar bekerja tertinggi direkodkan oleh graduan ILKA KKDW, iaitu sebanyak 78.5 peratus daripada 14,712 graduan, diikuti politeknik (76.6% daripada 28,407 graduan) dan ILKBS (73.8% daripada 3,861 graduan).
- Peratusan tertinggi graduan yang melanjutkan pengajian adalah daripada IPT lain (39.4%), diikuti kolej komuniti (28.5%) dan ILKAP KPKM (21.9%).
- Bagi kategori belum bekerja, graduan ILKA MOTAC dan ILKAP KPKM masing-masing mencatatkan 38.5 peratus dan 28.6 peratus.

Jadual 3b

Kadar Kebolehpasaran Graduan 2023 dan Status Pekerjaan Mengikut Jenis IPT

Jenis IPT	Jumlah responden	GE (%)	Status pekerjaan (%)				
			Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
UA	132,676	93.0	69.4	16.4	3.1	4.2	7.0
IPTS	101,633	83.0	62.7	15.7	1.3	3.4	17.0
Politeknik	28,407	97.1	76.6	18.1	0.5	2.0	2.9
Kolej komuniti	6,121	98.0	69.1	28.5	0.1	0.3	2.0
Kolej vokasional	6,614	81.4	69.2	7.6	0.9	3.7	18.6
ILKA KKDW	14,712	97.7	78.5	17.3	1.0	0.9	2.3
ILKA KESUMA	6,943	88.2	67.8	17.7	0.5	2.2	11.8
ILKBS	3,861	90.0	73.8	14.5	0.6	1.1	10.0
ILKAP KPKM	958	71.4	46.3	21.9	1.0	2.1	28.6
ILKA KKR	146	78.8	62.3	2.7	11.0	2.7	21.2
ILKA MOTAC	65	61.5	38.5	16.9	1.5	4.6	38.5
* IPT lain	2,330	77.6	36.4	39.4	0.3	1.5	22.4
Keseluruhan	304,466	89.8	67.9	16.6	1.9	3.3	10.2

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

Nota: * IPT lain merangkumi graduan:

- i. Kolej Profesional MARA
- ii. Akademi Seni Budaya & Warisan Kebangsaan (ASWARA)
- iii. Institut Penilaian Negara (INSPEN)
- iv. Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS)

3.1.3 Kebolehpasaran Graduan 2023 dan Status Pekerjaan Mengikut Peringkat Pengajian

- Kadar kebolehpasaran graduan mengikut peringkat pengajian tertinggi, iaitu PhD, sarjana dan ijazah pertama, masing-masing merekodkan sebanyak 94.2 peratus, 95.4 peratus dan 89.8 peratus. Sementara itu, peringkat pengajian diploma mencatatkan sebanyak 87.6 peratus (115,296 graduan) dan sijil 94.1 peratus (27,822 graduan).
- Graduan peringkat PhD, sarjana dan peringkat lain merekodkan peratusan bekerja melebihi 80.0 peratus, manakala lain-lain peringkat pengajian peratusannya adalah antara 53.4 hingga 76.3 peratus.
- Peratusan tertinggi graduan yang memilih melanjutkan pengajian adalah daripada peringkat pengajian diploma (31.5%) dan sijil (23.0%).
- Peratusan graduan belum bekerja mengikut peringkat pengajian adalah antara 4.6 hingga 12.4 peratus.

Jadual 3c

Kadar Kebolehpasaran Graduan 2023 dan Status Pekerjaan Mengikut Peringkat Pengajian

Peringkat pengajian	Jumlah responden	GE (%)	Status pekerjaan (%)				
			Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
PhD	2,646	94.2	87.7	0.5	2.9	3.0	5.8
Sarjana	18,940	95.4	88.7	3.6	1.5	1.6	4.6
Ijazah pertama	135,522	89.8	76.3	5.1	3.2	5.2	10.2
Diploma	115,296	87.6	53.4	31.5	0.8	1.8	12.4
Sijil	27,822	94.1	69.3	23.0	0.7	1.1	5.9
* Peringkat lain	4,240	92.7	80.4	3.6	0.8	7.9	7.3
Keseluruhan	304,466	89.8	67.9	16.6	1.9	3.3	10.2

* Termasuk diploma lanjutan, sijil lanjutan, diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma siswazah, sijil siswazah dan profesional
 GE= Kadar kebolehpasaran graduan

3.1.4 Kebolehpasaran Graduan 2023 dan Status Pekerjaan Mengikut Bidang Pengajian

- Graduan bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan merekodkan kadar kebolehpasaran graduan sebanyak 93.5 peratus, diikuti teknologi maklumat & komunikasi (91.7%) dan sains semulajadi, matematik & statistik (90.9%).
- Bagi bidang pengajian yang mempunyai bilangan graduan terbesar, iaitu bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan (85,300 graduan) mencatatkan kadar kebolehpasaran sebanyak 89.0 peratus.
- Sementara itu, bagi bidang pengajian lain, kadar kebolehpasaran graduan adalah di antara 86.3 hingga 88.1 peratus kecuali bidang pengajian program & kelayakan generik (94.1%).
- Terdapat tiga (3) bidang pengajian merekodkan kadar graduan bekerja melebihi 70.0 peratus, iaitu program & kelayakan generik (80.9%), pendidikan (70.9%) dan bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (70.6%).
- Tiga (3) bidang pengajian merekodkan peratusan tertinggi melanjutkan pengajian adalah bidang sains semulajadi, matematik & statistik (23.8%), teknologi maklumat & komunikasi (23.1%) dan pertanian, perhutanan, perikanan & veterinar (22.1%).
- Kadar graduan belum bekerja menunjukkan peratusan antara 5.9 hingga 13.7 peratus dengan peratusan tertinggi adalah bidang pendidikan (13.7%; 2,913 graduan), sastera & kemanusiaan (13.0%; 3,516 graduan) dan perkhidmatan (13.0%; 2,606 graduan).

Jadual 3d

Kadar Kebolehpasaran Graduan 2023 dan Status Pekerjaan Mengikut Bidang Pengajian


Bidang pengajian	Jumlah responden	GE (%)	Status pekerjaan (%)				
			Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	78,818	93.5	70.6	18.0	2.4	2.5	6.5
Teknologi maklumat dan komunikasi	22,374	91.7	64.7	23.1	2.0	1.9	8.3
Sains semulajadi, matematik dan statistik	13,565	90.9	59.3	23.8	4.5	3.3	9.1
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	85,300	89.0	68.7	16.5	1.4	2.3	11.0
Kesihatan dan kebajikan	17,482	88.1	67.2	6.8	0.9	13.2	11.9
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	4,826	87.8	57.0	22.1	5.2	3.5	12.2
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	13,744	87.4	69.2	12.6	2.6	3.2	12.6
Sastera dan kemanusiaan	26,971	87.0	63.5	20.0	1.6	1.9	13.0
Perkhidmatan	20,034	87.0	68.6	15.0	0.9	2.4	13.0
Pendidikan	21,284	86.3	70.9	7.2	1.6	6.6	13.7
Program dan kelayakan generik	68	94.1	80.9	4.4	4.4	4.4	5.9
Keseluruhan	304,466	89.8	67.9	16.6	1.9	3.3	10.2

3.1.5 Kebolehpasaran Graduan 2023 bagi Setiap UA



- UTM merekodkan kadar kebolehpasaran graduan 100.0 peratus bagi tahun 2023, diikuti oleh UPM (99.4%), UPNM (99.0%) dan UMS (98.5%).
- Sebanyak 14 UA lain merekodkan kadar kebolehpasaran graduan antara 90.8 hingga 97.7 peratus.
- Terdapat dua (2) UA merekodkan kadar kebolehpasaran graduan kurang daripada 90.0 peratus, iaitu UiTM (89.5%) dan UIAM (88.2%).

3.1.6 Kebolehpasaran Graduan 2023 bagi IPTS Bertaraf *Universiti (90.0 Peratus dan Ke Atas)




- IPTS bertaraf universiti yang mencapai kadar kebolehpasaran graduan 100.0 peratus adalah UCSI University (Kampus Kuala Lumpur) (UCSI U-KL, 1,302 graduan), UniKL-Malaysian Institute of Information Technology (UniKL-MIIT; 711 graduan), UniKL-Malaysian Institute of Chemical and Bioengineering Technology (UniKL-MICET; 251 graduan), UniKL-Malaysia Italy Design Institute (UniKL-MIDI; 121 graduan) dan Asia Pacific University of Technology (APU; 1,413 graduan).
- Sementara itu, terdapat empat (4) IPTS dengan bilangan graduan melebihi 2,000 orang dan merekodkan kadar kebolehpasaran graduan lebih daripada 90.0 peratus, iaitu Universiti Tunku Abdul Rahman (Kampus Kampar) (UTAR KAMPAR; 92.3% daripada 4,125 graduan), Universiti Multimedia (MMU; 97.8% daripada 2,234 graduan), Sunway University (SUN-U; 98.4% daripada 2,084 graduan) dan Universiti Poly-Tech Malaysia (UPTM; 91.5% daripada 2,037 graduan).

3.1.7 Kebolehpasaran Graduan 2023 Mengikut Negeri Bermastautin

- Kadar kebolehpasaran graduan tertinggi direkodkan oleh graduan yang bermastautin di Wilayah Persekutuan Putrajaya (94.3%), diikuti Pulau Pinang (91.9%) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak 91.3 peratus. Tiga (3) lagi negeri, iaitu Selangor, Johor dan Wilayah Persekutuan Labuan turut mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan melebihi 90.0 peratus.
- Selebihnya, 10 negeri mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan kurang daripada 90.0 peratus (86.2% hingga 89.9%).

Carta 3.1d Kadar Kebolehpasaran Graduan 2023 Mengikut Negeri Bermastautin



n= Jumlah responden


GE= Kadar kebolehpasaran graduan

Nota:

- 1) Seramai 294 graduan bermastautin di luar negara
- 2) Seramai 103 graduan tiada maklumat (hanya sertai SKPG2.0 sahaja)

3.2 Kebolehpasaran Graduan PhD 2023 dan Status Pekerjaan

Carta 3.2a Kadar Kebolehpasaran Graduan PhD 2023 dan Status Pekerjaan



- Kadar kebolehpasaran graduan PhD merekodkan sebanyak 94.2 peratus (2,492 graduan) yang meliputi 87.7 peratus bekerja, 3.0 peratus menunggu penempatan pekerjaan, 2.9 peratus meningkatkan kemahiran dan 0.5 peratus melanjutkan pengajian.
- Sebanyak 5.8 peratus graduan PhD adalah berstatus belum bekerja.

n= Jumlah responden L= Lelaki P= Perempuan
GE= Kadar kebolehpasaran graduan

3.2.1 Kebolehpasaran Graduan PhD 2023 dan Status Pekerjaan Mengikut Jantina

- Kadar kebolehpasaran graduan PhD menunjukkan perbezaan sebanyak 1.2 peratus antara graduan lelaki (94.9%) dan perempuan (93.7%).
- Kadar bekerja graduan lelaki merekodkan sebanyak 90.3 peratus mengatasi graduan perempuan (86.0%).
- Graduan perempuan mencatatkan kadar lebih tinggi dalam kategori meningkatkan kemahiran (3.6%), menunggu penempatan pekerjaan (3.4%) dan melanjutkan pengajian (0.7%) berbanding graduan lelaki.

Jadual 3e Kadar Kebolehpasaran Graduan PhD 2023 dan Status Pekerjaan Mengikut Jantina

Jantina	Jumlah responden	GE (%)	Status pekerjaan (%)				
			Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
Lelaki	1,051	94.9	90.3	0.3	2.0	2.3	5.1
Perempuan	1,595	93.7	86.0	0.7	3.6	3.4	6.3
Keseluruhan	2,646	94.2	87.7	0.5	2.9	3.0	5.8

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

3.2.2 Kebolehpasaran Graduan PhD 2023 dan Status Pekerjaan Mengikut Jenis IPT

- Graduan PhD di UA merekodkan kadar kebolehpasaran graduan sebanyak 94.9 peratus (2,182 graduan), manakala IPTS sebanyak 89.2 peratus (307 graduan).
- Kadar bekerja graduan PhD bagi UA dan IPTS adalah masing-masing sebanyak 87.8 peratus (2,019 graduan) dan 86.9 peratus (299 graduan), manakala bagi kategori belum bekerja ialah 5.1 peratus dan 10.8 peratus.

Jadual 3f

Kadar Kebolehpasaran Graduan PhD 2023 dan Status Pekerjaan Mengikut Jenis IPT

Jenis IPT	Jumlah responden	GE (%)	Status pekerjaan (%)				
			Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
UA	2,299	94.9	87.8	0.5	3.3	3.2	5.1
IPTS	344	89.2	86.9	0.6	0.3	1.5	10.8
* IPT lain	3	100.0	100.0	-	-	-	-
Keseluruhan	2,646	94.2	87.7	0.5	2.9	3.0	5.8

* Merujuk kepada graduan Akademi Seni Budaya & Warisan Kebangsaan (ASWARA)

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

3.2.3 Kebolehpasaran Graduan PhD 2023 dan Status Pekerjaan Mengikut Bidang Pengajian

- Graduan PhD bidang perkhidmatan merekodkan kadar kebolehpasaran graduan tertinggi, iaitu 97.4 peratus, diikuti bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan (95.9%), teknologi maklumat & komunikasi (95.6%), pertanian, perhutanan, perikanan & veterinar (95.6%), kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (95.5%) dan pendidikan (95.3%).
- Secara keseluruhan, semua bidang pengajian mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan melebihi 90.0 peratus.
- Bagi status bekerja, tiga (3) bidang pengajian mencatatkan kadar melebihi 90.0 peratus, iaitu teknologi maklumat & komunikasi (93.3%), pendidikan (92.4%) dan perniagaan, pentadbiran & perundangan (90.8%).
- Secara keseluruhan, graduan belum bekerja adalah pada kadar kurang daripada 10.0 peratus.


Bidang pengajian	Jumlah responden	GE (%)	Status pekerjaan (%)				
			Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
Perkhidmatan	39	97.4	89.7	-	2.6	5.1	2.6
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	465	95.9	90.8	1.1	0.9	3.2	4.1
Teknologi maklumat dan komunikasi	90	95.6	93.3	-	-	2.2	4.4
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	45	95.6	68.9	-	22.2	4.4	4.4
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	709	95.5	88.3	0.4	4.2	2.5	4.5
Pendidikan	275	95.3	92.4	0.4	2.2	0.4	4.7
Kesihatan dan kebajikan	282	93.6	89.7	-	0.4	3.5	6.4
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	154	92.2	87.7	1.3	1.9	1.3	7.8
Sastera dan kemanusiaan	225	92.0	87.1	0.4	1.8	2.7	8.0
Sains semulajadi, matematik dan statistik	361	90.3	78.7	0.6	5.3	5.8	9.7
Program dan kelayakan generik	1	100.0	100.0	-	-	-	-
Keseluruhan	2,646	94.2	87.7	0.5	2.9	3.0	5.8

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

3.3 Kebolehpasaran Graduan Sarjana 2023 dan Status Pekerjaan

Carta 3.3a

Kadar Kebolehpasaran Graduan Sarjana 2023 dan Status Pekerjaan



n= Jumlah responden L= Lelaki P= Perempuan

GE= Kadar Kebolehpasaran graduan

- Kadar kebolehpasaran graduan sarjana merekodkan 95.4 peratus (18,064 graduan), iaitu termasuk 88.7 peratus telah bekerja, 3.6 peratus melanjutkan pengajian, 1.5 peratus meningkatkan kemahiran dan 1.6 peratus sedang menunggu penempatan pekerjaan.
- Selebihnya, 4.6 peratus atau 876 graduan sarjana adalah belum bekerja.

3.3.1 Kebolehpasaran Graduan Sarjana 2023 dan Status Pekerjaan Mengikut Jantina

- Graduan lelaki peringkat sarjana merekodkan kadar kebolehpasaran graduan sebanyak 96.7 peratus mengatasi graduan perempuan (94.5%).
- Kadar bekerja graduan lelaki turut merekodkan peratusan lebih tinggi (91.8%) berbanding perempuan (86.6%).
- Walau bagaimanapun, peratus graduan perempuan yang melanjutkan pengajian (4.1%) mengatasi lelaki (2.8%).
- Bagi kategori belum bekerja, graduan perempuan peringkat sarjana mencatatkan 5.5 peratus, manakala graduan lelaki 3.3 peratus.

Jadual 3h

Kadar Kebolehpasaran Graduan Sarjana 2023 dan Status Pekerjaan Mengikut Jantina

Jantina	Jumlah responden	GE (%)	Status pekerjaan (%)				
			Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
Lelaki	7,589	96.7	91.8	2.8	1.1	1.0	3.3
Perempuan	11,351	94.5	86.6	4.1	1.8	2.0	5.5
Keseluruhan	18,940	95.4	88.7	3.6	1.5	1.6	4.6

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

3.3.2 Kebolehpasaran Graduan Sarjana 2023 dan Status Pekerjaan Mengikut Jenis IPT

- Kadar kebolehpasaran graduan UA peringkat sarjana merekodkan 96.2 peratus (13,610 graduan), manakala IPTS (92.9%; 4,451 graduan).
- Graduan IPTS mencatatkan kadar bekerja sebanyak 89.1 peratus (4,271 graduan) dan UA sebanyak 88.5 peratus (12,523 graduan).
- Bagi kategori melanjutkan pengajian, graduan UA dan IPTS masing-masing merekodkan sebanyak 4.2 peratus dan 1.7 peratus.
- Sebanyak 7.1 peratus (341 graduan) IPTS dan 3.8 peratus (535 graduan) UA pula belum bekerja.

Jadual 3i

Kadar Kebolehpasaran Graduan Sarjana 2023 dan Status Pekerjaan Mengikut Jenis IPT

Jenis IPT	Jumlah responden	GE (%)	Status pekerjaan (%)				
			Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
UA	14,145	96.2	88.5	4.2	1.8	1.7	3.8
IPTS	4,792	92.9	89.1	1.7	0.8	1.3	7.1
* IPT lain	3	100.0	100.0	-	-	-	-
Keseluruhan	18,940	95.4	88.7	3.6	1.5	1.6	4.6

* Merujuk kepada graduan Akademi Seni Budaya & Warisan Kebangsaan (ASWARA)

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

3.3.3 Kebolehpasaran Graduan Sarjana 2023 dan Status Pekerjaan Mengikut Bidang Pengajian

- Semua bidang pengajian mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan melebihi 90.0 peratus. Kadar tertinggi dicatatkan oleh bidang pendidikan (97.1%), diikuti perkhidmatan (96.9%) dan kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (96.1%).
- Bagi status graduan bekerja, bidang yang mencatatkan kadar melebihi 90.0 peratus adalah pendidikan (94.5%; 3,259 graduan), perkhidmatan (92.6%; 589 graduan) dan perniagaan, pentadbiran & perundangan (91.8%; 5,922 graduan).
- Graduan bidang pertanian, perhutanan, perikanan & veterinar lebih cenderung untuk melanjutkan pengajian dan meningkatkan kemahiran dengan mencatatkan kadar yang sama, iaitu 14.5 peratus (17 graduan).
- Terdapat tiga (3) bidang merekodkan kadar belum bekerja melebihi 5.0 peratus, iaitu sains semulajadi, matematik & statistik (7.7%), sains sosial, kewartawanan & maklumat (7.2%) dan sastera & kemanusiaan (6.2%).

Jadual 3j


Kadar Kebolehpasaran Graduan Sarjana 2023 dan Status Pekerjaan Mengikut Bidang Pengajian

Bidang pengajian	Jumlah responden	GE (%)	Status pekerjaan (%)				
			Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
Pendidikan	3,449	97.1	94.5	1.2	0.6	0.8	2.9
Perkhidmatan	636	96.9	92.6	1.4	0.9	1.9	3.1
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	2,275	96.1	85.7	5.8	3.1	1.5	3.9
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	117	95.7	63.2	14.5	14.5	3.4	4.3
Teknologi maklumat dan komunikasi	829	95.5	87.7	2.3	3.6	1.9	4.5
Kesihatan dan kebajikan	2,237	95.3	84.6	8.1	0.9	1.7	4.7
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	6,451	95.2	91.8	1.5	0.7	1.2	4.8
Sastera dan kemanusiaan	865	93.8	84.5	5.0	2.0	2.3	6.2
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	902	92.8	85.0	3.1	1.1	3.5	7.2
Sains semulajadi, matematik dan statistik	1,179	92.3	75.2	9.4	4.2	3.5	7.7
Keseluruhan	18,940	95.4	88.7	3.6	1.5	1.6	4.6

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

3.4 Kebolehpasaran Graduan Ijazah Pertama 2023 dan Status Pekerjaan

Carta 3.4a Kadar Kebolehpasaran Graduan Ijazah Pertama 2023 dan Status Pekerjaan



- Graduan ijazah pertama merekodkan kadar kebolehpasaran graduan sebanyak 89.8 peratus (121,745 graduan), iaitu melibatkan 76.3 peratus graduan kategori bekerja, 5.2 peratus menunggu penempatan pekerjaan, 5.1 peratus melanjutkan pengajian dan 3.2 peratus sedang meningkatkan kemahiran.
- Bagi kategori belum bekerja, graduan ijazah pertama mencatatkan kadar 10.2 peratus (13,777 graduan).

n= Jumlah responden L= Lelaki P= Perempuan
GE= Kadar kebolehpasaran graduan

3.4.1 Kebolehpasaran Graduan Ijazah Pertama 2023 dan Status Pekerjaan Mengikut Jantina

- Kadar kebolehpasaran graduan lelaki peringkat ijazah pertama merekodkan sebanyak 90.8 peratus (78.5% bekerja) lebih tinggi berbanding perempuan sebanyak 89.2 peratus (74.9% bekerja).
- Sebanyak 5.4 peratus graduan perempuan menunjukkan kecenderungan untuk melanjutkan pengajian berbanding lelaki (4.7%).
- Bagi status belum bekerja, graduan perempuan (10.8%) mencatatkan kadar lebih tinggi berbanding lelaki (9.2%).

Jadual 3k Kadar Kebolehpasaran Graduan Ijazah Pertama 2023 dan Status Pekerjaan Mengikut Jantina

Jantina	Jumlah responden	GE (%)	Status pekerjaan (%)				
			Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
Lelaki	53,512	90.8	78.5	4.7	3.3	4.3	9.2
Perempuan	82,010	89.2	74.9	5.4	3.1	5.8	10.8
Keseluruhan	135,522	89.8	76.3	5.1	3.2	5.2	10.2

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

3.4.2 Kebolehpasaran Graduan Ijazah Pertama 2023 dan Status Pekerjaan Mengikut Jenis IPT

- UA, IPTS dan politeknik masing-masing merekodkan kadar kebolehpasaran graduan ijazah pertama sebanyak 92.6 peratus (79,370 graduan), 85.1 peratus (42,130 graduan) dan 99.3 peratus (145 graduan). Namun demikian, bilangan graduan ijazah pertama politeknik adalah lebih rendah berbanding UA dan IPTS.
- Kadar bekerja menunjukkan corak yang sama dengan kadar kebolehpasaran graduan, iaitu peratusan tertinggi adalah politeknik (96.6%), diikuti UA (78.2%) dan IPTS (73.0%).
- Graduan IPTS lebih cenderung untuk melanjutkan pengajian (5.6%), diikuti UA (4.9%), manakala bagi kategori belum bekerja kadar tertinggi direkodkan oleh graduan IPT lain (19.4%; 24 graduan) dan IPTS (14.9%; 7,405 graduan).

Jadual 3I

Kadar Kebolehpasaran Graduan Ijazah Pertama 2023 dan Status Pekerjaan Mengikut Jenis IPT

Jenis IPT	Jumlah responden	GE (%)	Status pekerjaan (%)				
			Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
UA	85,717	92.6	78.2	4.9	4.1	5.5	7.4
IPTS	49,535	85.1	73.0	5.6	1.7	4.8	14.9
Politeknik	146	99.3	96.6	2.1	-	0.7	0.7
* IPT lain	124	80.6	74.2	4.0	-	2.4	19.4
Keseluruhan	135,522	89.8	76.3	5.1	3.2	5.2	10.2

* Merujuk kepada graduan Akademi Seni Budaya & Warisan Kebangsaan (ASWARA)

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

3.4.3 Kebolehpasaran Graduan Ijazah Pertama 2023 dan Status Pekerjaan Mengikut Bidang Pengajian

- Graduan peringkat ijazah pertama yang merekodkan kadar kebolehpasaran graduan melebihi 90.0 peratus adalah graduan bidang pertanian, perhutanan, perikanan & veterinar (93.0%; 1,323 graduan), kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (92.3%; 25,291 graduan) dan teknologi maklumat & komunikasi (90.9%; 10,090 graduan).
- Terdapat dua (2) bidang pengajian, iaitu perniagaan, pentadbiran & perundangan (38,328 graduan) dan sains semulajadi, matematik & statistik (8,276 graduan) masing-masing merekodkan kadar kebolehpasaran graduan yang sama (90.0%).
- Graduan bidang teknologi maklumat & komunikasi merekodkan peratusan tertinggi, iaitu 81.4 peratus (9,040 graduan) berada dalam kategori bekerja, manakala graduan bidang sains semulajadi, matematik & statistik (10.4%; 960 graduan) mencatatkan peratusan tertinggi bagi kategori melanjutkan pengajian.
- Peratus tertinggi belum bekerja adalah graduan bidang sastera & kemanusiaan, iaitu 12.8 peratus (1,515 graduan), diikuti sains sosial, kewartawanan & maklumat (12.6%; 1,287 graduan) dan kesihatan & kebajikan (12.5%; 1,080 graduan).

Jadual 3m


Kadar Kebolehpasaran Graduan Ijazah Pertama 2023 dan Status Pekerjaan Mengikut Bidang Pengajian

Bidang pengajian	Jumlah responden	GE (%)	Status pekerjaan (%)				
			Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	1,423	93.0	73.9	5.5	7.4	6.3	7.0
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	27,388	92.3	78.9	4.4	5.1	3.9	7.7
Teknologi maklumat dan komunikasi	11,106	90.9	81.4	3.8	3.1	2.6	9.1
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	42,597	90.0	79.7	4.9	2.1	3.2	10.0
Sains semulajadi, matematik dan statistik	9,192	90.0	69.7	10.4	5.8	4.1	10.0
Pendidikan	8,370	89.0	70.7	4.0	3.0	11.2	11.0
Perkhidmatan	4,642	87.7	78.6	3.5	1.8	3.9	12.3
Kesihatan dan kebajikan	8,667	87.5	60.0	3.2	1.4	22.9	12.5
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	10,215	87.4	75.9	4.7	3.2	3.6	12.6
Sastera dan kemanusiaan	11,855	87.2	74.2	7.6	2.4	3.0	12.8
Program dan kelayakan generik	67	94.0	80.6	4.5	4.5	4.5	6.0
Keseluruhan	135,522	89.8	76.3	5.1	3.2	5.2	10.2

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

3.5 Kebolehpasaran Graduan Diploma 2023 dan Status Pekerjaan

Carta 3.5a Kadar Kebolehpasaran Graduan Diploma 2023 dan Status Pekerjaan



- Bagi peringkat diploma, kadar kebolehpasaran graduan mencatatkan 87.6 peratus (100,952 graduan), iaitu meliputi 53.4 peratus graduan bekerja, melanjutkan pengajian (31.5%), menunggu penempatan pekerjaan (1.8%) dan meningkatkan kemahiran (0.8%).
- Selebihnya, 12.4 peratus (14,344 graduan) berada dalam kategori belum bekerja.

n= Jumlah responden L= Lelaki P= Perempuan
GE= Kebolehpasaran graduan

3.5.1 Kebolehpasaran Graduan Diploma 2023 dan Status Pekerjaan Mengikut Jantina

- Graduan lelaki peringkat diploma merekodkan kadar kebolehpasaran graduan sebanyak 89.7 peratus (55.5% bekerja) melebihi perempuan 85.8 peratus (51.7% bekerja).
- Bagi status melanjutkan pengajian (lelaki: 31.4 %, perempuan: 31.6%), meningkatkan kemahiran (lelaki: 1.0%, perempuan: 0.7%) dan menunggu penempatan pekerjaan (lelaki: 1.8%, perempuan: 1.9%).
- Selebihnya, sebanyak 10.3 peratus graduan lelaki dan 14.2 peratus graduan perempuan berstatus belum bekerja.

Jadual 3n Kadar Kebolehpasaran Graduan Diploma 2023 dan Status Pekerjaan Mengikut Jantina

Jantina	Jumlah responden	GE (%)	Status pekerjaan (%)				
			Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
Lelaki	51,966	89.7	55.5	31.4	1.0	1.8	10.3
Perempuan	63,330	85.8	51.7	31.6	0.7	1.9	14.2
Keseluruhan	115,296	87.6	53.4	31.5	0.8	1.8	12.4

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

3.5.2 Kebolehpasaran Graduan Diploma 2023 dan Status Pekerjaan Mengikut Jenis IPT

- Terdapat lima (5) institusi yang merekodkan kadar kebolehpasaran graduan diploma melebihi 90.0 peratus, iaitu kolej komuniti (97.9%), politeknik (97.1%), ILKA KKDW (93.8%), ILKBS (93.7%) dan UA (92.5%).
- Graduan bekerja tertinggi dicatatkan oleh kolej komuniti (94.1%; 177 graduan), diikuti ILKBS (83.4%; 875 graduan) dan politeknik (76.5%; 21,589 graduan).
- Graduan UA (61.1%) mencatatkan peratusan melanjutkan pengajian tertinggi berbanding institusi lain.
- Empat (4) institusi merekodkan peratusan graduan belum bekerja yang melebihi 20.0 peratus, iaitu ILKAP KPKM (42.1%), ILKA MOTAC (31.8%), IPT lain (23.4%) dan IPTS (20.6%).

Jadual 3o

Kadar Kebolehpasaran Graduan Diploma 2023 dan Status Pekerjaan Mengikut Jenis IPT

Jenis IPT	Jumlah responden	GE (%)	Status pekerjaan (%)				
			Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
UA	27,711	92.5	29.6	61.1	0.9	0.9	7.5
IPTS	44,380	79.4	48.8	27.6	0.9	2.1	20.6
Politeknik	28,219	97.1	76.5	18.2	0.5	1.9	2.9
Kolej komuniti	188	97.9	94.1	3.7	-	-	2.1
Kolej vokasional	6,614	81.4	69.2	7.6	0.9	3.7	18.6
ILKA KKDW	2,370	93.8	73.0	16.5	1.8	2.5	6.2
ILKA KESUMA	2,615	87.4	78.6	6.4	0.5	1.8	12.6
ILKBS	1,049	93.7	83.4	9.3	0.3	0.7	6.3
ILKAP KPKM	95	57.9	47.4	5.3	1.1	4.2	42.1
ILKA MOTAC	44	68.2	47.7	13.6	2.3	4.5	31.8
* IPT lain	2,011	76.6	31.7	42.9	0.3	1.6	23.4
Keseluruhan	115,296	87.6	53.4	31.5	0.8	1.8	12.4

* IPT lain merangkumi graduan diploma Kolej Profesional MARA, ASWARA dan IPDAS

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

3.5.3 Kebolehpasaran Graduan Diploma 2023 dan Status Pekerjaan Mengikut Bidang Pengajian

- Kadar kebolehpasaran graduan melebihi 90.0 peratus direkodkan oleh tiga (3) bidang pengajian, iaitu kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (93.6%; 30,646 graduan), sains semulajadi, matematik & statistik (93.3%; 2,628 graduan) dan teknologi maklumat & komunikasi (91.3%; 7,831 graduan).
- Sebanyak 67.4 peratus atau 3,708 graduan bidang kesihatan & kebajikan merekodkan kadar bekerja tertinggi. Peratus kedua tertinggi adalah dalam bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (61.5%; 20,127 graduan), diikuti perkhidmatan (59.9%; 6,613 graduan).
- Graduan bidang sains semulajadi, matematik & statistik adalah paling cenderung memilih melanjutkan pengajian (76.1%; 2,143 graduan).
- Bagi kategori belum bekerja, hanya graduan bidang pendidikan yang merekodkan peratusan melebihi 20.0 peratus (25.6%; 1,490 graduan).

Jadual 3p


Kadar Kebolehpasaran Graduan Diploma 2023 dan Status Pekerjaan Mengikut Bidang Pengajian

Bidang pengajian	Jumlah responden	GE (%)	Status pekerjaan (%)				
			Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	32,728	93.6	61.5	29.2	0.9	2.1	6.4
Sains semulajadi, matematik dan statistik	2,817	93.3	16.7	76.1	0.3	0.2	6.7
Teknologi maklumat dan komunikasi	8,577	91.3	42.1	47.3	0.7	1.3	8.7
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	2,346	89.0	49.8	31.7	4.8	2.6	11.0
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	34,135	86.1	50.9	33.0	0.7	1.5	13.9
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	2,453	85.2	34.5	49.0	0.5	1.2	14.8
Kesihatan dan kebajikan	5,502	84.3	67.4	11.7	0.4	4.8	15.7
Perkhidmatan	11,033	83.3	59.9	20.5	0.7	2.2	16.7
Sastera dan kemanusiaan	9,895	82.0	44.8	35.1	0.8	1.3	18.0
Pendidikan	5,810	74.4	54.9	17.0	0.6	1.8	25.6
Keseluruhan	115,296	87.6	53.4	31.5	0.8	1.8	12.4

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

3.6 Kebolehpasaran Graduan Sijil 2023 dan Status Pekerjaan

Carta 3.6a Kadar Kebolehpasaran Graduan Sijil 2023 dan Status Pekerjaan



- Secara keseluruhan, graduan peringkat sijil merekodkan kadar kebolehpasaran graduan sebanyak 94.1 peratus (26,178 graduan). Ia merangkumi 69.3 peratus graduan bekerja, 23.0 peratus melanjutkan pengajian, 1.1 peratus menunggu penempatan pekerjaan dan 0.7 peratus meningkatkan kemahiran.
- Sebanyak 5.9 peratus (1,644 graduan) berada dalam kategori belum bekerja.

n= Jumlah responden L= Lelaki P= Perempuan
GE= Kadar kebolehpasaran graduan

3.6.1 Kebolehpasaran Graduan Sijil 2023 dan Status Pekerjaan Mengikut Jantina

- Graduan lelaki dan perempuan peringkat sijil merekodkan kadar kebolehpasaran graduan yang sama, iaitu 94.1 peratus. Walau bagaimanapun, bilangan graduan lelaki adalah lebih tinggi (16,516 graduan) berbanding perempuan (9,662 graduan).
- Kadar bekerja graduan lelaki mengatasi perempuan sebanyak 0.8 peratus, iaitu masing-masing 69.6 peratus (12,224 graduan) dan 68.8 peratus (7,060 graduan).
- Kadar belum bekerja lelaki dan perempuan menunjukkan peratus yang sama, iaitu sebanyak 5.9 peratus.

Jadual 3q Kadar Kebolehpasaran Graduan Sijil 2023 dan Status Pekerjaan Mengikut Jantina

Jantina	Jumlah responden	GE (%)	Status pekerjaan (%)				
			Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
Lelaki	17,554	94.1	69.6	22.5	0.7	1.2	5.9
Perempuan	10,268	94.1	68.8	23.8	0.6	0.9	5.9
Keseluruhan	27,822	94.1	69.3	23.0	0.7	1.1	5.9

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

3.6.2 Kebolehpasaran Graduan Sijil 2023 dan Status Pekerjaan Mengikut Jenis IPT

- Dua (2) institusi mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan sijil melebihi 90.0 peratus, iaitu ILKA KKDW (98.4%; 11,663 graduan) dan kolej komuniti (98.0%; 5,817 graduan).
- ILKA KKDW turut mencatatkan kadar bekerja tertinggi, iaitu 79.3 peratus atau 9,402 graduan, diikuti ILKBS (70.3%; 1,882 graduan) dan kolej komuniti (68.3%; 4,053 graduan).
- Graduan IPTS pula menunjukkan peratusan tertinggi melanjutkan pengajian (46.1%; 823 graduan).
- ILKA MOTAC mencatatkan kadar belum bekerja melebihi 50.0 peratus (52.4%; 11 graduan).

Jadual 3r

Kadar Kebolehpasaran Graduan Sijil 2023 dan Status Pekerjaan Mengikut Jenis IPT

Jenis IPT	Jumlah responden	GE (%)	Status pekerjaan (%)				
			Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
IPTS	1,786	87.2	38.1	46.1	0.6	2.5	12.8
Politeknik	42	88.1	64.3	-	-	23.8	11.9
Kolej komuniti	5,933	98.0	68.3	29.3	0.1	0.3	2.0
ILKA KKDW	11,857	98.4	79.3	17.6	0.9	0.6	1.6
ILKA KESUMA	4,306	88.7	61.2	24.5	0.5	2.5	11.3
ILKBS	2,679	88.3	70.3	16.1	0.7	1.3	11.7
ILKAP KPKM	863	72.9	46.2	23.8	1.0	1.9	27.1
ILKA KKR	146	78.8	62.3	2.7	11.0	2.7	21.2
ILKA MOTAC	21	47.6	19.0	23.8	-	4.8	52.4
* IPT lain	189	86.2	58.7	27.0	-	0.5	13.8
Keseluruhan	27,822	94.1	69.3	23.0	0.7	1.1	5.9

* IPT lain merangkumi graduan sijil Kolej Profesional MARA, INSPEN dan IPDAS

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

3.6.3 Kebolehpasaran Graduan Sijil 2023 dan Status Pekerjaan Mengikut Bidang Pengajian

- Semua bidang pengajian menunjukkan kadar kebolehpasaran graduan melebihi 80.0 peratus kecuali bidang pertanian, perhutanan, perikanan & veterinar (75.2%; 673 graduan) dan sains semulajadi, matematik & statistik (68.8%; 11 graduan).
- Graduan bidang kesihatan & kebajikan merekodkan kadar bekerja tertinggi, iaitu 82.9 peratus (500 graduan), diikuti perkhidmatan (77.5%; 2,726 graduan) dan sastera & kemanusiaan (71.7%; 2,905 graduan). Walau bagaimanapun, bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan merekodkan bilangan terbesar graduan yang bekerja, iaitu sebanyak 10,798 graduan (71.5%).
- Sebahagian besar graduan bidang sains sosial, kewartawanan & maklumat memilih melanjutkan pengajian (93.3%; 14 graduan).
- Terdapat tiga (3) bidang iaitu, sains semulajadi, matematik & statistik (31.3%), pertanian, perhutanan, perikanan & veterinar (24.8%) dan pendidikan (17.2%) mencatatkan kadar belum bekerja melebihi 10.0 peratus.

Jadual 3s

Kadar Kebolehpasaran Graduan Sijil 2023 dan Status Pekerjaan Mengikut Bidang Pengajian

RM2,001 – RM3,000	51,608	10.2% (5,282)
RM3,001 – RM4,000	16,403	9.9% (1,623)
RM4,001 – RM8,500	75,841	9.4% (7,149)
RM4,001 – RM5,000	28,866	9.5% (2,731)
RM5,001 – RM8,500	46,975	9.4% (4,418)
RM8,501 dan ke atas	61,270	9.3% (5,683)

n= Jumlah responden

Nota: Seramai 40 graduan tiada maklumat (hanya sertai SKPG2.0)

- Kadar belum bekerja bagi graduan tahun 2023 merekodkan sebanyak 10.9 peratus berada dalam kategori pendapatan bulanan keluarga RM4,000 & ke bawah, diikuti 9.4 peratus dalam kategori pendapatan RM4,001 – RM8,500 dan 9.3 peratus pula adalah RM8,501 & ke atas.
- Bagi kumpulan terbesar kategori pendapatan bulanan keluarga, iaitu RM4,000 & ke bawah, kadar belum bekerja tertinggi ialah pendapatan keluarga RM1,000 & ke bawah (12.0%) dan RM1,001 – RM2,000, iaitu sebanyak 11.2 peratus.

5.3 Ke kerap an Menghadiri Temu Duga bagi Graduan 2023 yang Belum Bekerja

Carta 5.3a

Ke kerap an Menghadiri Temu Duga bagi Graduan 2023 yang Belum Bekerja



- Sebanyak 39.4 peratus graduan belum bekerja merekodkan hadir temu duga sebanyak 2-4 kali, manakala sebanyak 10.3 peratus pernah menghadiri temu duga lebih daripada 5 kali dan sebanyak 28.5 peratus yang tidak pernah menghadiri mana-mana temu duga pekerjaan.
- Graduan yang belum bekerja dan pernah menghadiri temu duga sekurang-kurangnya sekali merekodkan sebanyak 21.8 peratus.

5.4 Sumber Mendapatkan Maklumat Pekerjaan bagi Graduan 2023 yang Belum Bekerja

- Secara keseluruhannya, sebahagian besar graduan 2023 yang belum bekerja mendapatkan sumber maklumat pekerjaan melalui portal pekerjaan (MYFutureJobs, Jobstreet dll) sebanyak 56.5 peratus, diikuti media sosial sebanyak 37.9 peratus.

Jadual 5d

Sumber Mendapatkan Maklumat Pekerjaan bagi Graduan 2023 yang Belum Bekerja

Jenis IPT	Jumlah responden	Sumber mendapatkan maklumat pekerjaan (%)						
		Portal Pekerjaan (MYFutureJobs, JobStreet dll)	Media sosial	Media cetak	Unit/Pusat Kerjaya/ Pusat Sokongan Pelajar/ Job Placement Center	Pensyarah/ Penasihat Akademik	Media elektronik (TV/radio)	Lain-lain
UA	6,245	67.5	28.8	0.8	0.8	0.4	0.5	1.0
IPTS	10,520	55.4	38.8	1.3	1.4	1.0	0.6	1.6
Politeknik	430	46.3	47.7	2.1	0.7	0.5	0.9	1.9
Kolej vokasional	819	35.5	55.9	2.2	1.7	1.3	0.6	2.7
Kolej komuniti	65	12.3	67.7	7.7	-	-	3.1	9.2
ILKA KESUMA	577	39.0	50.8	3.3	2.8	1.2	1.0	1.9
ILKBS	267	26.2	62.5	3.0	0.4	0.4	3.0	4.5
ILKAP KPKM	190	27.4	61.6	3.7	0.5	3.7	0.5	2.6
ILKA MOTAC	20	25.0	70.0	-	-	-	5.0	-
ILKA KKDW	204	29.4	56.9	4.4	0.5	0.5	1.0	7.4
ILKA KKR	25	48.0	44.0	-	-	4.0	-	4.0
IPT lain	212	42.5	49.1	1.9	0.5	1.4	0.9	3.8
Jumlah	19,574	56.5	37.9	1.4	1.2	0.8	0.6	1.7

Nota:

1) Melibatkan graduan yang menyatakan alasan belum bekerja ialah sedang mencari pekerjaan

2) Seramai 675 graduan tiada maklumat (hanya menyertai SKPG2.0)

BAB 6




GRADUAN 2023 YANG MELANJUTKAN PENGAJIAN

- 6.1 Graduan Warganegara 2023 yang Melanjutkan Pengajian
- 6.2 Graduan Bukan Warganegara 2023 yang Melanjutkan Pengajian



GRADUAN 2022-2023 YANG MELANJUTKAN PENGAJIAN


Kadar Graduan Melanjutkan Pengajian



W= Warganegara
BW= Bukan warganegara
n= Jumlah responden

↑↓ Peratus perubahan berbanding tahun sebelumnya

Taburan Graduan yang Melanjutkan Pengajian Mengikut Jantina



Kadar Graduan Warganegara Melanjutkan Pengajian Mengikut Jenis IPT



Taburan Graduan Warganegara yang Melanjutkan Pengajian dalam Bidang yang Sama Mengikut Peringkat Pengajian

Peringkat pengajian (semasa konvokesyen)	n	2022		2023 (%)	
		Bidang yang sama	n	Bidang yang sama	n
PhD	110	79.1	76	77.6	
Sarjana	1,673	81.8	1,691	82.5	
Ijazah pertama	10,116	79.7	10,220	73.4	
Diploma	42,635	84.6	41,026	81.6	
Sijil	5,672	88.1	7,664	84.2	
* Peringkat lain	338	86.1	278	76.6	
Keseluruhan	60,544	84.0	60,955	80.5	

* Termasuk diploma lanjutan, sijil lanjutan, diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma siswazah, sijil siswazah dan profesional

Sebab UTAMA Graduan Warganegara Melanjutkan Pengajian

Sebab UTAMA Graduan Warganegara melanjutkan pengajian	2022 (n= 58,684)	2023 (n= 59,085)
Meningkatkan tahap kelayakan akademik	34.4	32.7
Minat yang mendalam mencari ilmu	24.9	24.5
Meningkatkan peluang mendapat pekerjaan	15.2	16.9
Prospek kerjaya yang lebih baik	16.7	16.9
Dorongan keluarga	6.1	6.0
Belum bersedia memasuki dunia pekerjaan	1.5	1.4
Sukar mendapat pekerjaan yang bersesuaian	0.8	1.0
Lain-lain	0.4	0.5

Nota: Seramai 1,870 graduan 2023 tiada maklumat (hanya sertai SKPG2.0)


GRADUAN 2023 YANG MELANJUTKAN PENGAJIAN

Bab ini memaparkan kecenderungan graduan tahun 2023 yang melanjutkan pengajian setelah mereka menamatkan pengajian di institusi masing-masing. Terdapat dua (2) kategori kumpulan graduan yang melanjutkan pengajian, iaitu warganegara dan bukan warganegara.

Bagi kategori warganegara, kecenderungan graduan memilih untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi termasuk status graduan yang bekerja, sedang meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan. Selain itu, bab ini juga turut memaparkan maklumat graduan bukan warganegara 2023 yang melanjutkan pengajian mengikut jantina, jenis IPT dan peringkat pengajian lanjutan.


6.1 Graduan Warganegara 2023 yang Melanjutkan Pengajian

6.1.1 Graduan Warganegara 2023 yang Melanjutkan Pengajian Mengikut Jantina dan Jenis IPT




- Graduan tahun 2023 yang melanjutkan pengajian selepas bergraduat adalah sebanyak 20.0 peratus atau 60,955 graduan.
- Graduan lelaki mencatatkan kadar melanjutkan pengajian 21.1 peratus atau 28,060 graduan berbanding graduan perempuan sebanyak 19.2 peratus (32,895 graduan).
- Kadar melanjutkan pengajian tertinggi dicatatkan oleh graduan IPT lain, iaitu 45.1 peratus (terdiri daripada Kolej Profesional MARA, ASWARA, INSPEN dan IPDAS, iaitu di bawah pengurusan Kementerian lain/kerajaan negeri), diikuti kolej komuniti (31.6%; 1,937 graduan) dan ILKAP KPKM (28.4%; 272 graduan).
- UA merekodkan bilangan graduan tertinggi (25,302 graduan) melebihi IPTS (19,418 graduan) dengan kadar melanjutkan pengajian graduan adalah sama.

6.1.2 Graduan 2023 yang Melanjutkan Pengajian Mengikut Peringkat Pengajian (Semasa Konvokesyen)



- Peringkat diploma merekodkan peratusan tertinggi graduan melanjutkan pengajian, iaitu sebanyak 67.3 peratus (41,026 graduan), diikuti ijazah pertama (16.8%; 10,220 graduan) dan sijil (12.6%; 7,664 graduan).
- Graduan PhD dan peringkat lain merekodkan peratusan terendah, iaitu masing-masing sebanyak 0.1 peratus dan 0.5 peratus.

6.1.3 Peringkat Pengajian yang diikuti oleh Graduan 2023



- Graduan yang melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah pertama merekodkan peratusan tertinggi, iaitu sebanyak 63.4% (38,620 graduan), diikuti diploma/tahap 4 (13.2%; 8,073 graduan) dan sarjana (9.1%; 5,521 graduan).

6.1.4 Bidang Pengajian Lanjutan Mengikut Peringkat Pengajian (Semasa Konvokesyen) bagi Graduan 2023

- Bidang pendidikan merekodkan peratusan tertinggi graduan PhD (21.9%; 16 graduan) dan ijazah pertama (25.9%; 2,564 graduan) yang melanjutkan pengajian. Peringkat sarjana dan diploma merekodkan peratusan tertinggi graduan yang melanjutkan pengajian dalam bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan, iaitu masing-masing (19.1%; 319 graduan) dan (28.6%; 11,592 graduan).
- Seterusnya, bagi peringkat sijil, graduan memilih untuk melanjutkan pengajian dalam bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan, iaitu 40.6 peratus (2,136 graduan).

Jadual 6a

Bidang Pengajian Lanjutan Mengikut Peringkat Pengajian (Semasa Konvokesyen) bagi Graduan 2023

Bidang pengajian (lanjutan)	Peringkat pengajian (semasa konvokesyen) (%)					
	PhD (n= 73)	Sarjana (n= 1,673)	Ijazah pertama (n= 9,883)	Diploma (n= 40,522)	Sijil (n= 5,266)	* Peringkat lain (n= 210)
Pendidikan	21.9	18.7	25.9	8.6	10.4	41.4
Sastera dan kemanusiaan	13.7	4.2	4.3	3.8	1.3	3.8
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	12.3	8.8	6.4	4.6	1.6	1.9
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	15.1	19.1	25.4	28.6	11.6	14.3
Sains semulajadi, matematik dan statistik	13.7	7.4	8.4	5.3	0.6	1.4
Teknologi maklumat dan komunikasi	4.1	4.5	7.3	16.0	17.3	4.8
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	8.2	14.5	12.6	24.1	40.6	21.4
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	2.7	1.8	1.1	1.8	3.7	-
Kesihatan dan kebajikan	6.8	18.1	4.8	3.4	2.2	6.2
Perkhidmatan	1.4	2.9	3.6	3.9	10.7	4.8

* Termasuk diploma lanjutan, sijil lanjutan, diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma siswazah, sijil siswazah dan profesional

6.1.5 Graduan 2023 Melanjutkan Pengajian dalam Bidang yang Sama

Jadual 6b

Graduan 2023 Melanjutkan Pengajian dalam Bidang yang Sama


Peringkat pengajian (semasa konvokesyen)	Bil. responden	Bidang yang sama	
		Bil.	%
PhD	76	59	77.6
Sarjana	1,691	1,395	82.5
Ijazah pertama	10,220	7,497	73.4
Diploma	41,026	33,467	81.6
Sijil	7,664	6,452	84.2
* Peringkat lain	278	213	76.6
Jumlah	60,955	49,083	80.5

- Sebahagian besar graduan 2023 yang melanjutkan pengajian memilih bidang yang sama, iaitu 80.5 peratus (49,083 graduan).
- Terdapat tiga (3) peringkat pengajian yang mencatatkan kadar melebihi 80.0 peratus dalam memilih bidang yang sama, iaitu sijil (84.2%), sarjana (82.5%) dan diploma (81.6%).

Nota: Tidak termasuk graduan yang melanjutkan pengajian ke peringkat sijil dan kursus jangka pendek

* Termasuk diploma lanjutan, sijil lanjutan, diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma siswazah, sijil siswazah dan profesional

6.1.6 Tempat Graduan 2023 Melanjutkan Pengajian



- Majoriti graduan memilih jenis institusi yang sama untuk melanjutkan pengajian dengan UA merekodkan 92.1 peratus, IPTS (79.7%), ILKA KESUMA (73.9%), ILKAP KPKM (74.6%) dan ILKA KKR (57.1%).

6.1.7 Graduan UA 2023 Melanjutkan Pengajian ke UA yang Sama

Jadual 6c

Graduan UA 2023 Melanjutkan Pengajian ke UA yang Sama

Institusi semasa konvokesyen	Bil. responden	Memilih UA yang sama	
		Bil.	%
UTeM	525	480	91.4
UiTM	14,741	13,387	90.9
UPNM	132	120	90.9
UTM	618	526	85.1
UTHM	848	702	82.8
UMPSA	785	647	82.4
UniMAP	604	487	80.6
UMS	221	176	79.6
UKM	379	300	79.2
USM	368	287	78.0
UPSI	716	552	77.1
UPM	416	306	73.6
UM	573	380	68.8
UniSZA	1,065	722	67.8
UIAM	281	188	66.9
UNIMAS	284	188	66.2
UMT	249	155	62.2
UUM	155	89	57.4
UMK	110	44	40.0
USIM	231	87	37.7
Keseluruhan	23,301	19,848	85.2


- UTeM menjadi pilihan graduan untuk melanjutkan pengajian ke institusi yang sama, iaitu sebanyak 91.4 peratus (480 graduan) diikuti UiTM dan UPNM, iaitu masing-masing sebanyak 90.9 peratus.

6.1.8 Sebab Melanjutkan Pengajian bagi Graduan Warganegara 2023

- Merujuk kepada definisi *The National Graduate Employability Blueprint 2012 –2017*, kadar kebolehpasaran graduan (*graduate employability, GE*) adalah termasuk status melanjutkan pengajian. Pada tahun 2023, seramai 50,510 graduan atau sebanyak 16.6 peratus daripada 304,466 responden warganegara termasuk dalam kategori kumpulan ini.
- Seramai 48,640 graduan tahun 2023 berada dalam kategori status melanjutkan pengajian (tidak termasuk bekerja, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan). Manakala seramai 10,445 graduan dalam kategori graduan melanjutkan pengajian (termasuk bekerja, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan).
- Terdapat dua (2) sebab utama graduan melanjutkan pengajian, iaitu meningkatkan tahap kelayakan akademik dan minat yang mendalam mencari ilmu.

Carta 6.1e

Sebab Melanjutkan Pengajian bagi Graduan Warganegara 2023




n= Jumlah responden

Nota: Seramai 1,870 graduan tiada maklumat (hanya sertai SKPG 2.0)

6.2 Graduan Bukan Warganegara 2023 yang Melanjutkan Pengajian

6.2.1 Graduan Bukan Warganegara 2023 yang Melanjutkan Pengajian Mengikut Jantina dan Jenis IPT



- Sebanyak 19.5 peratus atau 3,002 graduan bukan warganegara tahun 2023 memilih melanjutkan pengajian setelah bergraduasi.
- Graduan lelaki mencatatkan kadar melanjutkan pengajian sebanyak 19.9 peratus (1,607 graduan), manakala graduan perempuan (19.0%; 1,395 graduan).

6.2.2 Peringkat Pengajian yang diikuti oleh Graduan Bukan Warganegara 2023


Jadual 6d Peringkat Pengajian yang diikuti oleh Graduan Bukan Warganegara 2023

Peringkat pengajian (lanjutan)	Jenis IPT (%)		
	UA (n= 1,121)	IPTS (n= 1,881)	Keseluruhan (n= 3,002)
PhD	38.5	19.0	26.3
Sarjana	43.5	45.2	44.6
Ijazah pertama	1.6	16.9	11.2
Diploma/Tahap 4	1.5	3.9	3.0
Sijil/Tahap 3	1.6	2.0	1.8
Diploma lanjutan/Tahap 5	0.2	0.8	0.6
Diploma eksekutif	0.1	0.2	0.1
Diploma pascasiswazah	6.3	3.6	4.6
Sijil pascasiswazah	1.7	2.2	2.0
Diploma siswazah	0.9	1.8	1.4
Sijil siswazah	0.7	1.0	0.9
Kelayakan profesional	0.8	0.5	0.6
Kursus pendek	2.5	3.1	2.9

n= Jumlah responden

- Peringkat sarjana menjadi pilihan graduan bukan warganegara melanjutkan pengajian, iaitu sebanyak 44.6 peratus (1,339 graduan), diikuti PhD (26.3%; 789 graduan) dan ijazah pertama (11.2%; 335 graduan).
- Graduan bukan warganegara peringkat sarjana memilih UA dan IPTS sebagai tempat melanjutkan pengajian, iaitu masing-masing 43.5 peratus (488 graduan) dan 45.2 peratus (851 graduan).
- Terdapat tiga (3) peringkat pengajian (lanjutan) yang merekodkan peratusan kurang daripada 1.0 peratus, iaitu peringkat sijil siswazah, diploma lanjutan/tahap 5, kelayakan profesional dan diploma eksekutif.

6.2.3 Tempat Graduan Bukan Warganegara 2023 Melanjutkan Pengajian



- Sebanyak 45.1 peratus atau 506 graduan bukan warganegara di UA kembali melanjutkan pengajian ke institusi yang sama dan selebihnya, 40.7 peratus (456 graduan) memilih luar negara.
- Graduan bukan warganegara di IPTS, iaitu sebanyak 49.8% (936 graduan) tetap memilih institusi yang sama sebagai destinasi melanjutkan pengajian dan sebanyak 43.9 peratus (826 graduan) memilih institusi pendidikan luar negara.

BAB 7



- 7.1 GRADUAN USAHAWAN 2023 (BEKERJA SENDIRI, *FREELANCE* DAN MAJIKAN)**
- 7.2 GRADUAN OKU 2023 KELUARAN DAN MAKLUMAT PEKERJAAN**
- 7.3 GRADUAN ORANG ASLI 2023 KELUARAN DAN MAKLUMAT PEKERJAAN**



Muka surat ini dibiarkan kosong.

BAB 7.1




7.1: GRADUAN USAHAWAN 2023 (BEKERJA SENDIRI, *FREELANCE* DAN MAJIKAN)



GRADUAN USAHAWAN WARGANEGARA 2022-2023


Kadar Graduan Usahawan



n= Jumlah responden bekerja

↑ Peratus perubahan berbanding tahun sebelumnya

Taburan Graduan Usahawan Mengikut Jantina




n= Jumlah responden usahawan

Taburan Graduan Usahawan Mengikut Jenis IPT




Kadar Graduan Usahawan Mengikut Peringkat Pengajian




* Termasuk diploma lanjutan, sijil lanjutan, diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma siswazah, sijil siswazah dan profesional

Pendapatan Bulanan Graduan Usahawan



Sektor Ekonomi (10 tertinggi)



n= Jumlah responden usahawan

GRADUAN USAHAWAN 2023 (BEKERJA SENDIRI, FREELANCE DAN MAJIKAN)

Bab ini memberi tumpuan kepada kadar usahawan graduan warganegara tahun 2023 mengikut jenis IPT, jantina, peringkat pengajian dan bidang pengajian. Kategori graduan usahawan adalah termasuk graduan bekerja sendiri, *freelance* dan majikan. Turut dibincangkan ialah sektor ekonomi yang diceburi, pendapatan bulanan dan sumber modal.

7.1 Graduan Usahawan 2023

7.1.1 Graduan Usahawan 2023 Mengikut Jenis IPT dan Jantina

Jadual 7a


Graduan Usahawan 2023 Mengikut Jenis IPT dan Jantina

Jenis IPT	Jumlah responden bekerja	Kadar usahawan	Jantina (%)	
			L	P
ILKA KKDW	11,544	33.1% (3,819)	57.9	42.1
ILKAP KPKM	444	21.2% (94)	73.4	26.6
ILKBS	2,848	15.2% (434)	82.5	17.5
IPT lain	847	15.2% (129)	55.0	45.0
ILKA KKR	91	14.3% (13)	100.0	-
Kolej vokasional	4,579	12.5% (571)	71.8	28.2
ILKA KESUMA	4,704	12.4% (583)	82.7	17.3
Kolej komuniti	4,230	12.0% (509)	54.4	45.6
IPTS	63,718	10.3% (6,566)	51.0	49.0
Politeknik	21,757	9.8% (2,137)	62.6	37.4
UA	92,013	8.5% (7,832)	45.2	54.8
ILKA MOTAC	25	8.0% (2)	-	100.0
Keseluruhan	206,800	11.0% (22,689)	53.4	46.6

L= Lelaki P= Perempuan

- Graduan usahawan mencatatkan kadar 11.0 peratus (22,689 graduan) bagi tahun 2023.
- Kadar tertinggi graduan usahawan dipelopori oleh graduan ILKA KKDW, iaitu sebanyak 33.1 peratus (3,819 graduan), diikuti ILKAP KPKM (21.2%; 94 graduan) dan ILKBS (15.2%; 434 graduan).
- Secara keseluruhan, semua IPT mencatatkan kadar graduan usahawan lelaki melebihi perempuan kecuali UA dan ILKA MOTAC.

7.1.2 Kadar Graduan Usahawan 2023 Mengikut Peringkat Pengajian



- Graduan peringkat sijil merekodkan kadar tertinggi graduan usahawan 2023, iaitu 24.4 peratus (4,711 graduan), diikuti peringkat lain (13.0%; 443 graduan) dan diploma (10.7%; 6,593 graduan).


7.1.3 Kadar Graduan Usahawan 2023 Mengikut Bidang Pengajian

Jadual 7b Kadar Graduan Usahawan 2023 Mengikut Bidang Pengajian

Bidang pengajian	Jumlah responden bekerja	Kadar usahawan
Sastera dan kemanusiaan	17,127	21.6% (3,703)
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	2,749	13.4% (369)
Perkhidmatan	13,752	12.4% (1,706)
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	55,631	12.0% (6,660)
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	9,504	11.0% (1,049)
Program dan kelayakan generik	55	10.9% (6)
Pendidikan	15,097	9.5% (1,433)
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	58,628	9.1% (5,308)
Teknologi maklumat dan komunikasi	14,467	8.6% (1,241)
Sains semulajadi, matematik dan statistik	8,050	8.0% (645)
Kesihatan dan kebajikan	11,740	4.8% (569)
Keseluruhan	206,800	11.0% (22,689)

- Kadar tertinggi graduan usahawan adalah lulusan bidang sastera & kemanusiaan, iaitu 21.6 peratus (3,703 graduan), diikuti pertanian, perhutanan, perikanan & veterinar (13.4%; 369 graduan) dan perkhidmatan (12.4%; 1,706 graduan).

7.1.4 Sektor Ekonomi yang Diceburi Graduan Usahawan 2023




- Majoriti graduan usahawan 2023 menceburi sektor perkhidmatan, iaitu sebanyak 83.0 peratus (18,828 graduan), diikuti bidang pembuatan (9.9%; 2,246 graduan), pembinaan (4.3%; 970 graduan) dan sektor pertanian, perhutanan & perikanan (2.7%; 611 graduan).

7.1.5 Sumber Modal (Pilihan Pertama) Graduan Usahawan 2023



- Pembiayaan sendiri mempelopori sumber modal bagi graduan usahawan 2023 memulakan perniagaan, iaitu sebanyak 87.7 peratus (19,892 graduan), diikuti bantuan keluarga (5.2%; 1,176 graduan) dan melalui rakan kongsi (2.3%; 529 graduan).
- Bank komersil turut menjadi pilihan bagi mendapatkan sumber modal, iaitu sebanyak 1.2 peratus (274 graduan). Umumnya, sumber modal yang diperolehi dari agensi lain adalah kurang daripada 0.5 peratus.

7.1.6 Pendapatan Bulanan Graduan Usahawan 2023



- Graduan usahawan 2023 yang memperoleh pendapatan bulanan antara julat RM1,001 hingga RM2,000 merekodkan peratus tertinggi, iaitu 35.2 peratus atau 7,991 graduan. Ini diikuti dengan julat pendapatan RM1,000 & ke bawah (34.4%; 7,797 graduan) dan RM2,001 – RM3,000 (15.8%; 3,575 graduan).
- Peratusan graduan lelaki memperoleh pendapatan melebihi RM1,000 mengatasi graduan perempuan.

7.1.7 Pendapatan Bulanan Graduan Usahawan 2023 Mengikut Sektor Ekonomi

- Peratusan tertinggi pendapatan bulanan graduan usahawan 2023 dalam julat RM1,000 & ke bawah (45.3%; 277 graduan) adalah daripada sektor pertanian, perhutanan & perikanan, diikuti pembuatan (43.0%; 966 graduan), perkhidmatan (34.0%; 6,400 graduan) dan pembinaan (15.2%; 147 graduan).
- Sektor ekonomi bagi julat pendapatan RM1,001 hingga RM2,000 merekodkan peratusan melebihi 30.0 peratus kecuali perlombongan & pengkuarian. Walau bagaimanapun, sektor perlombongan & pengkuarian mencatatkan peratusan tertinggi untuk julat pendapatan RM2,001 hingga RM3,000 (32.4%).

Jadual 7c Pendapatan Bulanan Graduan Usahawan 2023 Mengikut Sektor Ekonomi

Sektor ekonomi	Jumlah responden usahawan	Pendapatan bulanan (%)						
		RM1,000 dan ke bawah	RM1,001 – RM2,000	RM2,001 – RM3,000	RM3,001 – RM4,000	RM4,001 – RM5,000	RM5,001 – RM10,000	Lebih daripada RM10,000
Perkhidmatan	18,828	34.0	35.8	15.7	6.4	2.9	3.8	1.4
Pembuatan	2,246	43.0	31.0	13.7	6.7	1.9	2.4	1.3
Pembinaan	970	15.2	32.8	25.7	9.2	5.8	7.0	4.4
Pertanian, perhutanan dan perikanan	611	45.3	37.6	9.0	2.6	2.1	2.6	0.7
Perlombongan dan pengkuarian	34	20.6	17.6	32.4	5.9	2.9	8.8	11.8

BAB 7.2




7.2: GRADUAN OKU 2023 KELUARAN DAN MAKLUMAT PEKERJAAN




GRADUAN OKU 2022-2023


Keluaran Graduan OKU dan Kadar Respons




Kadar Kebolehpasaran Graduan OKU (Warganegara)




Status Pekerjaan Graduan OKU (Warganegara)



Taraf Pekerjaan Graduan OKU (Warganegara)



Pendapatan Bulanan Graduan OKU (Warganegara)



5 Sebab UTAMA Belum Bekerja Graduan OKU (Warganegara)

Sebab UTAMA belum bekerja (5 tertinggi)	2022 (n=152)	2023 (n=183)
Sedang mencari pekerjaan	57.0	57.4
Menunggu keputusan/tawaran melanjutkan pengajian	12.6	10.9
Sebab kesihatan (termasuk baru bersalin)	6.0	8.2
Berehat/melancong/bercuti	4.6	5.5
Tanggungjawab terhadap keluarga	4.6	5.5

* Tidak termasuk 14 graduan yang bekerja dengan keluarga (tiada upah/gaji):
 i) 2022 - 26 graduan
 ii) 2023 - 14 graduan

↑ Peratus perubahan berbanding tahun sebelumnya


N= Jumlah graduan
 n= Jumlah responden
 KR= Kadar respons

KELUARAN DAN MAKLUMAT PEKERJAAN GRADUAN OKU 2023

Bab ini membincangkan maklumat keluaran graduan berstatus Orang Kurang Upaya (OKU) bagi tahun 2023 yang melibatkan status pekerjaan serta maklumat pekerjaan yang merangkumi taraf pekerjaan, sektor pekerjaan, pendapatan bulanan yang diperoleh dan kadar belum bekerja mengikut bidang pengajian.

7.2 Graduan OKU 2023

7.2.1 Graduan OKU 2023 Mengikut Jenis IPT dan Jantina



- Pada tahun 2023, seramai 1,486 graduan berstatus OKU telah menyertai kajian ini. Graduan IPTS mencatatkan bilangan tertinggi, iaitu 536 graduan, diikuti UA (472 graduan) dan ILKA KKDW (245 graduan).
- Peratusan graduan OKU lelaki lebih tinggi di semua jenis IPT kecuali UA.

7.2.2 Graduan OKU 2023 Mengikut Peringkat Pengajian dan Bidang Pengajian

- Graduan peringkat diploma merekodkan bilangan tertinggi, iaitu seramai 474 graduan, diikuti ijazah pertama (451 graduan), sijil (386 graduan), sarjana (127 graduan), PhD (25 graduan) dan lain-lain peringkat (23 graduan).
- Bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan mencatatkan peratusan tertinggi bagi tahun 2023, iaitu 25.6 peratus (381 graduan), diikuti kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (21.5%; 320 graduan) dan sastera & kemanusiaan (14.3%; 212 graduan).
- Terdapat tiga (3) peringkat pengajian yang merekodkan peratusan melebihi 30.0 peratus dalam bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan, iaitu graduan sarjana (37.0%; 47 graduan), diploma (33.5%; 159 graduan) dan ijazah pertama (33.0%; 149 graduan).
- Peringkat sijil pula merekodkan peratusan tertinggi graduan dalam bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan, perkhidmatan dan sastera & kemanusiaan.

Jadual 7d

Graduan OKU 2023 Mengikut Peringkat Pengajian dan Bidang Pengajian

Bidang pengajian	Peringkat pengajian (%)						Keseluruhan (N= 1,486)
	PhD (N= 25)	Sarjana (N= 127)	Ijazah pertama (N= 451)	Diploma (N= 474)	Sijil (N= 386)	* Peringkat lain (N= 23)	
Pendidikan	16.0	11.0	4.7	7.4	1.3	26.1	5.7
Sastera dan kemanusiaan	8.0	2.4	12.9	14.6	20.2	8.7	14.3
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	4.0	12.6	12.9	4.6	-	-	6.5
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	16.0	37.0	33.0	33.5	4.9	13.0	25.6
Sains semulajadi, matematik dan statistik	16.0	4.7	4.9	2.3	-	-	2.9
Teknologi maklumat dan komunikasi	12.0	4.7	9.1	11.6	7.8	-	9.1
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	16.0	16.5	15.3	16.0	36.8	34.8	21.5
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	4.0	0.8	-	0.6	3.1	-	1.1
Kesihatan dan kebajikan	4.0	7.9	4.9	1.9	0.5	-	3.0
Perkhidmatan	4.0	2.4	2.2	7.4	25.4	17.4	10.2
Program dan kelayakan generik	-	-	0.2	-	-	-	0.1

N= Jumlah graduan


* Merangkumi graduan diploma pascasiswazah dan sijil lanjutan

7.2.3 Jenis Kecacatan Graduan OKU 2023



- Jenis kecacatan anggota fizikal mencatatkan peratusan tertinggi graduan OKU tahun 2023, iaitu sebanyak 32.4 peratus, diikuti masalah pembelajaran (20.9%), pendengaran (20.7%) dan penglihatan (16.6%).
- Sebahagian kecil daripada graduan OKU mengalami masalah mental (3.4%), pertuturan (1.9%) dan pelbagai (4.2%).

7.2.4 Status Pekerjaan Graduan OKU (Warganegara) 2023



- Kadar kebolehpasaran graduan OKU tahun 2023 mencatatkan sebanyak 85.2 peratus.
- Sebanyak 64.1 peratus (793 graduan) adalah bekerja, 15.8 peratus (196 graduan) melanjutkan pengajian, 3.2 peratus (40 graduan) menunggu penempatan pekerjaan dan 2.1 peratus (26 graduan) meningkatkan kemahiran dan 14.8 peratus (183 graduan) berstatus belum bekerja.


7.2.4.1 Status Pekerjaan Graduan OKU (Warganegara) 2023 Mengikut Peringkat Pengajian

- Graduan OKU peringkat sijil lanjutan merekodkan kadar bekerja tertinggi, iaitu 92.9 peratus (13 graduan), diikuti sarjana 76.7 peratus (56 graduan) dan PhD (9 graduan) dan diploma pascasiswazah (6 graduan), iaitu masing-masing adalah 75.0 peratus.
- Bagi status melanjutkan pengajian dan belum bekerja, graduan OKU peringkat diploma merekodkan peratusan tertinggi, iaitu masing-masing 26.5 peratus (99 graduan) dan 26.0 peratus (97 graduan).

Jadual 7e Status Pekerjaan Graduan OKU (Warganegara) 2023 Mengikut Peringkat Pengajian


Peringkat pengajian	Jumlah responden	Status pekerjaan (%)				
		Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
PhD	12	75.0	-	8.3	8.3	8.3
Sarjana	73	76.7	2.7	2.7	1.4	16.4
Ijazah pertama	393	71.8	8.1	4.1	5.1	10.9
Diploma	373	45.0	26.5	0.8	1.6	26.0
Sijil	365	71.0	17.0	1.1	3.0	7.9
Diploma pascasiswazah	8	75.0	-	-	12.5	12.5
Sijil lanjutan	14	92.9	7.1	-	-	-
Keseluruhan	1,238	64.1	15.8	2.1	3.2	14.8

7.2.5 Taraf Pekerjaan Graduan OKU (Warganegara) 2023




- Secara keseluruhan, sebanyak 56.4 peratus atau 447 graduan OKU (warganegara) 2023 bekerja sebagai pekerja swasta (termasuk NGO), diikuti bekerja sendiri (13.9%; 110 graduan) dan pekerja kerajaan sebanyak 11.5 peratus atau seramai 91 graduan.
- Graduan OKU yang bekerja dengan keluarga adalah sebanyak 10.3 peratus (82 graduan).

7.2.6 Sektor Pekerjaan Graduan OKU (Warganegara) 2023



- Sektor pekerjaan utama graduan OKU 2023 adalah syarikat tempatan, iaitu 52.7 peratus (418 graduan), diikuti ekonomi gig (15.6%; 124 graduan) dan syarikat multinasional (11.0%; 87 graduan).
- Peratusan graduan OKU yang bekerja dalam kerajaan persekutuan ialah 6.7 peratus (53 graduan), NGO (6.6%; 52 graduan) dan kerajaan negeri/tempatan (2.9%; 23 graduan).
- Selebihnya bekerja dalam syarikat berkaitan kerajaan (GLC), iaitu 2.6 peratus (21 graduan) dan badan berkanun sebanyak 1.9 peratus (15 graduan).

7.2.7 Pendapatan Bulanan Graduan OKU (Warganegara) 2023



- Peratusan tertinggi graduan OKU ialah dalam julat pendapatan bulanan RM1,001 – RM2,000, iaitu sebanyak 45.6 peratus (355 graduan), diikuti pendapatan RM1,000 & ke bawah (22.7%; 177 graduan) dan julat RM2,001 – RM3,000 (15.4%; 120 graduan).

7.2.8 Kadar Belum Bekerja bagi Graduan OKU (Warganegara) 2023 Mengikut Bidang Pengajian

Jadual 7f

Kadar Belum Bekerja bagi Graduan OKU (Warganegara) 2023 Mengikut Bidang Pengajian

Bidang pengajian	Jumlah responden	Kadar belum bekerja
Pendidikan	66	22.7% (15)
Sastera dan kemanusiaan	177	15.3% (27)
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	70	18.6% (13)
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	297	18.2% (54)
Sains semulajadi, matematik dan statistik	34	5.9% (2)
Teknologi maklumat dan komunikasi	104	18.3% (19)
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	292	9.2% (27)
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	16	25.0% (4)
Kesihatan dan kebajikan	39	10.3% (4)
Perkhidmatan	142	12.7% (18)
Program dan kelayakan generik	1	-

- Terdapat dua (2) bidang pengajian mencatatkan kadar belum bekerja melebihi 20.0 peratus, iaitu bidang pertanian, perhutanan, perikanan & veterinar (25.0%; 4 graduan) dan pendidikan (22.7%; 15 graduan)

BAB 7.3




7.3: GRADUAN ORANG ASLI 2023 KELUARAN DAN MAKLUMAT PEKERJAAN




GRADUAN ORANG ASLI 2022-2023

Keluaran Graduan Orang Asli dan Kadar Respons (KR)




Kadar Kebolehpasaran Graduan Orang Asli



n= Jumlah responden Orang Asli
 ↑ Peratus perubahan berbanding tahun sebelumnya

Status Pekerjaan Graduan Orang Asli




Sebab Belum Bekerja Graduan Orang Asli



Sektor Pekerjaan Bekerja Graduan Orang Asli


■ 2022 (n=225) ■ 2023 (n=137) (%)



* contoh: Grab/FoodPanda/Lalamove/Dropship Agent/Personal Shopper dan lain-lain

Pendapatan Bulanan Graduan Orang Asli

■ 2022 (n=263) ■ * 2023 (n=164) (%)




* Tidak termasuk 3 graduan yang bekerja dengan keluarga (tiada upah/gaji)

GRADUAN ORANG ASLI 2023 KELUARAN DAN MAKLUMAT PEKERJAAN

Bab 7.3 ini memberi fokus kepada graduan Orang Asli tahun 2023 berkaitan keluaran mengikut jenis IPT, peringkat pengajian dan bidang pengajian. Bab ini juga memaparkan status pekerjaan dan maklumat pekerjaan seperti taraf pekerjaan, sektor yang menawarkan pekerjaan kepada graduan Orang Asli serta sebab belum bekerja.

7.3 Graduan Orang Asli 2023

7.3.1 Graduan Orang Asli 2023 Mengikut Jenis IPT dan Jantina



- Seramai 260 graduan berketurunan Orang Asli adalah lulusan IPT negara pada tahun 2023. Keluaran UA adalah seramai 120 graduan, politeknik (55 graduan), IPTS (41 graduan), ILKA KESUMA (18 graduan) dan kolej komuniti seramai 13 orang.
- Graduan lelaki melebihi perempuan bagi politeknik, iaitu sebanyak 58.2 peratus dan ILKA KKDW sebanyak 88.9 peratus, manakala bagi ILKAP KPKM bilangan graduan lelaki adalah sama dengan graduan perempuan.
- IPT selebihnya mencatatkan bilangan graduan perempuan melebihi lelaki.

7.3.2 Graduan Orang Asli 2023 Mengikut Peringkat Pengajian dan Bidang Pengajian

- Kumpulan terbesar graduan Orang Asli merupakan graduan peringkat diploma (133 graduan), diikuti ijazah pertama (78 graduan), sijil (43 graduan), sarjana (5 graduan) dan diploma pascasiswazah (1 graduan).
- Bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan merekodkan peratus tertinggi keluaran graduan Orang Asli peringkat diploma dan sijil, iaitu masing-masing 26.3 peratus dan 55.8 peratus. Bagi peringkat ijazah pertama pula, peratus tertinggi adalah bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan, iaitu sebanyak 33.3 peratus.


Jadual 7g

Graduan Orang Asli 2023 Mengikut Peringkat Pengajian dan Bidang Pengajian

Bidang pengajian	Peringkat pengajian (%)											
	Sarjana (N= 5)		Ijazah pertama (N= 78)		Diploma (N= 133)		Sijil (N= 43)		Diploma pascasiswazah (N= 1)		Keseluruhan (N= 260)	
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	1	20.0	10	12.8	35	26.3	24	55.8	-	-	70	26.9
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	1	20.0	26	33.3	30	22.6	1	2.3	-	-	58	22.3
Perkhidmatan	-	-	2	2.6	24	18.0	7	16.3	-	-	33	12.7
Pendidikan	2	40.0	5	6.4	13	9.8	3	7.0	1	100.0	24	9.2
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	-	-	5	6.4	7	5.3	6	14.0	-	-	18	6.9
Sastera dan kemanusiaan	-	-	8	10.3	5	3.8	1	2.3	-	-	14	5.4
Sains semulajadi, matematik dan statistik	1	20.0	9	11.5	4	3.0	-	-	-	-	14	5.4
Teknologi maklumat dan komunikasi	-	-	1	1.3	9	6.8	1	2.3	-	-	11	4.2
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	-	-	9	11.5	1	0.8	-	-	-	-	10	3.8
Kesihatan dan kebajikan	-	-	3	3.8	5	3.8	-	-	-	-	8	3.1

N= Jumlah graduan

7.3.3 Kebolehpasaran Graduan dan Status Pekerjaan Graduan Orang Asli 2023



- Pada tahun 2023, kadar kebolehpasaran graduan Orang Asli ialah sebanyak 87.6 peratus dengan 69.3 peratus bekerja, 12.4 peratus melanjutkan pengajian, 3.7 peratus menunggu penempatan pekerjaan dan 2.1 peratus meningkatkan kemahiran. Selebihnya, 12.4 peratus graduan masih belum bekerja.
- Graduan lelaki mencatatkan kadar kebolehpasaran lebih tinggi, iaitu 89.3 peratus mengatasi graduan perempuan (86.6%).

7.3.3.1 Status Pekerjaan Graduan Orang Asli 2023 Mengikut Peringkat Pengajian

- Terdapat dua (2) peringkat pengajian merekodkan 100.0 peratus kadar kebolehpasaran graduan Orang Asli, iaitu sarjana (5 graduan) dan diploma pascasiswazah (1 graduan).
- Peratusan tertinggi graduan Orang Asli yang bekerja ialah peringkat sarjana dan diploma pascasiswazah, iaitu masing-masing 100.0 peratus, diikuti ijazah pertama (73.7%), diploma (67.5%) dan sijil sebanyak 61.9 peratus.
- Graduan Orang Asli peringkat sijil mencatatkan peratusan tertinggi belum bekerja, iaitu 23.8 peratus, diikuti diploma (13.7%) dan ijazah pertama (5.3%).
- Peratusan tertinggi bagi kategori melanjutkan pengajian adalah graduan peringkat diploma, iaitu sebanyak 18.8 peratus.

Jadual 7h

Status Pekerjaan Graduan Orang Asli 2023 Mengikut Peringkat Pengajian

Peringkat pengajian	Jumlah responden	GE (%)	Status pekerjaan (%)				
			Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
Sarjana	5	100.0	100.0	-	-	-	-
Ijazah pertama	76	94.7	73.7	2.6	6.6	11.8	5.3
Diploma	117	86.3	67.5	18.8	-	-	13.7
Sijil	42	76.2	61.9	14.3	-	-	23.8
Diploma pascasiswazah	1	100.0	100.0	-	-	-	-
Keseluruhan	241	87.6	69.3	12.4	2.1	3.7	12.4


7.3.3.2 Status Pekerjaan Graduan Orang Asli 2023 Mengikut Bidang Pengajian

- Terdapat empat (4) bidang pengajian merekodkan kadar kebolehpasaran graduan 100.0 peratus, iaitu bidang sastera & kemanusiaan (14 graduan), teknologi maklumat & komunikasi (11 graduan), sains sosial, kewartawanan & maklumat (10 graduan) dan kesihatan & kebajikan (6 graduan).
- Peratusan tertinggi bekerja ialah graduan bidang sains sosial, kewartawanan & maklumat, iaitu sebanyak 90.0 peratus, manakala bidang pertanian, perhutanan, perikanan & veterinar mencatatkan peratusan tertinggi melanjutkan pengajian (35.3%).
- Graduan bidang pendidikan merekodkan peratusan tertinggi belum bekerja, iaitu sebanyak 36.4 peratus.

Bidang pengajian	Jumlah responden	GE (%)	Status pekerjaan (%)				
			Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
Sastera dan kemanusiaan	14	100.0	64.3	21.4	7.1	7.1	-
Teknologi maklumat dan komunikasi	11	100.0	81.8	9.1	-	9.1	-
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	10	100.0	90.0	-	-	10.0	-
Kesihatan dan kebajikan	6	100.0	83.3	-	-	16.7	-
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	17	94.1	41.2	35.3	11.8	5.9	5.9
Sains semulajadi, matematik dan statistik	13	92.3	53.8	30.8	-	7.7	7.7
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	54	87.0	66.7	11.1	3.7	5.6	13.0
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	67	86.6	76.1	10.4	-	-	13.4
Perkhidmatan	27	85.2	74.1	11.1	-	-	14.8
Pendidikan	22	63.6	63.6	-	-	-	36.4
Jumlah	241	87.6	69.3	12.4	2.1	3.7	12.4


GE= Kadar kebolehpasaran graduan

7.3.4 Taraf Pekerjaan Graduan Orang Asli 2023



- Kebanyakan graduan Orang Asli merupakan pekerja swasta termasuk NGO (70.1%; 117 graduan), diikuti pekerja kerajaan (12.0%; 20 graduan) dan graduan yang menceburi bidang keusahawanan (11.4%; 19 graduan). Selebihnya, memilih untuk bekerja dengan keluarga, iaitu sebanyak 6.6 peratus (11 graduan).

7.3.5 Sektor Pekerjaan Graduan Orang Asli 2023



- Sektor syarikat tempatan membekalkan sebanyak 55.7 peratus pekerjaan kepada graduan Orang Asli 2023 yang bekerja, diikuti syarikat multinasional (11.4%), NGO (10.2%) dan kerajaan persekutuan (8.4%).

7.3.6 Kumpulan Pekerjaan Graduan Orang Asli 2023



- Kumpulan pekerjaan utama graduan Orang Asli ialah pekerja perkhidmatan & jualan (24.6%; 41 graduan), diikuti profesional (20.4%; 34 graduan), juruteknik & profesional bersekutu (19.2%; 32 graduan) dan pekerja sokongan perkeranian (13.2%; 22 graduan).

7.3.7 Pendapatan Bulanan Graduan Orang Asli 2023 Mengikut Peringkat Pengajian

- Secara keseluruhan, peratusan tertinggi graduan Orang Asli berada dalam julat pendapatan bulanan RM1,501 – RM2,000 (32.3%; 53 graduan), diikuti RM1,001 – RM1,500 (24.4%; 40 graduan) dan RM2,001 – RM2,500 (12.8%; 21 graduan).
- Graduan peringkat ijazah pertama dan diploma merekodkan peratusan tertinggi berada dalam julat pendapatan bulanan RM1,501 – RM2,000, iaitu masing-masing 23.2 peratus dan 38.5 peratus. Graduan sijil pula berada pada julat RM1,001 – RM1,500 (41.7%).

Jadual 7j

Pendapatan Bulanan Graduan Orang Asli 2023 Mengikut Peringkat Pengajian

Pendapatan bulanan	Peringkat pengajian (%)					
	Sarjana (n= 5)	Ijazah pertama (n= 56)	Diploma (n= 78)	Sijil (n= 24)	Diploma pascasiswazah (n= 1)	* Keseluruhan (n= 164)
RM1,000 dan ke bawah	-	12.5	10.3	16.7	-	11.6
RM1,001 – RM1,500	-	17.9	25.6	41.7	-	24.4
RM1,501 – RM2,000	-	23.2	38.5	37.5	100.0	32.3
RM2,001 – RM2,500	20.0	12.5	16.7	-	-	12.8
RM2,501 – RM3,000	40.0	10.7	7.7	-	-	8.5
RM3,001 – RM4,000	-	17.9	1.3	-	-	6.7
RM4,001 – RM5,000	20.0	3.6	-	4.2	-	2.4
RM5,001 – RM6,000	20.0	1.8	-	-	-	1.2

n= Jumlah responden bekerja

Nota: * Tidak termasuk graduan Orang Asli yang bekerja dengan keluarga (tiada upah/gaji) seramai 3 graduan

7.3.8 Sektor Ekonomi yang Diceburi Graduan Orang Asli 2023

- Peratusan tertinggi sektor ekonomi yang diceburi oleh graduan Orang Asli ialah aktiviti perkhidmatan lain sebanyak 15.6 peratus, diikuti perdagangan borong & runcit, pembaikan kenderaan bermotor & motosikal (12.0%; 20 graduan) dan pembuatan (10.2%; 17 graduan).
- Sektor aktiviti badan & pertubuhan luar wilayah merekodkan peratusan terendah, iaitu sebanyak 0.6 peratus.


Jadual 7k

Sektor Ekonomi yang Diceburi Graduan Orang Asli 2023

Sektor ekonomi	Jumlah responden bekerja (n= 167)	%
* Aktiviti perkhidmatan lain	26	15.6
Perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal	20	12.0
Pembuatan	17	10.2
Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman	16	9.6
Pendidikan	15	9.0
Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal	11	6.6
Maklumat dan komunikasi	9	5.4
Pertanian, perhutanan dan perikanan	9	5.4
Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan	7	4.2
Pengangkutan dan penyimpanan	5	3.0
Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara	5	3.0
Pentadbiran dan pertahanan awam; keselamatan sosial wajib	5	3.0
Aktiviti kewangan dan insurans/takaful	4	2.4
Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial	4	2.4
Kesenian, hiburan dan rekreasi	4	2.4
Aktiviti isi rumah sbg. majikan: mengeluarkan barangan dan perkhidmatan	4	2.4
Pembinaan	3	1.8
Bekalan air; pembentungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemuliharaan	2	1.2
Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah	1	0.6

* Aktiviti keahlian organisasi, pembaikan komputer & barangan persendirian & isi rumah dan aktiviti perkhidmatan persendirian lain.

7.3.9 Sebab Belum Bekerja bagi Graduan Orang Asli 2023



- Graduan Orang Asli belum bekerja merekodkan sebanyak 63.3 peratus (19 graduan) sedang mencari pekerjaan, diikuti 13.3 peratus (4 graduan) enggan berpindah ke tempat lain dan 6.7 peratus (2 graduan) memilih untuk tidak bekerja.
- Selebihnya, tanggungjawab terhadap keluarga, menunggu keputusan/tawaran melanjutkan pengajian, kurang keyakinan diri untuk memasuki dunia pekerjaan, sebab kesihatan (termasuk baru bersalin) dan berehat/melancong/bercuti, iaitu masing-masing sebanyak 3.3 peratus.

Muka surat ini dibiarkan kosong.

BAHAGIAN III

- BAB 8** TREND KELUARAN KESELURUHAN GRADUAN DAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN (WARGANEGARA) 2019-2023
- BAB 9** TREND MAKLUMAT PEKERJAAN GRADUAN WARGANEGARA, 2019-2023
- BAB 10** TREND KELUARAN DAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN TVET, 2019-2023
- BAB 11** TREND MAKLUMAT PEKERJAAN GRADUAN TVET, 2019-2023

Muka surat ini dibiarkan kosong.

BAB 8



TREND KELUARAN KESELURUHAN GRADUAN DAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN (WARGANEGARA) 2019-2023

- 8.1 Trend Penyertaan IPT dan Graduan, 2019-2023
- 8.2 Trend Kebolehpasaran Graduan (Warganegara), 2019-2023
- 8.3 Trend Sebab Belum Bekerja Graduan (Warganegara), 2019-2023



Muka surat ini dibiarkan kosong.

TREND KELUARAN KESELURUHAN GRADUAN DAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN (WARGANEGARA) 2019–2023


Trend keluaran graduan mengikut jenis IPT, peringkat pengajian dan taraf kewarganegaraan bagi tempoh lima (5) tahun dipaparkan dalam bab ini. Status pekerjaan graduan warganegara yang merangkumi graduan bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran, menunggu penempatan pekerjaan dan belum bekerja mengikut jenis IPT dan peringkat pengajian turut dibincangkan dalam bab ini. Dipaparkan juga trend kadar kebolehpasaran graduan (graduate employability; GE) yang terdiri daripada graduan bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan.

8.1 Trend Penyertaan IPT dan Graduan, 2019–2023

- Trend keseluruhan keluaran graduan dalam tempoh lima (5) tahun (2019–2023) menunjukkan peningkatan kecuali pada tahun 2020.
- Keluaran graduan pada tahun 2023 adalah seramai 345,842 graduan, meningkat sebanyak 0.6 peratus berbanding 343,767 graduan pada tahun 2022.
- Bilangan keseluruhan IPT yang menyertai kajian pada tahun 2023 adalah 885 dengan pertambahan sembilan (9) IPT berbanding 876 IPT pada tahun sebelumnya.
- Terdapat enam (6) IPTs yang baru menyertai kajian SKPG tahun 2023, iaitu Institut Pengajian Tinggi Islam Perlis, Kolej IJN, Kolej UNITAR, Kolej Kejururawatan Tung Shin, Kolej TMC dan Kolej Meridian Saito. Bagi ILKA, terdapat lima (5) ILKA yang menyertai SKPG 2023 tetapi tidak menyertai SKPG 2022 kerana tidak mempunyai graduan berkonvokesyen. ILKA tersebut ialah Kolej Komuniti Lipis, Giatmara Pengkalan Chepa, Giatmara Segambut, IKBN Tanah Merah dan IKBN Kemasik.
- Graduan bukan warganegara (termasuk Penduduk Tetap) mewakili 6.2 peratus (21,434 graduan) daripada jumlah keseluruhan pada tahun 2023. Bilangan tersebut menunjukkan peningkatan sebanyak 11.3 peratus berbanding tahun 2022.
- Kadar respons keseluruhan (warganegara dan bukan warganegara) bagi tahun 2023 merekodkan peningkatan sebanyak 2.7 peratus, iaitu kepada 92.5 peratus atau seramai 319,872 graduan berbanding tahun 2022 (89.8%; 308,540 graduan). Bagi graduan warganegara, kadar respons merekodkan peningkatan sebanyak 2.6 peratus, iaitu kepada 93.9 peratus (304,466 responden daripada 324,408 graduan) berbanding 91.2 peratus (295,962 responden daripada 324,504 graduan) pada tahun 2022. [Carta 8.1a]

Carta 8.1a

Trend Keluaran Graduan, Bilangan IPT dan Kadar Respons, 2019–2023



- Keluaran pada tahun 2023 mengikut jenis IPT menunjukkan bilangan graduan ILKBS, ILKA KESUMA, ILKA MOTAC, ILKA KKDW, politeknik, ILKAP KPKM dan IPTS merekodkan peningkatan antara 2.2 hingga 54.4 peratus berbanding jumlah keluaran masing-masing pada tahun sebelumnya.
- ILKBS merekodkan peningkatan tertinggi iaitu sebanyak 54.4 peratus, diikuti ILKA KESUMA (37.6%), ILKA MOTAC (30.5%) dan ILKA KKDW (22.3%). **[Jadual 8a]**

Jadual 8a

Trend Keseluruhan Graduan Mengikut Jenis IPT, 2019-2023

Jenis IPT	Tahun konvokesyen										Peratus perubahan tahunan 2023
	2019		2020		2021		2022		2023		
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	
UA	129,700	37.4	127,334	40.0	138,797	41.6	149,813	43.6	145,821	42.2	-2.7
IPTS	128,392	37.0	110,797	34.8	117,280	35.2	122,531	35.6	125,261	36.2	2.2
Politeknik	29,127	8.4	28,532	9.0	26,507	7.9	26,728	7.8	30,833	8.9	15.4
Kolej komuniti	11,150	3.2	6,939	2.2	8,990	2.7	7,986	2.3	6,367	1.8	-20.3
ILKA KKDW	19,051	5.5	20,134	6.3	14,192	4.3	12,045	3.5	14,733	4.3	22.3
ILKA KESUMA	7,214	2.1	5,995	1.9	5,497	1.6	5,243	1.5	7,216	2.1	37.6
Kolej vokasional	14,063	4.1	11,878	3.7	10,628	3.2	9,505	2.8	6,614	1.9	-30.4
ILKBS	3,445	1.0	3,286	1.0	2,507	0.8	2,527	0.7	3,902	1.1	54.4
ILKA KKR	820	0.2	929	0.3	3,854	1.2	3,030	0.9	1,645	0.5	-45.7
ILKAP KPKM	1,085	0.3	898	0.3	1,228	0.4	906	0.3	982	0.3	8.4
ILKA MOTAC	79	0.02	64	0.02	92	0.03	82	0.02	107	0.03	30.5
IPT lain	2,560	0.7	1,807	0.6	3,974	1.2	3,371	1.0	2,361	0.7	-30.0
Jumlah	346,686	100.0	318,593	100.0	333,546	100.0	343,767	100.0	345,842	100.0	0.6

8.1.1 Trend Keluaran Keseluruhan Graduan Mengikut Peringkat Pengajian, 2019-2023

- Graduan peringkat ijazah pertama merupakan peratusan tertinggi graduan 2023, iaitu 43.7 peratus (151,170 graduan), diikuti graduan diploma 36.2 peratus (125,128 graduan), sijil 8.9 peratus (30,639 graduan), sarjana 8.4 peratus (29,056 graduan), PhD 1.5 peratus (5,158 graduan) dan lain-lain peringkat pengajian sebanyak 1.4 peratus (4,691 graduan). **[Carta 8.1b dan Jadual 8b]**
- Peratus graduan peringkat PhD, sarjana, sijil dan peringkat lain merekodkan peningkatan antara 2.8 hingga 52.2 peratus pada tahun 2023 berbanding tahun 2022. Graduan diploma merekodkan penurunan bagi tempoh tiga (3) tahun berturut-turut bermula dari tahun 2021. Pada tahun 2023 peratus graduan peringkat diploma adalah 36.2 peratus berbanding 37.4 peratus pada tahun 2022. Graduan ijazah pertama turut merekodkan penurunan kepada 43.7 peratus berbanding 45.1 peratus pada tahun 2022. **[Jadual 8b]**

Carta 8.1b

Trend Keluaran Keseluruhan Graduan Mengikut Peringkat Pengajian, 2019-2023

	2019	2020	2021	2022	2023
	346,686 (BW= 16,129; 4.7%)	318,593 (BW= 13,292; 4.2%)	333,546 (BW= 15,512; 4.7%)	343,767 (BW= 19,263; 5.6%)	345,842 (BW=21,434; 6.2%)
PhD	1.5	1.4	1.4	1.5	1.5
Sarjana	6.8	6.3	6.9	7.6	8.4
Ijazah pertama	40.2	41.1	42.3	45.1	43.7
Diploma	40.0	40.1	38.7	37.4	36.2
Sijil	10.8	10.4	9.9	7.5	8.9
* Peringkat lain	0.7	0.6	0.9	0.9	1.4

■ Merujuk kepada peratus (%)

BW= Bukan warganegara (termasuk penduduk tetap)

* Termasuk diploma pascasiswazah, diploma lanjutan, diploma siswazah, sijil pascasiswazah, sijil lanjutan, sijil siswazah dan profesional

- Bilangan graduan peringkat sijil lanjutan menunjukkan peningkatan paling ketara, sebanyak 114.8 peratus, iaitu 767 graduan pada tahun 2023 berbanding 357 graduan pada tahun 2022. Ini diikuti peringkat diploma pascasiswazah sebanyak 92.4 peratus kepada 3,299 graduan pada tahun 2023 berbanding 1,715 graduan pada tahun 2022. Turut menunjukkan peningkatan adalah graduan sijil siswazah (46.3%), sijil (18.2%), sarjana (11.0%) dan PhD (2.8%). Manakala penurunan bilangan graduan direkodkan pada peringkat sijil pascasiswazah (68.9%), profesional (62.8%), diploma lanjutan (14.3%), diploma (2.7%) dan ijazah pertama (2.5%). [Jadual 8b]

Jadual 8b

Trend Keluaran Keseluruhan Graduan Mengikut Peringkat Pengajian, 2019-2023

Peringkat pengajian	Tahun konvokesyen					Peratus perubahan tahunan 2023
	2019	2020	2021	2022	2023	
	Bil.					%
PhD	5,079	4,354	4,560	5,016	5,158	2.8
Sarjana	23,519	20,158	23,107	26,169	29,056	11.0
Ijazah pertama	139,520	131,045	140,994	154,988	151,170	-2.5
Diploma	138,768	127,747	128,960	128,596	125,128	-2.7
Sijil	37,418	33,251	32,960	25,916	30,639	18.2
Diploma pascasiswazah	1,288	1,374	2,016	1,715	3,299	92.4
Diploma lanjutan	424	201	235	315	270	-14.3
Profesional	644	401	652	401	149	-62.8
Sijil pascasiswazah	26	62	62	161	50	-68.9
Sijil lanjutan	-	-	-	357	767	114.8
Sijil siswazah	-	-	-	41	60	46.3
Diploma siswazah	-	-	-	92	96	4.3
Jumlah	346,686	318,593	333,546	343,767	345,842	0.6

8.1.2 Trend Keluaran Graduan Universiti Awam (UA) Mengikut Peringkat Pengajian, 2019–2023

- Bilangan keseluruhan graduan UA adalah seramai 145,821 graduan pada tahun 2023 berbanding 149,813 graduan pada tahun 2022, iaitu menurun sebanyak 2.7 peratus.
- Bilangan graduan bukan warganegara di UA pada tahun 2023 ialah seramai 8,034 graduan atau mewakili 5.5 peratus daripada jumlah keseluruhan graduan UA. Jumlah tersebut merekodkan peningkatan sebanyak 26.1 peratus berbanding tahun 2022 (6,369 graduan).
- Graduan peringkat ijazah pertama merupakan peratusan terbesar, iaitu 62.2 peratus keluaran UA pada tahun 2023. Ini diikuti graduan diploma (20.2%), sarjana (12.6%), PhD (2.9%) dan lain-lain peringkat sebanyak 2.1 peratus. [Carta 8.1c]

Carta 8.1c

Trend Keluaran Graduan UA Mengikut Peringkat Pengajian, 2019–2023

	2019	2020	2021	2022	2023
	129,700 (BW= 5,188; 4.0%)	127,334 (BW= 4,790; 3.8%)	138,797 (BW= 5,621; 4.0%)	149,813 (BW= 6,369; 4.3%)	145,821 (BW= 8,034; 5.5%)
PhD	3.3	3.0	2.9	2.8	2.9
Sarjana	12.9	11.4	11.8	10.7	12.6
Ijazah pertama	60.9	60.2	59.3	62.0	62.2
Diploma	21.9	24.4	25.0	23.7	20.2
* Peringkat lain	1.1	1.0	1.1	0.9	2.1

■ Merujuk kepada peratus (%)

BW= Bukan warganegara (termasuk penduduk tetap)

* Termasuk diploma lanjutan, sijil lanjutan, diploma pascasiswazah dan profesional

- Pada tahun 2023, bilangan graduan peringkat diploma dan ijazah pertama merekodkan penurunan masing-masing sebanyak 16.8 peratus dan 2.4 peratus. Manakala graduan sarjana menunjukkan peningkatan sebanyak 14.9 peratus dan peringkat PhD 2.1 peratus berbanding tahun 2022.
- Bilangan graduan peringkat sarjana dan diploma pascasiswazah merekodkan keluaran tertinggi, iaitu masing-masing sebanyak 18,434 graduan dan 2,575 graduan pada tahun 2023. [Jadual 8c]

Jadual 8c

Trend Keluaran Graduan UA Mengikut Peringkat Pengajian, 2019–2023

Peringkat pengajian	Tahun konvokesyen					Peratus perubahan tahunan 2023
	2019	2020	2021	2022	2023	
	Bil.					%
PhD	4,254	3,821	4,012	4,134	4,220	2.1
Sarjana	16,695	14,499	16,373	16,038	18,434	14.9
Ijazah pertama	78,930	76,609	82,300	92,872	90,677	-2.4
Diploma	28,388	31,081	34,642	35,495	29,516	-16.8
Diploma pascasiswazah	1,048	1,126	1,213	1,031	2,575	149.8
Diploma lanjutan	116	5	94	89	58	-34.8
Profesional	269	193	163	101	149	47.5
Sijil Lanjutan	-	-	-	53	158	198.1
Diploma siswazah	-	-	-	-	34	-
Jumlah	129,700	127,334	138,797	149,813	145,821	-2.7

8.1.3 Trend Keluaran Graduan IPTS Mengikut Peringkat Pengajian, 2019–2023

- Peratusan graduan IPTS peringkat ijazah pertama merekodkan penurunan kepada 48.1 peratus pada tahun 2023 berbanding 50.5 peratus pada tahun 2022.
- Peringkat diploma pula menunjukkan peningkatan sebanyak 1.8 peratus kepada 39.8 peratus pada tahun 2023 berbanding tahun sebelumnya.
- Graduan bukan warganegara mewakili 10.7 peratus daripada jumlah keseluruhan graduan IPTS tahun 2023, iaitu seramai 13,400 graduan. Bilangan tersebut meningkat sebanyak 3.9 peratus berbanding tahun 2022.

Carta 8.1d

Trend Keluaran Graduan IPTS Mengikut Peringkat Pengajian, 2019–2023

	2019	2020	2021	2022	2023
	128,392 (BW= 10,936; 8.5%)	110,797 (BW= 8,502; 7.7%)	117,280 (BW= 9,891; 8.4%)	122,531 (BW= 12,894; 10.5%)	125,261 (BW= 13,400; 10.7%)
PhD	0.6	0.5	0.5	0.7	0.7
Sarjana	5.3	5.1	5.7	8.3	8.5
Ijazah pertama	47.0	48.9	49.9	50.5	48.1
Diploma	45.2	43.5	41.6	38.0	39.8
Sijil	1.2	1.4	1.1	1.3	2.1
* Peringkat lain	0.7	0.6	1.2	1.2	0.8

■ Merujuk kepada peratus (%)

BW= Bukan warganegara (termasuk penduduk tetap)

* Termasuk diploma lanjutan, sijil lanjutan, diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma siswazah, sijil siswazah dan profesional

- Keluaran IPTS pada tahun 2023 ialah seramai 125,261 graduan, iaitu meningkat sebanyak 2.2 peratus berbanding tahun 2022 (122,531 graduan).
- Peningkatan ketara bilangan graduan IPTS turut direkodkan pada tahun 2023 bagi peringkat sijil (61.6%) dan sijil siswazah (46.3%). Ini diikuti peringkat diploma sebanyak 7.0 peratus, PhD (6.3%), diploma pascasiswazah (5.8%) dan graduan sarjana sebanyak 4.9 peratus.
- Walaupun peringkat ijazah pertama merupakan keluaran terbesar di IPTS dalam tempoh lima (5) tahun, namun bilangan graduan merekodkan penurunan sebanyak 2.7 peratus pada tahun 2023 kepada 60,196 graduan berbanding tahun sebelumnya.
- Tiada keluaran graduan direkodkan di peringkat profesional dan sijil lanjutan pada tahun 2023. [Jadual 8d]

Jadual 8d

Trend Keluaran Graduan IPTS Mengikut Peringkat Pengajian, 2019–2023


Peringkat pengajian	Tahun konvokesyen					Peratus perubahan tahunan 2023
	2019	2020	2021	2022	2023	
	Bil.					%
PhD	824	533	548	880	935	6.3
Sarjana	6,819	5,659	6,734	10,126	10,619	4.9
Ijazah pertama	60,309	54,177	58,476	61,849	60,196	-2.7
Diploma	58,092	48,168	48,845	46,592	49,866	7.0
Sijil	1,491	1,592	1,273	1,589	2,568	61.6
Diploma pascasiswazah	240	248	803	684	724	5.8
Diploma lanjutan	216	150	95	188	181	-3.7
Profesional	375	208	444	300	-	-100.0
Sijil pascasiswazah	26	62	62	161	50	-68.9
Sijil Lanjutan	-	-	-	29	-	-100.0
Sijil siswazah	-	-	-	41	60	46.3
Diploma siswazah	-	-	-	92	62	-32.6
Jumlah	128,392	110,797	117,280	122,531	125,261	2.2

8.1.4 Trend Keluaran Graduan Politeknik Mengikut Peringkat Pengajian, 2019–2023

- Bagi tempoh lima (5) tahun (2019–2023) majoriti graduan politeknik adalah peringkat diploma. Pada tahun 2023, graduan peringkat diploma ialah 99.3 peratus, meningkat 0.2 peratus berbanding tahun sebelumnya. Peratusan graduan ijazah pertama pula menurun 0.1 peratus kepada 0.5 peratus pada tahun 2023. [Carta 8.1e]

Carta 8.1e

Trend Keluaran Graduan Politeknik Mengikut Peringkat Pengajian, 2019–2023



Merujuk kepada peratus (%)

- Pada tahun 2023, bilangan keluaran peringkat diploma dan ijazah pertama merekodkan peningkatan berbanding tahun 2022, iaitu masing-masing 15.7 peratus dan 3.9 peratus. Bagi peringkat sijil pula, mencatatkan penurunan sebanyak 53.8 peratus. [Jadual 8e]

Jadual 8e

Trend Keluaran Graduan Politeknik Mengikut Peringkat Pengajian, 2019-2023


Peringkat pengajian	Tahun konvokesyen					Peratus perubahan tahunan 2023
	2019	2020	2021	2022	2023	
	Bil.					%
Ijazah pertama	178	166	169	154	160	3.9
Diploma	28,830	28,258	26,248	26,481	30,630	15.7
Sijil	119	108	90	93	43	-53.8
Jumlah	29,127	28,532	26,507	26,728	30,833	15.4

8.1.5 Trend Keluaran Graduan Kolej Komuniti Mengikut Peringkat Pengajian, 2019-2023

- Sebahagian besar graduan kolej komuniti adalah peringkat sijil, iaitu lebih daripada 96.5 peratus bagi tempoh lima (5) tahun dengan peratus tertinggi dicatatkan pada tahun 2021 (99.6%). [Carta 8.1f]

Carta 8.1f

Trend Keluaran Graduan Kolej Komuniti Mengikut Peringkat Pengajian, 2019-2023



- Secara keseluruhan, bilangan graduan kolej komuniti dalam tempoh lima (5) tahun (2019-2023) menunjukkan turun naik yang agak ketara dengan keluaran pada tahun 2023 seramai 6,367 graduan, iaitu menurun sebanyak 20.3 peratus berbanding 2022. [Jadual 8f]

Jadual 8f

Trend Keluaran Graduan Kolej Komuniti Mengikut Peringkat Pengajian, 2019-2023


Peringkat pengajian	Tahun konvokesyen					Peratus perubahan tahunan 2023
	2019	2020	2021	2022	2023	
	Bil.					%
Diploma	286	219	36	248	189	-23.8
Sijil	10,864	6,720	8,954	7,738	6,178	-20.2
Jumlah	11,150	6,939	8,990	7,986	6,367	-20.3

8.1.6 Trend Keluaran Graduan ILKA Mengikut Peringkat Pengajian, 2019–2023

- Bahagian ini memperihalkan graduan ILKA yang meliputi tujuh (7) kementerian iaitu Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan Kementerian Kerja Raya (KKR).
- Secara keseluruhan, seramai 35,199 graduan dikeluarkan pada 2023 meningkat 5.6 peratus dari tahun sebelumnya. Majoriti keluaran ILKA adalah peringkat sijil, iaitu sebanyak 61.5 peratus, diikuti diploma (36.7%), sijil lanjutan (1.7%) dan diploma lanjutan sebanyak 0.1 peratus. [Carta 8.1g]

Carta 8.1g

Trend Keluaran Graduan ILKA Mengikut Peringkat Pengajian, 2019–2023



- Pada tahun 2023, bilangan graduan ILKA peringkat sijil lanjutan merekodkan peningkatan sebanyak 121.5 peratus berbanding tahun 2022. Begitu juga graduan peringkat sijil merekodkan peningkatan sebanyak 34.5 peratus. Graduan peringkat diploma dan diploma lanjutan pula menunjukkan peratus penurunan berbanding tahun sebelumnya. [Jadual 8g]

Jadual 8g

Trend Keluaran Graduan ILKA Mengikut Peringkat Pengajian, 2019–2023

Peringkat pengajian	Tahun konvokesyen					Peratus perubahan tahunan 2023
	2019	2020	2021	2022	2023	
	Bil.					%
Diploma lanjutan	92	46	46	38	31	-18.4
Diploma	20,920	18,465	15,501	16,919	12,902	-23.7
Sijil	24,745	24,673	22,451	16,106	21,657	34.5
Sijil Lanjutan	-	-	-	275	609	121.5
Jumlah	45,757	43,184	37,998	33,338	35,199	5.6


8.2 Trend Kebolehpasaran Graduan (Warganegara), 2019–2023

Analisis kebolehpasaran graduan pada bahagian ini memberi fokus kepada graduan warganegara sahaja bagi peringkat sijil sehingga PhD. Berdasarkan *The National Graduate Employability Blueprint* (2012–2017), kebolehpasaran graduan bermaksud keupayaan untuk dipasarkan di dalam industri, iaitu mempunyai kecekapan bagi mendapat pekerjaan dan mengekalkan pekerjaan yang bersesuaian. Perincian komponen kebolehpasaran graduan ialah terdiri daripada graduan bekerja; melanjutkan pengajian; meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan.

8.2.1 Trend Kebolehpasaran Graduan (Warganegara), 2019–2023

- Kadar kebolehpasaran graduan (warganegara) pada tahun 2023 adalah 89.8 peratus, merekodkan penurunan sebanyak 0.4 peratus berbanding tahun 2022 (90.2%).

Carta 8.2a Trend Kadar Kebolehpasaran Graduan Warganegara dan Status Pekerjaan, 2019–2023



n= Jumlah responden

Nota: GE - Merangkumi graduan bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan

↑↓ Perubahan kadar GE berbanding tahun sebelumnya

- Taburan mengikut status pekerjaan bagi tempoh lima (5) tahun diperincikan pada **Jadual 8h**.
- Secara keseluruhan, peratusan graduan bekerja pada tahun 2023 ialah 67.9 peratus, merekodkan penurunan sebanyak 1.2 peratus berbanding tahun 2022. Manakala, graduan yang meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan menunjukkan peningkatan masing-masing sebanyak 0.3 peratus dan 0.4 peratus.
- Kadar belum bekerja pula mencatatkan peningkatan sebanyak 0.4 peratus kepada 10.2 peratus berbanding tahun 2022.

Jadual 8h

Trend Status Pekerjaan Graduan (Warganegara), 2019-2023

Peringkat pengajian	Tahun konvokesyen									
	2019		2020		2021		2022		2023	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Bekerja	189,543	63.5	156,525	60.0	176,256	61.6	204,452	69.1	206,800	67.9
Melanjutkan pengajian	49,875	16.7	46,278	17.8	53,770	18.8	49,095	16.6	50,510	16.6
Meningkatkan kemahiran	4,029	1.3	5,282	2.0	5,253	1.8	4,612	1.6	5,871	1.9
Menunggu penempatan pekerjaan	13,943	4.7	12,066	4.6	9,553	3.3	8,704	2.9	10,179	3.3
Belum bekerja	41,161	13.8	40,550	15.6	41,467	14.5	29,099	9.8	31,106	10.2
Jumlah	298,551	100.0	260,701	100.0	286,299	100.0	295,962	100.0	304,466	100.0

8.2.1.1 Trend Kebolehpasaran Graduan (Warganegara) Mengikut Jantina, 2019-2023

- Secara keseluruhan, dalam tempoh lima (5) tahun kajian (2019-2023) kadar kebolehpasaran dan kadar bekerja graduan lelaki adalah lebih tinggi berbanding graduan perempuan.
- Pada tahun 2023, kadar kebolehpasaran graduan lelaki ialah 91.2 peratus (121,454 graduan), iaitu 2.5 peratus melebihi graduan perempuan (88.7%: 151,906 graduan).

Carta 8.2b

Trend Kadar Kebolehpasaran Graduan (Warganegara) Mengikut Jantina, 2019-2023




8.2.1.2 Trend Kebolehpasaran Graduan (Warganegara) Mengikut Peringkat Pengajian

- Kadar kebolehpasaran graduan peringkat PhD pada tahun 2023 merekodkan penurunan sebanyak 0.5 peratus, iaitu 94.2 peratus berbanding 94.7 peratus pada tahun 2022. Bagi graduan sarjana pula, kadar kebolehpasaran graduan kekal sebanyak 95.4 peratus pada tahun 2023.
- Bagi tahun 2023, peratusan bekerja graduan PhD adalah 87.7% (2,321 graduan) dan sarjana ialah 88.7% (16,797 graduan), iaitu menurun berbanding tahun 2022.
- Kadar belum bekerja bagi graduan PhD dan sarjana merekodkan trend penurunan dari tahun 2019–2022. Walau bagaimanapun kadar belum bekerja graduan PhD menunjukkan peningkatan pada tahun 2023 berbanding tahun 2022 manakala peratus graduan sarjana yang belum bekerja tidak berubah. **[Carta 8.2c]**

Carta 8.2c


Trend Kadar Kebolehpasaran Graduan (Warganegara) bagi Peringkat PhD dan Sarjana, 2019–2023



- Pada tahun 2023, kadar kebolehpasaran graduan ijazah pertama ialah 89.8 peratus (121,745 graduan), diploma 87.6 peratus (100,952 graduan) dan sijil 94.1 peratus (26,178 graduan).
- Peratusan bekerja bagi graduan sijil merekodkan peningkatan sebanyak 0.5 peratus berbanding tahun 2022. Bagi graduan ijazah pertama dan diploma, peratusan bekerja menunjukkan penurunan berbanding tahun 2022, iaitu masing-masing sebanyak 1.7 peratus dan 1.2 peratus.
- Pada tahun 2023 juga, kadar belum bekerja bagi graduan sijil merekodkan penurunan, iaitu sebanyak 2.1 peratus. Bagi graduan ijazah pertama, kadar belum bekerja tidak berubah. [Carta 8.2d]

Carta 8.2d

Trend Kadar Kebolehpasaran Graduan (Warganegara) bagi Peringkat Ijazah Pertama, Diploma dan Sijil, 2019-2023



8.2.1.3 Trend Kebolehpasaran Graduan (Warganegara) Mengikut Bidang Pengajian

- Kadar tertinggi kebolehpasaran graduan pada tahun 2023 adalah dalam program dan kelayakan generik, iaitu 94.1 peratus, diikuti bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (93.5%) dan bidang teknologi maklumat & komunikasi (91.7%).
- Bidang pengajian kejuruteraan, pembuatan & pembinaan mencatatkan peningkatan kadar kebolehpasaran graduan tertinggi berbanding 2022, iaitu sebanyak 0.8 peratus.

Jadual 8i

Trend Kadar Kebolehpasaran Graduan (Warganegara)
Mengikut Bidang Pengajian, 2019-2023

















Bidang pengajian	Tahun (%)				
	2019	2020	2021	2022	2023
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	90.1	86.5	88.6	92.7	93.5
Teknologi maklumat dan komunikasi	89.1	86.7	87.8	91.9	91.7
Sains semulajadi, matematik dan statistik	83.8	82.8	86.1	90.2	90.9
Pendidikan	79.2	83.0	83.7	89.9	86.3
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	85.0	84.5	84.9	89.3	89.0
Kesihatan dan kebajikan	86.1	84.4	85.2	88.7	88.1
Perkhidmatan	84.9	82.5	81.8	88.7	87.0
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	81.0	79.1	81.2	88.7	87.4
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	84.5	81.2	80.9	87.9	87.8
Sastera dan kemanusiaan	83.4	81.2	83.1	87.3	87.0
Program dan kelayakan generik	-	-	-	-	94.1

8.2.1.4 Trend Kebolehpasaran Graduan (Warganegara) Mengikut Negeri Bermastautin

- Pada tahun 2023, terdapat enam (6) negeri yang merekodkan kadar kebolehpasaran graduan lebih daripada 90.0 peratus. Graduan yang bermastautin di Wilayah Persekutuan Putrajaya mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan tertinggi, iaitu 94.3 peratus, diikuti Pulau Pinang (91.9%) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (91.3%).

Jadual 8j

Trend Kadar Kebolehpasaran Graduan (Warganegara) Mengikut Negeri Bermastautin, 2019-2023

Negeri bermastautin	Tahun (%)				
	2019	2020	2021	2022	2023
 WP Putrajaya	90.8	90.3	91.5	95.4	94.3
 Pulau Pinang	88.6	87.6	88.8	92.4	91.9
 WP Kuala Lumpur	87.4	86.8	88.4	91.7	91.3
 Selangor	88.2	87.0	88.5	91.6	91.0
 Johor	87.8	87.0	86.9	91.3	90.6
 WP Labuan	88.1	82.9	85.7	89.2	90.5
 Melaka	86.3	86.2	86.0	91.4	89.9
 Negeri Sembilan	86.1	85.2	85.6	90.5	89.9
 Perlis	86.7	83.0	85.7	90.4	89.8
 Kedah	86.6	84.5	84.7	90.4	89.7
 Perak	84.5	81.8	82.9	88.8	88.8
 Pahang	85.7	84.5	83.7	88.5	88.6
 Sarawak	83.2	80.1	82.7	87.6	88.0
 Terengganu	84.0	82.6	83.6	88.1	87.7
 Kelantan	82.1	80.9	80.2	87.0	87.0
 Sabah	82.0	76.2	78.2	85.8	86.2

Nota: Susunan mengikut GE tertinggi tahun 2023

8.2.1.5 Trend Kebolehpasaran Graduan (Warganegara) Mengikut Kategori Pendapatan Bulanan Keluarga

- Kadar kebolehpasaran graduan pada tahun 2023 bagi semua kumpulan pendapatan bulanan keluarga merekodkan penurunan antara 0.3 hingga 1.5 peratus berbanding tahun 2022.

Carta 8.2e


Trend Kadar Kebolehpasaran Graduan (Warganegara) Mengikut Kategori Pendapatan Bulanan Keluarga, 2019-2023

Kategori pendapatan bulanan keluarga (%)	2019	2020	2021	2022	2023
RM4,000 dan ke bawah	85.5	83.6	84.0	89.4	89.1
RM4,001 – RM8,500	87.8	86.2	87.9	91.0	90.6
RM8,501 dan ke atas	89.0	87.5	89.5	92.2	90.7

8.2.2 Trend Kebolehpasaran Graduan UA (Warganegara), 2019–2023

- Pada tahun 2023, kadar kebolehpasaran graduan UA ialah 93.0 peratus berbanding 92.8 peratus pada 2022 dan merupakan peratus tertinggi bagi tempoh lima (5) tahun.
- Peratusan bekerja graduan UA pada 2022 dan 2023 adalah sama, iaitu 69.4 peratus.
- Graduan UA melanjutkan pengajian pada 2023 ialah 16.4 peratus, iaitu penurunan 1.0 peratus berbanding tahun 2022. Peratus graduan yang meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan masing-masing meningkat sebanyak 0.7 peratus (3.1%) dan 0.6 peratus (4.2%) berbanding tahun 2022.
- Peratusan graduan belum bekerja ialah 7.0 peratus, merekodkan penurunan 0.2 peratus berbanding tahun 2022.

Carta 8.2f Trend Kadar Kebolehpasaran Graduan UA (Warganegara) dan Status Pekerjaan, 2019–2023



n= Jumlah responden


Nota: GE - Melibatkan graduan bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan

↑↓ Perubahan kadar GE berbanding tahun sebelumnya

- Sejak tahun 2020, graduan peringkat PhD dan sarjana di UA merekodkan kadar kebolehpasaran graduan melebihi 90.0 peratus. Pada tahun 2023, kadar kebolehpasaran graduan bagi peringkat PhD dan sarjana ialah masing-masing 94.9 peratus dan 96.2 peratus.
- Peratusan bekerja graduan bagi kedua-dua peringkat pengajian ini merekodkan penurunan pada tahun 2023 berbanding tahun 2022.
- Kadar belum bekerja bagi graduan PhD dan sarjana menunjukkan trend penurunan dalam tempoh lima (5) tahun kecuali bagi graduan PhD meningkat pada tahun 2023.

Carta 8.2g


Trend Kadar Kebolehpasaran Graduan UA (Warganegara) bagi Peringkat PhD dan Sarjana, 2019-2023



- Kadar kebolehpasaran graduan peringkat ijazah pertama dan diploma di UA pada tahun 2023 masing-masing adalah 92.6 peratus dan 92.5 peratus, iaitu merupakan rekod tertinggi bagi tempoh lima (5) tahun.
- Peratusan bekerja bagi graduan ijazah pertama pada tahun 2023 (78.2%) menunjukkan penurunan berbanding tahun 2022.
- Kadar belum bekerja bagi graduan ijazah pertama menunjukkan trend penurunan bermula tahun 2020 manakala bagi diploma turut menurun bermula tahun 2021.

Carta 8.2h


Trend Kadar Kebolehpasaran Graduan UA (Warganegara) bagi Peringkat Ijazah Pertama dan Diploma, 2019-2023



8.2.3 Trend Kebolehpasaran Graduan IPTS (Warganegara), 2019–2023

- Kadar kebolehpasaran graduan IPTS pada tahun 2023 ialah 83.0 peratus, merekodkan penurunan sebanyak 2.5 peratus berbanding tahun 2022.
- Peratusan bekerja graduan IPTS merekodkan penurunan sebanyak 4.1 peratus kepada 62.7 peratus berbanding tahun sebelumnya.
- Peratusan melanjutkan pengajian bagi tempoh lima (5) tahun ialah antara 14.7 hingga 17.3 peratus dengan rekod terendah pada tahun 2022.
- Peratusan meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan masing-masing meningkat 0.3 peratus dan 0.4 peratus.
- Bagi kategori belum bekerja graduan IPTS pula merekodkan peningkatan iaitu 17.0 peratus pada tahun 2023 berbanding 14.5 peratus pada tahun 2022.

Carta 8.2i Trend Kadar Kebolehpasaran Graduan IPTS (Warganegara) dan Status Pekerjaan, 2019–2023




n= Jumlah responden

Nota: GE - Melibatkan graduan bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan

↑↓ Perubahan kadar GE berbanding tahun sebelumnya


- Pada tahun 2023, kadar kebolehpasaran graduan PhD (89.2%) dan sarjana (92.9%) di IPTS, masing-masing merekodkan penurunan sebanyak 2.3 peratus dan 2.2 peratus berbanding tahun 2022.
- Peratusan bekerja bagi graduan PhD (86.9%) dan sarjana (89.1%) juga merekodkan penurunan sebanyak 1.6 peratus dan 2.4 peratus berbanding tahun 2022.
- Peratusan belum bekerja bagi graduan PhD ialah sebanyak 10.8 peratus, sarjana (7.1%), ijazah pertama (14.9%) dan diploma sebanyak 20.6 peratus. [Carta 8.2j]

Carta 8.2j Trend Kadar Kebolehpasaran Graduan IPTS (Warganegara) bagi Peringkat PhD dan Sarjana, 2019-2023



- Kadar kebolehpasaran graduan ijazah pertama IPTS menunjukkan penurunan sebanyak 0.2 peratus kepada 85.1 peratus dan graduan diploma sebanyak 4.7 peratus kepada 79.4 peratus pada tahun 2023 berbanding tahun sebelum.
- Peratusan bekerja graduan ijazah pertama turut menurun, iaitu sebanyak 1.9 peratus kepada 73.0 peratus dan graduan diploma sebanyak 4.7 peratus kepada 48.8 peratus pada tahun 2023. [Carta 8.2k]

Carta 8.2k Trend Kadar Kebolehpasaran Graduan IPTS (Warganegara) bagi Peringkat Ijazah Pertama dan Diploma, 2019-2023




8.2.4 Trend Kebolehpasaran Graduan Politeknik, 2019–2023

- Kadar kebolehpasaran graduan politeknik pada tahun 2023 meningkat sebanyak 0.9 peratus kepada 97.1 peratus.
- Graduan politeknik merekodkan peningkatan bekerja sebanyak 1.4 peratus kepada 76.6 peratus pada tahun 2023. Walau bagaimanapun, peratusan tersebut masih rendah berbanding peratusan bekerja pada tahun 2019, iaitu 81.2 peratus.
- Peratus kategori melanjutkan pengajian menurun kepada 18.1 peratus pada tahun 2023 berbanding 19.1 peratus pada tahun 2022.
- Peratusan graduan yang meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan meningkat berbanding tahun 2022, iaitu masing-masing kepada 0.5 peratus dan 2.0 peratus.
- Kadar belum bekerja graduan politeknik pada tahun 2023 ialah 2.9 peratus, menurun sebanyak 0.9 peratus berbanding tahun 2022 dan merupakan peratus terendah dalam tempoh lima (5) tahun.

Carta 8.2I

Trend Kadar Kebolehpasaran Graduan Politeknik dan Status Pekerjaan, 2019–2023



n= Jumlah responden

Nota: GE - Melibatkan graduan bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan

↑↓ Perubahan kadar GE berbanding tahun sebelumnya

- Kadar belum bekerja pada tahun 2023 bagi graduan ijazah pertama politeknik ialah 0.7 peratus, diploma (2.9%) dan sijil (11.9%). Peratusan belum bekerja mencatat penurunan bagi graduan ijazah pertama dan diploma, manakala bagi graduan sijil peratusan belum bekerja menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2022.

Carta 8.2m

Trend Kadar Belum Bekerja Graduan Politeknik Mengikut Peringkat Pengajian, 2019-2023




8.2.5 Trend Kebolehpasaran Graduan Kolej Komuniti (Warganegara), 2019–2023

- Kadar kebolehpasaran graduan kolej komuniti pada tahun 2023 meningkat 1.2 peratus kepada 98.0 peratus berbanding tahun 2022.
- Peratusan melanjutkan pengajian meningkat sebanyak 6.2 peratus kepada 28.5 peratus berbanding tahun 2022 manakala graduan bekerja menurun kepada 69.1 peratus pada tahun 2023.
- Peratusan graduan meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan ialah masing-masing menurun kepada 0.1 peratus dan 0.3 peratus pada tahun 2023.
- Kadar belum bekerja graduan kolej komuniti merekodkan peratus terendah pada tahun 2023, iaitu 2.0 peratus.

Carta 8.2n

Trend Kadar Kebolehpasaran Graduan Kolej Komuniti dan Status Pekerjaan, 2019–2023



n= Jumlah responden

Nota: GE - Melibatkan graduan bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan

↑↓ Perubahan kadar GE berbanding tahun sebelumnya



8.3 Trend Sebab Belum Bekerja Graduan (Warganegara), 2019–2023

- Dalam kalangan graduan belum bekerja, sebanyak 65.1 peratus graduan tahun 2023 menyatakan sedang mencari pekerjaan dan merupakan peratusan terendah dalam tempoh lima (5) tahun.
- Peratusan kedua tertinggi ialah menunggu keputusan/tawaran melanjutkan pengajian, iaitu sebanyak 14.3 peratus yang merekodkan peningkatan sebanyak 6.1 peratus berbanding tahun 2022 (8.2%). Peratus ini merupakan peratus tertinggi dalam tempoh lima (5) tahun.
- Sebab berehat/melancong/bercuti pula menurun kepada 7.5 peratus pada tahun 2023, iaitu menyamai rekod pada tahun 2021.
- Peratusan graduan yang menyatakan tanggungjawab terhadap keluarga sebagai sebab belum bekerja pada tahun 2023 ialah 5.3 peratus, meningkat sebanyak 0.2 peratus berbanding tahun 2022 dan merupakan peratus tertinggi dalam tempoh lima (5) tahun.
- Sebab kesihatan merekodkan penurunan sebanyak 0.3 peratus pada tahun 2023.

Jadual 8k

Trend Sebab Belum Bekerja (10 Tertinggi) bagi Graduan (Warganegara), 2019–2023

Sebab belum bekerja (10 tertinggi)	Tahun (%)				
	2019 (n= 41,161)	2020 (n= 40,550)	2021 (n= 41,467)	2022 (n= 29,099)	2023 (n= 31,106)
Sedang mencari pekerjaan	67.1	72.8	73.2	68.0	65.1
Menunggu keputusan/tawaran melanjutkan pengajian	6.2	6.0	6.8	8.2	14.3
Berehat/melancong/bercuti	11.8	6.7	7.5	10.5	7.5
Tanggungjawab terhadap keluarga	4.9	4.5	4.3	5.1	5.3
Sebab kesihatan (termasuk baru bersalin)	1.5	1.5	1.5	2.0	1.7
Memilih untuk tidak bekerja	2.3	2.3	2.1	2.1	1.6
Pekerjaan yang ditawarkan tidak bersesuaian	2.7	2.4	0.3	0.4	1.5
Kurang keyakinan diri untuk memasuki dunia pekerjaan	1.0	1.5	1.7	1.6	1.4
Tidak dibenarkan untuk bekerja (keluarga)	0.2	0.4	1.1	0.8	0.7
Tidak berminat untuk bekerja	1.0	0.8	0.4	0.4	0.4

Nota: Susunan pada jadual ini mengikut peratusan tertinggi pada tahun 2023.

BAB 9



TREND MAKLUMAT PEKERJAAN GRADUAN WARGANEGARA 2019-2023

- 9.1 Trend Taraf Pekerjaan Graduan, 2019-2023
- 9.2 Trend Pendapatan Bulanan Graduan Mengikut Peringkat Pengajian, 2019-2023
- 9.3 Trend Sektor Pekerjaan Graduan, 2019-2023
- 9.4 Trend Sektor Ekonomi Utama Graduan, 2019-2023
- 9.5 Trend Kumpulan Pekerjaan Graduan, 2019-2023
- 9.6 Trend Graduan Menceburi Keusahawanan, 2019-2023



Muka surat ini dibiarkan kosong.

TREND MAKLUMAT PEKERJAAN GRADUAN WARGANEGARA, 2019–2023


Trend maklumat pekerjaan graduan warganegara bagi tempoh lima (5) tahun, iaitu tahun 2019 hingga 2023 dibincangkan dalam bab ini. Antara maklumat yang dibentangkan ialah taraf pekerjaan, pendapatan bulanan graduan mengikut peringkat pengajian, sektor pekerjaan, sektor ekonomi utama dan kumpulan pekerjaan. Di samping itu, maklumat pekerjaan graduan usahawan yang merangkumi graduan bekerja sendiri, *freelance* dan sebagai majikan, iaitu pendapatan bulanan dan sektor ekonomi turut dibincangkan.

9.1 Trend Taraf Pekerjaan Graduan, 2019–2023

- Bagi tempoh 2019 hingga 2023, lebih 70.0 peratus graduan adalah pekerja swasta (termasuk NGO) kecuali tahun 2020 sebanyak 68.5 peratus dengan peratusan tertinggi ialah 72.7 peratus pada tahun 2022.
- Peratus graduan sebagai pekerja kerajaan merekodkan penurunan pada tahun 2020 sebanyak 0.3 peratus kepada 10.4 peratus berbanding 10.7 peratus pada tahun 2019. Walau bagaimanapun, meningkat kepada 14.6 peratus pada tahun 2021 dan menurun kepada 14.0 peratus pada tahun 2022 seterusnya kepada 13.8 peratus pada tahun 2023.
- Kadar graduan usahawan mencatatkan penurunan dari 15.2 peratus pada tahun 2020 kepada 8.2 peratus pada tahun 2022. Walau bagaimanapun, terdapat peningkatan kepada 11.0 peratus pada tahun 2023.
- Graduan yang bekerja dengan keluarga menunjukkan kadar yang hampir sama bagi tempoh lima (5) tahun, iaitu antara 5.1 peratus dan 5.9 peratus. Peratusan tertinggi ialah pada tahun 2020 (5.9%) menurun kepada 5.4 peratus pada tahun 2021 dan 5.1 peratus pada tahun 2022, kemudian meningkat sebanyak 0.1 peratus kepada 5.2 peratus pada tahun 2023.

Carta 9.1a

Trend Taraf Pekerjaan Keseluruhan Graduan, 2019–2023



n= Jumlah responden yang bekerja


* Melibatkan graduan yang bekerja sendiri, *freelance* dan sebagai majikan

9.2 Trend Pendapatan Bulanan Graduan Mengikut Peringkat Pengajian, 2019–2023

Pendapatan bulanan graduan dibincangkan mengikut peringkat pengajian yang melibatkan lima (5) kumpulan peringkat pengajian, iaitu PhD, sarjana, ijazah pertama, diploma dan sijil.

9.2.1 Trend Pendapatan Bulanan Graduan PhD, 2019–2023

- Peratus graduan PhD yang berada dalam julat pendapatan RM2,000 & ke bawah merekodkan penurunan, iaitu sebanyak 11.0 peratus pada tahun 2019 kepada 7.6 peratus pada tahun 2021 seterusnya meningkat kepada 7.8 peratus (2023).
- Kategori pendapatan RM2,001 – RM3,000 menunjukkan perubahan dari tahun ke tahun, iaitu 7.5 peratus pada tahun 2019 kepada 6.6 peratus pada tahun 2023.
- Peratus graduan PhD bagi julat pendapatan RM3,001 – RM4,000 menunjukkan penurunan sebanyak 0.9 peratus kepada 5.7 peratus pada tahun 2020 (2019: 6.6%), meningkat kepada 7.2 peratus pada tahun 2023.
- Kategori RM4,001 – RM5,000 tidak menunjukkan perubahan ketara, iaitu 10.9 peratus pada tahun 2019 kepada 10.5 peratus pada tahun 2023.
- Peratus graduan bagi julat pendapatan RM5,001 – RM10,000 kekal mendominasi, iaitu 56.3 peratus pada tahun 2019, sebanyak 57.9 peratus pada tahun 2022 dan 57.0 peratus pada tahun 2023.
- Bagi julat pendapatan lebih daripada RM10,000, kategori ini menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun, iaitu 7.6 peratus pada tahun 2019 kepada 10.8 peratus pada tahun 2023.




9.2.2 Trend Pendapatan Bulanan Graduan Sarjana, 2019–2023

- Bagi kategori julat pendapatan yang lebih rendah (RM2,000 & ke bawah dan RM2,001 – RM3,000) merekodkan penurunan, sementara kategori yang lebih tinggi (RM5,001 – RM10,000 dan lebih daripada RM10,000) menunjukkan peningkatan.
- Bagi kategori julat RM4,001 – RM5,000, peratusan yang direkodkan ialah sekitar 14.1 hingga 16.5 peratus dengan peratusan tertinggi pada tahun 2019.
- Julat pendapatan RM5,001 – RM10,000 menunjukkan peningkatan dari 31.1 peratus pada tahun 2019 kepada 38.4 peratus pada tahun 2023.
- Kategori pendapatan lebih daripada RM10,000 menunjukkan peningkatan dari 4.3 peratus pada tahun 2019 kepada 9.0 peratus pada tahun 2023.

Carta 9.2b

Trend Pendapatan Bulanan Graduan Sarjana, 2019–2023



n= Jumlah responden sarjana yang bekerja


Bagi tahun 2021 hingga 2023, tidak termasuk graduan bekerja dengan keluarga (tiada upah/gaji)

9.2.3 Trend Pendapatan Bulanan Graduan Ijazah Pertama, 2019–2023

- Peratus graduan ijazah pertama yang memperoleh pendapatan RM1,000 & ke bawah menunjukkan penurunan, iaitu 14.4 peratus pada tahun 2019 kepada 7.7 peratus pada tahun 2022. Walau bagaimanapun, pada tahun 2023 merekodkan kenaikan, iaitu sebanyak 0.3 peratus kepada 8.0 peratus.
- Julat pendapatan RM1,001 – RM2,000 menunjukkan peningkatan pada tahun 2020 (40.7%) berbanding 36.2 peratus pada tahun 2019 dan menurun pada tahun seterusnya sehingga merekodkan 30.8 peratus pada tahun 2023.
- Peratus bagi julat pendapatan RM2,001 – RM3,000 tiada perubahan ketara, iaitu antara 31.8 hingga 35.4 peratus bagi tempoh tersebut.
- Graduan yang memperoleh pendapatan melebihi RM3,000 menunjukkan peningkatan pada tahun 2023 bagi setiap kategori, iaitu sebanyak 16.9 peratus bagi julat RM3,001 – RM4,000, 5.9 peratus bagi RM4,001 – RM5,000 dan 3.6 peratus berpendapatan RM5,001 dan ke atas.

Carta 9.2c

Trend Pendapatan Bulanan Graduan Ijazah Pertama, 2019–2023




n= Jumlah responden ijazah pertama yang bekerja

Bagi tahun 2021 hingga 2023, tidak termasuk graduan bekerja dengan keluarga (tiada upah/gaji)


9.2.4 Trend Pendapatan Bulanan Graduan Diploma, 2019–2023

- Peratus graduan diploma yang memperoleh pendapatan RM1,000 & ke bawah menunjukkan penurunan dari 19.3 peratus pada tahun 2019 kepada 9.4 peratus pada tahun 2023.
- Kategori pendapatan RM1,001 – RM2,000 menunjukkan penurunan kepada 65.4 peratus pada tahun 2023 berbanding 70.4 peratus pada tahun 2020.
- Julat RM3,001 – RM4,000 kekal pada kadar 2.8 peratus bagi dua (2) tahun terkini manakala julat pendapatan RM4,001 – RM5,000 meningkat 0.3 peratus kepada 1.0 peratus (2023).



9.2.5 Trend Pendapatan Bulanan Graduan Sijil, 2019–2023


- Taburan pendapatan bulanan graduan sijil bagi tempoh 2019 hingga 2023 menunjukkan perubahan yang dinamik. Kategori pendapatan yang lebih rendah (RM1,000 & ke bawah) menunjukkan peningkatan pada tahun 2020 kepada 28.9 peratus berbanding 25.8 peratus pada tahun 2019, kemudian menurun kepada 21.6 peratus pada tahun 2021 dan seterusnya 15.6 peratus pada tahun 2022. Walau bagaimanapun, meningkat sebanyak 5.1 peratus pada tahun 2023 kepada 20.7 peratus.
- Julat pendapatan RM1,001 – RM2,000 menunjukkan perubahan yang lebih kecil, iaitu merekodkan penurunan dari 66.3 peratus pada tahun 2019 kepada 64.2 peratus pada tahun 2023.
- Peratusan graduan sijil yang memperoleh pendapatan bulanan RM2,001 – RM3,000 merekodkan peningkatan, iaitu sebanyak 5.8 peratus pada tahun 2019 kepada 11.5 peratus pada tahun 2023.
- Bagi julat pendapatan bulanan melebihi RM3,000 menunjukkan peningkatan bagi tempoh lima (5) tahun tersebut.



9.3 Trend Sektor Pekerjaan Graduan, 2019–2023

- Sektor swasta merupakan tumpuan utama kepada graduan baharu dengan lebih 50.0 peratus bekerja dalam sektor tersebut. Peratusan graduan bekerja dalam syarikat tempatan menunjukkan peningkatan sebanyak 3.6 peratus pada tahun 2020 kepada 53.8 peratus berbanding 50.2 peratus pada tahun 2019, seterusnya menurun kepada 50.4 peratus pada tahun 2023.
- Peratusan graduan yang bekerja dalam syarikat multinasional menunjukkan perubahan yang lebih ketara, iaitu merekodkan penurunan daripada 18.4 peratus pada tahun 2019 kepada 15.8 peratus pada tahun 2023, menurun 2.9 peratus berbanding tahun 2022 (18.7%).
- Sektor kerajaan menunjukkan peningkatan kepada 14.2 peratus pada tahun 2021 berbanding 10.8 peratus pada tahun 2019 dan 2020. Pada tahun 2023, menurun kepada 11.4 peratus berbanding 13.1 peratus pada tahun 2022.
- Graduan yang bekerja dalam sektor Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) menunjukkan penurunan, iaitu kepada 7.9 peratus pada tahun 2023 berbanding 9.5 peratus pada tahun 2021 dan 2022.
- Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan badan berkanun masing-masing merekodkan antara 3.5 hingga 4.2 peratus dan 2.3 hingga 3.0 peratus graduan bagi tempoh 2019 hingga 2023.
- Pada tahun 2023, terdapat penambahan sektor ekonomi gig dengan 8.3 peratus graduan menceburi sektor ini.

Carta 9.3a Trend Sektor Pekerjaan Graduan, 2019–2023



n= Jumlah responden pekerja Kerajaan / pekerja swasta (termasuk NGO) bagi tahun 2019 hingga 2022
 Semua responden yang bekerja bagi tahun 2023.

9.4 Trend Sektor Ekonomi Utama Graduan, 2019–2023

- Bagi tempoh 2019 hingga 2023, sektor perkhidmatan mendominasi sektor ekonomi utama dengan merekodkan 77.3 hingga 80.4 peratus. Pada tahun 2023 sektor ini merekodkan 80.4 peratus meningkat berbanding 78.9 peratus pada tahun 2022. Sektor ini mempunyai 17 sub sektor seperti pendidikan, aktiviti profesional, saintifik & teknikal, penginapan & aktiviti perkhidmatan makanan & minuman dan sebagainya.
- Sektor pembuatan merupakan sektor ekonomi kedua tertinggi. Pada tahun 2020, sebanyak 14.6 peratus graduan berada dalam sektor ini, iaitu meningkat sebanyak 1.5 peratus berbanding tahun 2019 (13.1%). Walau bagaimanapun, peratusan pada tahun 2021 menurun dari tahun sebelumnya kepada 13.2 peratus dan 11.1 peratus pada tahun 2023.
- Sebanyak 5.6 hingga 6.3 peratus graduan bekerja dalam sektor pembinaan dengan peratusan pada tahun 2023 adalah kekal sebanyak 6.3 peratus seperti mana tahun 2022.
- Sektor pertanian merekodkan 1.9 peratus pada tahun 2019 meningkat kepada 2.3 peratus pada tahun 2021, seterusnya menurun kepada 1.8 peratus pada tahun 2023 berbanding 2.0 peratus pada tahun 2022.
- Sektor perlombongan & pengkuarian hanya merekodkan sekitar 0.3 hingga 0.4 peratus graduan yang bekerja dalam sektor ini bagi tempoh yang sama.

Carta 9.4a

Trend Sektor Ekonomi Utama Graduan, 2019–2023



n= Jumlah responden yang bekerja

9.5 Trend Kumpulan Pekerjaan Graduan, 2019–2023

- Bagi tiga kumpulan pekerjaan mahir, peratusan graduan yang bekerja dalam kumpulan profesional menunjukkan peningkatan, iaitu 38.2 peratus pada tahun 2019 kepada 43.1 peratus pada tahun 2023. Bagi kumpulan pengurus dan juruteknik & profesional bersekutu pula tidak menunjukkan perubahan ketara sejak tahun 2021, iaitu masing-masing sekitar 3.3 hingga 3.6 peratus dan 18.4 hingga 18.7 peratus.
- Bagi kumpulan pekerjaan yang berada dalam kategori separuh mahir, sebanyak 11.9 hingga 12.8 peratus graduan berada dalam kumpulan pekerja perkhidmatan & jualan manakala pekerja sokongan perkeranian sebanyak 11.2 hingga 12.5 peratus. Ini diikuti kumpulan pekerjaan operator mesin & loji, & pemasang adalah sebanyak 2.3 hingga 3.7 peratus, pekerja kemahiran & pekerja pertukangan yang berkaitan (sekitar 2.8 hingga 3.5 peratus).
- Terdapat juga sekitar 3.3 hingga 4.9 peratus graduan bekerja dalam kumpulan pekerja asas dengan peratusan tertinggi ialah pada tahun 2021.

Jadual 9a

Trend Kumpulan Pekerjaan Graduan, 2019–2023


Kumpulan pekerjaan	Tahun (%)				
	2019 (n= 163,655)	2020 (n= 132,682)	2021 (n= 175,038)	2022 (n= 204,452)	2023 (n= 206,800)
Pengurus	7.9	7.7	3.6	3.3	3.3
Profesional	38.2	37.2	40.5	42.6	43.1
Juruteknik dan profesional bersekutu	19.5	20.1	18.4	18.7	18.5
Pekerja sokongan perkeranian	11.4	11.2	12.5	12.1	11.9
Pekerja perkhidmatan dan jualan	12.3	11.9	12.5	12.5	12.8
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan	0.3	0.3	0.6	0.5	0.4
Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan	2.9	3.5	3.2	2.8	2.9
Operator mesin dan loji, dan pemasang	2.7	3.7	3.4	2.9	2.3
Pekerja asas	3.3	3.9	4.9	4.3	4.0
Angkatan tentera	1.6	0.4	0.5	0.3	0.6

n= Jumlah responden bekerja

Nota:

- 1) 2019 hingga 2020 – tidak termasuk graduan bekerja sendiri, *freelance* dan sebagai majikan
- 2) 2021 – seramai 1,218 graduan tiada maklumat kerana perubahan soal seldik
- 3) 2022 dan 2023 – merangkumi semua graduan bekerja

9.6 Trend Graduan Menceburi Keusahawanan, 2019–2023



- Graduan usahawan dalam laporan ini merangkumi graduan bekerja sendiri, *freelance* dan majikan.
- Pada tahun 2020, kadar graduan usahawan merupakan yang tertinggi iaitu sebanyak 15.2 peratus berbanding 13.7 peratus pada tahun 2019. Tahun 2021 dan 2022 merekodkan penurunan masing-masing sebanyak 5.5 peratus (9.7%) dan 1.5 peratus (8.2%).
- Pada tahun 2023, kadar graduan usahawan meningkat sebanyak 2.8 peratus kepada 11.0 peratus.

9.6.1 Trend Pendapatan Bulanan Keseluruhan Graduan Usahawan, 2019–2023

- Graduan yang menceburi bidang keusahawanan, sebanyak 66.9 hingga 80.6 peratus memperoleh pendapatan bulanan RM2,000 & ke bawah dengan peratusan tertinggi ialah pada tahun 2020 dan terendah pada tahun 2022 (66.9%), kemudian meningkat sebanyak 2.7 peratus pada tahun 2023 (69.6%).
- Peratusan graduan yang memperoleh pendapatan bulanan melebihi RM2,000 merekodkan penurunan pada tahun 2023 berbanding tahun sebelumnya bagi setiap julat pendapatan bulanan kecuali bagi kumpulan RM4,001 – RM5,000, iaitu kekal sebanyak 2.9 peratus, sama seperti rekod tahun 2022.

Jadual 9b Trend Pendapatan Bulanan Keseluruhan Graduan Usahawan, 2019–2023

Pendapatan bulanan	Tahun (%)				
	2019 (n= 25,888)	2020 (n= 23,843)	2021 (n= 17,156)	2022 (n= 16,856)	2023 (n= 22,689)
RM1,000 dan ke bawah	41.9	42.2	39.2	31.2	34.4
RM1,001 – RM2,000	37.3	38.4	34.5	35.7	35.2
RM2,001 – RM3,000	13.3	12.3	14.8	17.3	15.8
RM3,001 – RM4,000	3.2	2.9	5.0	6.8	6.4
RM4,001 – RM5,000	1.6	1.7	2.3	2.9	2.9
RM5,001 dan ke atas	2.6	2.5	4.2	6.0	5.3

n= Jumlah responden bekerja sendiri, *freelance* dan sebagai majikan

9.6.2 Trend Sektor Ekonomi Utama Graduan Usahawan, 2019–2023

- Lebih 80.0 peratus graduan usahawan menceburi sektor perkhidmatan kecuali pada tahun 2020 sebanyak 78.8 peratus.
- Sektor kedua yang menjadi pilihan graduan usahawan ialah sektor pembuatan, iaitu antara 8.8 hingga 13.6 peratus. Pada tahun 2023, sektor ini merekodkan peningkatan sebanyak 1.1 peratus kepada 9.9 peratus berbanding 8.8 peratus pada tahun 2022.
- Sebanyak 3.7 hingga 4.8 peratus graduan usahawan berada dalam sektor pembinaan. Pada tahun 2023, sektor ini merekodkan penurunan sebanyak 0.5 peratus kepada 4.3 peratus berbanding tahun sebelumnya.
- Peratusan graduan usahawan yang memilih sektor pertanian ialah antara 2.7 hingga 3.7 peratus manakala sektor perlombongan & pengkuarian kekal sebanyak 0.1 peratus bagi tempoh lima (5) tahun.

Jadual 9c

Trend Sektor Ekonomi Utama Graduan Usahawan, 2019–2023

Sektor ekonomi	Tahun (%)				
	2019 (n= 25,888)	2020 (n= 23,843)	2021 (n= 17,156)	2022 (n= 16,856)	2023 (n= 22,689)
Perkhidmatan	81.4	78.8	83.1	83.5	83.0
Pembuatan	11.6	13.6	9.1	8.8	9.9
Pembinaan	3.9	3.7	4.4	4.8	4.3
Pertanian	3.0	3.7	3.3	2.8	2.7
Perlombongan dan pengkuarian	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1

Muka surat ini dibiarkan kosong.

BAB 10



TREND KELUARAN DAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN TVET ILKA, 2019–2023

- 10.1 Trend Penyertaan ILKA dan Graduan TVET, 2019–2023
- 10.2 Trend Kebolehpasaran Graduan TVET ILKA, 2019–2023
- 10.3 Trend Sebab Belum Bekerja Graduan TVET ILKA, 2019–2023



Muka surat ini dibiarkan kosong.

TREND KELUARAN DAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN TVET ILKA, 2019–2023

Kajian Pengesanan Graduan TVET mula dilaksanakan pada tahun 2018 melibatkan semua Kementerian yang memiliki Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA). Selain Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Kementerian lain yang terlibat ialah :

- i) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM);
- ii) Kementerian Sumber Manusia (KESUMA);
- iii) Kementerian Belia dan Sukan (KBS);
- iv) Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW);
- v) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM);
- vi) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC); dan
- vii) Kementerian Kerja Raya (KKR)


Kaji selidik ini melibatkan graduan warganegara peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap 1 hingga ijazah pertama (tahap 6). Justeru, bab ini membentangkan profil graduan TVET dan kebolehpasaran graduan bagi tempoh lima (5) tahun (2019–2023).

10.1 Trend Penyertaan ILKA dan Graduan TVET, 2019–2023

- Sepanjang tempoh lima (5) tahun pelaksanaan Kajian Pengesanan Graduan TVET, bilangan ILKA yang menyertai kajian mencatatkan trend meningkat, iaitu daripada 539 pada tahun 2019 kepada 546 pada tahun 2023.
- Keluaran graduan TVET merekodkan penurunan bermula dari tahun 2020 hingga 2022 disebabkan pandemik COVID-19. Pada tahun 2019, keluaran graduan TVET ialah 86,029 graduan, menurun kepada 68,052 pada tahun 2022.
- Walau bagaimanapun pada tahun 2023, keluaran graduan TVET menunjukkan peningkatan kepada 72,399 graduan berbanding tahun 2022 [Carta 10.1a].
- Kadar respons tertinggi ialah tahun 2023, iaitu sebanyak 93.7 peratus berbanding 92.0 peratus pada tahun 2022.


Carta 10.1a

Trend Keluaran Graduan TVET, Bilangan ILKA dan Kadar Respons, 2019–2023




10.1.1 Trend Graduan TVET ILKA Mengikut Jantina, 2019–2023

- Majoriti keluaran graduan TVET adalah lelaki. Kadar keluaran graduan lelaki terus mencatatkan peningkatan, iaitu dari 58.9 peratus pada tahun 2019 kepada 62.7 peratus pada tahun 2022.
- Walau bagaimanapun peratusan graduan lelaki menurun sebanyak 1.5 peratus pada tahun 2023, iaitu kepada 61.2 peratus. [Carta 10.1b]



10.1.2 Trend Graduan TVET ILKA Mengikut Peringkat Pengajian, 2019–2023

- Majoriti graduan TVET dalam tempoh lima (5) tahun kajian adalah keluaran peringkat diploma, iaitu melebihi 56.0 peratus.
- Keluaran peringkat diploma pada tahun 2023 menurun kepada 60.4 peratus berbanding tahun 2022 sebanyak 64.1 peratus.
- Peratus graduan peringkat sijil meningkat sebanyak 3.3 peratus pada tahun 2023, iaitu kepada 38.5 peratus berbanding 35.2 peratus pada tahun 2022.
- Keluaran graduan TVET peringkat ijazah pertama kekal dalam tempoh lima (5) tahun, iaitu pada kadar 0.2 peratus.



10.1.3 Trend Graduan TVET ILKA Mengikut Bidang Pengajian, 2019–2023

- Majoriti graduan TVET ILKA adalah keluaran dalam bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan. Walau bagaimanapun, bilangan graduan bidang ini mencatatkan penurunan secara berterusan, iaitu dari 53,205 graduan pada tahun 2019 kepada 42,716 pada tahun 2023. **[Jadual 10a]**
- Keluaran kedua tertinggi graduan TVET ialah dalam bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan dengan keluaran tertinggi ialah pada tahun 2019, iaitu 10,204 graduan.
- Bidang perkhidmatan merupakan keluaran ketiga tertinggi bagi tempoh tersebut.

Jadual 10a

Trend Graduan TVET ILKA Mengikut Bidang Pengajian, 2019–2023

Bidang pengajian	2019	2020	2021	2022	2023	Peratus perubahan tahunan 2023 (%)
	Bil.					
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	53,205	50,465	46,290	43,343	42,716	-1.4
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	10,204	9,439	9,047	8,119	9,295	14.5
Perkhidmatan	8,149	8,508	7,187	5,141	6,551	27.4
Sastera dan kemanusiaan	3,838	3,001	3,565	4,027	5,262	30.7
Teknologi maklumat dan komunikasi	6,489	4,640	4,367	4,906	5,209	6.2
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	2,313	1,699	2,150	1,700	1,917	12.8
Pendidikan	1,578	655	640	477	933	95.6
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	-	-	-	-	219	-
Kesihatan dan kebajikan	168	143	217	230	180	-21.7
Sains semulajadi, matematik dan statistik	85	105	32	109	117	7.3
Jumlah	86,029	78,655	73,495	68,052	72,399	6.4

10.2 Trend Kebolehpasaran Graduan TVET ILKA, 2019–2023


Bahagian ini memperincikan kebolehpasaran graduan (GE) TVET ILKA terdiri daripada graduan bekerja, melanjutkan pengajian, sedang meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan.

10.2.1 Trend Kebolehpasaran Graduan TVET ILKA, 2019–2023

- Pada tahun 2023, kadar kebolehpasaran graduan TVET ILKA adalah sebanyak 94.0 peratus, iaitu meningkat 1.5 peratus berbanding tahun 2022 dan merupakan kadar tertinggi sejak tahun 2019.
- Peratusan graduan yang bekerja pada tahun 2023 juga mencatatkan kadar tertinggi, iaitu sebanyak 74.0 peratus, meningkat 0.5 peratus berbanding 73.5 peratus pada tahun 2022.
- Peratusan graduan yang belum bekerja pada tahun 2023 adalah terendah bagi tempoh lima (5) tahun, menurun 1.5 peratus kepada 6.0 peratus pada tahun 2023 berbanding 7.5 peratus pada tahun 2022.

Carta 10.2a

Trend Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET ILKA dan Status Pekerjaan, 2019–2023



n= Jumlah responden

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

10.2.2 Trend Kebolehpasaran Graduan TVET ILKA Mengikut Jantina, 2019–2023

- Kadar kebolehpasaran bagi graduan lelaki mencatatkan peningkatan sebanyak 1.5 peratus, iaitu 94.2 peratus pada tahun 2023 berbanding 92.7 peratus pada tahun 2022.
- Kadar kebolehpasaran graduan perempuan juga mencatatkan peningkatan, iaitu 1.6 peratus kepada 93.8 peratus pada tahun 2023 berbanding tahun 2022 (92.2%).

Jadual 10b

Trend Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET ILKA Mengikut Jantina, 2019–2023

Jantina	2019		2020		2021		2022		2023	
	n	GE (%)	n	GE (%)	n	GE (%)	n	GE (%)	n	GE (%)
Lelaki	42,813	94.1	41,815	87.9	39,147	88.7	38,174	92.7	40,747	94.2
Perempuan	31,930	92.5	29,513	85.7	26,603	86.9	24,400	92.2	27,080	93.8
Keseluruhan	74,743	93.4	71,328	87.0	65,750	88.0	62,574	92.5	67,827	94.0

n= Jumlah responden


GE= Kadar kebolehpasaran graduan

10.2.3 Trend Kebolehpasaran Graduan TVET ILKA Mengikut Peringkat Pengajian, 2019–2023

- Kadar kebolehpasaran graduan tahun 2023 bagi semua peringkat pengajian mencatatkan peningkatan berbanding 2022 dengan peringkat ijazah pertama merupakan peratus tertinggi, iaitu 99.3 peratus.

Carta 10.2b

Trend Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET ILKA Mengikut Peringkat Pengajian, 2019–2023



10.2.4 Trend Kebolehpasaran Graduan TVET ILKA Mengikut Bidang Pengajian, 2019–2023

- Graduan bidang sains semulajadi, matematik & statistik mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan 100.0 peratus pada tahun 2023. Graduan bidang sains sosial, kewartawanan & maklumat merekod peratus kedua tertinggi kebolehpasaran graduan, iaitu 99.5 peratus, diikuti bidang perkhidmatan (95.4%) dan bidang sastera & kemanusiaan sebanyak 95.2 peratus.

Jadual 10c

Trend Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET ILKA Mengikut Bidang Pengajian, 2019–2023

Bidang pengajian	2019		2020		2021		2022		2023	
	n	GE (%)	n	GE (%)	n	GE (%)	n	GE (%)	n	GE (%)
Sains semulajadi, matematik dan statistik	80	98.8	103	92.2	32	87.5	108	89.8	117	100
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	-	-	-	-	-	-	-	-	190	99.5
Perkhidmatan	7,204	93.4	7,731	86	6,838	88.2	5,006	94.9	6,366	95.4
Sastera dan kemanusiaan	3,494	94.5	2,836	90.5	3,410	89.2	3,932	91.3	5,166	95.2
Teknologi maklumat dan komunikasi	5,951	93.2	4,431	87.5	4,137	87.1	4,657	93.2	4,982	94.3
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	9,644	96.8	8,895	88.8	8,475	89.4	7,720	93.1	8,848	94.3
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	44,836	93.6	44,981	87.1	40,089	88.7	38,890	92.7	39,292	94.3
Kesihatan dan kebajikan	163	96.9	143	86.7	210	80	230	84.3	180	92.8
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	2,125	86.7	1,587	73.4	2,011	75.6	1,618	82.1	1,820	82.9
Pendidikan	1,246	68.7	621	78.9	548	57.8	413	82.6	866	81.8
Jumlah	74,743	93.4	71,328	87.0	65,750	88.0	62,574	92.5	67,827	94.0

n= Jumlah responden




GE= Kadar kebolehpasaran graduan

10.2.5 Trend Kebolehpasaran Graduan TVET ILKA Mengikut Negeri Bermastautin, 2019–2023

- Graduan yang bermastautin di luar negara mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan 100.0 peratus pada tahun 2023, peratus kedua tertinggi ialah Wilayah Persekutuan Putrajaya (98.9%), diikuti Johor (96.4%) dan Pulau Pinang (95.6%).
- Kadar kebolehpasaran graduan di negeri Sabah pada tahun 2023 adalah terendah berbanding negeri lain. Walau bagaimanapun kadar yang dicatatkan pada tahun 2023 merekodkan peningkatan 5.7 peratus berbanding tahun 2022.

Jadual 10d

Trend Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET ILKA Mengikut Negeri Bermastautin, 2019–2023

Negeri bermastautin	2019		2020		2021		2022		2023	
	n	GE (%)	n	GE (%)	n	GE (%)	n	GE (%)	n	GE (%)
 WP Putrajaya	273	93.8	259	92.3	229	94.8	214	95.8	285	98.9
 Johor	8,503	94.9	7,666	93.2	7,209	92.4	6,548	95.1	7,072	96.4
 Pulau Pinang	4,110	95.7	4,000	89.7	2,878	90.2	3,467	96.1	4,397	95.6
 Selangor	12,576	95.7	12,016	91.1	12,033	92.4	11,832	94.4	12,421	95.4
 Negeri Sembilan	3,264	92.7	3,073	88.9	2,879	89.4	2,635	91.8	2,997	95.4
 WP Kuala Lumpur	3,066	94.8	2,600	89.3	2,486	90.9	2,612	93.3	2,723	95.1
 Melaka	2,838	95.2	2,668	91.3	2,438	90.2	2,106	94.3	2,361	95.0
 Pahang	4,336	93.1	4,166	88.8	3,829	88.0	3,614	92.0	3,575	94.2
 Kedah	7,263	93.9	6,704	86.1	6,087	87.8	6,344	92.9	7,449	93.8
 Perak	6,631	92.8	6,337	85.7	5,414	87.0	5,318	92.8	5,429	93.2
 Perlis	968	94.2	843	84.5	773	88.0	639	92.8	1010	92.8
 Sarawak	5,191	92.2	4,907	83.2	5,348	84.9	4,869	89.4	4,600	92.4
 Kelantan	5,755	89.6	5,750	83.6	5,152	82.2	4,507	90.4	4,459	92.0
 WP Labuan	275	91.6	293	79.9	219	82.6	139	91.4	207	91.3
 Terengganu	4,112	89.8	4,273	85.4	3,770	86.9	3,596	91.4	3,671	91.1
 Sabah	5,175	90.3	5,485	72.8	4,917	76.8	4,053	85.1	5,133	90.8
 Luar Negara	27	100.0	25	96.0	4	100.0	19	89.5	14	100.0
Jumlah	74,363	93.4	71,065	87.0	65,665	87.9	62,512	92.5	67,803	94.0

n= Jumlah responden

GE= Kadar kebolehpasaran graduan


Nota: Terdapat graduan tiada maklumat negeri bermastautin (hanya sertai SKPG2.0 sahaja)

10.2.6 Trend Kebolehpasaran Graduan TVET ILKA Mengikut Pendapatan Bulanan Keluarga, 2019–2023

- Graduan yang berada dalam kumpulan keluarga berpendapatan RM4,001 – RM8,500 mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan tertinggi pada tahun 2023, iaitu sebanyak 94.3 peratus, diikuti kumpulan pendapatan RM4,000 dan ke bawah (94.0%) dan RM8,501 dan ke atas sebanyak 93.9 peratus.

Carta 10.2c

Trend Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET ILKA Mengikut Pendapatan Bulanan Keluarga, 2019–2023



10.3 Trend Sebab Belum Bekerja bagi Graduan TVET ILKA, 2019–2023

- Pada tahun 2023, sebanyak 65.6 peratus graduan yang berstatus belum bekerja menyatakan sedang mencari pekerjaan. Peratusan ini menunjukkan penurunan 5.7 peratus berbanding 2022 (71.3%).
- Peratus graduan yang menunggu keputusan/tawaran melanjutkan pengajian merekodkan peningkatan sebanyak 15.3 peratus pada tahun 2023 berbanding 9.6 peratus pada tahun 2022.

Jadual 10e

Trend Sebab Belum Bekerja (10 Tertinggi) bagi Graduan TVET ILKA, 2019–2023

Sebab belum bekerja (10 tertinggi)	Tahun (%)				
	2019 (n= 4,941)	2020 (n= 9,286)	2021 (n= 7,920)	2022 (n= 4,686)	2023 (n= 4,041)
Sedang mencari pekerjaan	64.4	67.2	74.0	71.3	65.6
Menunggu keputusan/tawaran melanjutkan pengajian	8.2	7.5	6.6	9.6	15.3
Tanggungjawab terhadap keluarga	6.8	6.5	6.1	6.0	6.1
Berehat/melancong/bercuti	5.3	4.5	4.4	4.9	4.6
Memilih untuk tidak bekerja	2.0	2.6	2.5	2.2	1.4
Kerja yang ditawarkan tidak sesuai	4.8	3.9	0.1	0.3	-
Tidak dibenarkan untuk bekerja (oleh keluarga)	2.0	1.7	1.7	1.2	1.0
Kurang keyakinan diri untuk memasuki dunia pekerjaan (termasuk masalah komunikasi/softskill)	1.3	1.3	1.4	1.1	1.0
Sebab kesihatan/bersalin/hilang upaya	2.7	2.0	1.5	1.5	1.8
Enggan berpindah ke tempat lain	1.2	1.0	0.4	1.1	0.7

BAB 11



TREND MAKLUMAT PEKERJAAN GRADUAN TVET ILKA, 2019–2023

- 11.1 Trend Taraf Pekerjaan Graduan TVET ILKA, 2019–2023
- 11.2 Trend Pendapatan Bulanan Graduan TVET ILKA Mengikut Peringkat Pengajian, 2019–2023
- 11.3 Trend Sektor Pekerjaan Graduan TVET ILKA, 2019–2023
- 11.4 Trend Sektor Ekonomi Graduan TVET ILKA, 2019–2023
- 11.5 Trend Kumpulan Pekerjaan dan Tahap Kemahiran Graduan TVET ILKA, 2019–2023



Muka surat ini dibiarkan kosong.

TREND MAKLUMAT PEKERJAAN GRADUAN TVET ILKA, 2019–2023


Bab ini membincangkan trend maklumat pekerjaan graduan TVET ILKA mengikut tahun dari 2019 hingga 2023. Fokus utama termasuk taraf pekerjaan, pendapatan bulanan, sektor pekerjaan, sektor ekonomi, serta tahap kemahiran graduan. Maklumat ini bertujuan untuk memberikan gambaran menyeluruh mengenai situasi pekerjaan graduan TVET ILKA sepanjang tempoh tersebut.

11.1 Trend Taraf Pekerjaan Graduan TVET, 2019–2023

- Secara keseluruhan, pekerja swasta (termasuk NGO), pekerja kerajaan dan usahawan menunjukkan trend turun naik sepanjang tempoh 2019–2023. Bekerja dengan keluarga menunjukkan peningkatan secara beransur-ansur bagi tempoh yang sama.
- Graduan yang bekerja sebagai pekerja swasta (termasuk NGO) mencatatkan penurunan dalam tempoh lima tahun, iaitu daripada 75.0 peratus pada tahun 2019 kepada 71.6 peratus pada tahun 2020. Pada tahun 2021, peratusan graduan yang bekerja dalam kumpulan ini ialah 73.2 peratus meningkat kepada 75.3 peratus pada tahun 2022, kemudian menurun sebanyak 5.3 peratus (70.0%) pada tahun 2023.
- Pada tahun 2019, peratusan graduan yang bekerja sebagai usahawan adalah sebanyak 15.6 peratus, meningkat kepada 18.3 peratus pada tahun 2020. Peratusan ini menurun kepada 13.1 peratus pada tahun 2021 dan 11.3 peratus pada tahun 2022. Pada tahun 2023, terdapat peningkatan yang ketara berbanding tahun sebelumnya, iaitu kepada 16.3 peratus.
- Peratusan graduan yang bekerja dengan keluarga mencatatkan peningkatan dalam tempoh lima tahun berturut-turut, iaitu daripada 6.1 peratus pada tahun 2019 kepada 7.8 peratus pada tahun 2023 (2020: 6.9%; 2021: 7.2%; 2022: 7.3%).
- Graduan yang bekerja sebagai pekerja kerajaan mencatatkan peningkatan pada tahun 2021 kepada 6.5% (2019: 3.3%; 2020: 3.3%), namun menurun kepada 6.2 peratus pada tahun 2022 dan seterusnya kepada 5.9 peratus pada tahun 2023.

Carta 11.1a

Trend Taraf Pekerjaan Graduan TVET ILKA, 2019–2023




n= Jumlah responden yang bekerja

11.2 Trend Pendapatan Bulanan Graduan TVET ILKA Mengikut Peringkat Pengajian, 2019–2023

Pendapatan bulanan graduan TVET ILKA dipaparkan mengikut trend lima (5) tahun terkini dan kumpulan peringkat pengajian utama, iaitu ijazah pertama, diploma dan sijil.

11.2.1 Trend Pendapatan Bulanan Graduan TVET ILKA Peringkat Ijazah Pertama, 2019–2023

- Graduan ijazah pertama yang kesemuanya adalah keluaran politeknik mencatatkan peratusan pendapatan tertinggi pada julat RM1,001 – RM2,000 dalam tempoh 2019 hingga 2021, manakala peratusan pendapatan tertinggi berubah kepada julat RM2,001 – RM3,000 pada tahun 2022 dan 2023. Peratusan graduan dalam julat RM2,001 – RM3,000 mencatatkan peningkatan daripada 37.2 peratus (2019) kepada 48.9 peratus pada tahun 2023.
- Peratusan graduan yang berpendapatan RM1,000 & ke bawah menurun dari 10.3 peratus pada 2020 kepada 2.1 peratus pada 2023.
- Bagi graduan yang berpendapatan RM1,001 – RM2,000 pula, terdapat peningkatan pada tahun 2020, iaitu sebanyak 44.0 peratus, dan tertinggi ialah pada tahun 2021 (48.6%). Walau bagaimanapun, terdapat penurunan ketara pada 2022 (29.4%) dan 2023 (23.4%).
- Peratusan graduan yang berada dalam julat pendapatan bulanan RM3,001 & ke atas mencatatkan penurunan, iaitu daripada 16.2 peratus pada tahun 2019 kepada 6.3 peratus pada tahun 2021. Walau bagaimanapun, peratusannya meningkat semula kepada 25.5 peratus pada tahun 2023.



n= Jumlah responden yang bekerja

Nota: * Tidak termasuk graduan ijazah pertama yang bekerja dengan keluarga (tiada upah/gaji)

i) 2021 - 2 graduan


ii) 2022 - 1 graduan

11.2.2 Trend Pendapatan Bulanan Graduan TVET ILKA Peringkat Diploma, 2019–2023

- Peratus tertinggi graduan peringkat diploma yang memperoleh pendapatan dalam julat RM1,001 – RM2,000 adalah konsisten dalam tempoh lima tahun terkini. Namun, terdapat sedikit penurunan dalam peratusan ini, dari 73.7 peratus pada tahun 2021 kepada 68.5 peratus pada tahun 2023.
- Peratus graduan yang berpendapatan RM2,001 – RM3,000 pula mencatatkan trend peningkatan dari 9.0 peratus pada tahun 2020 kepada 19.5 peratus pada tahun 2023.
- Seterusnya graduan yang berpendapatan RM3,001 dan ke atas mencatatkan peningkatan dari 1.8 peratus (2020) kepada 3.7 peratus pada tahun 2023.
- Peratusan graduan dalam julat pendapatan bulanan RM1,000 & ke bawah pula mencatatkan trend penurunan ketara dari 18.0 peratus pada tahun 2019 kepada 8.4 peratus pada tahun 2023.

Carta 11.2b

Trend Pendapatan Bulanan Graduan TVET ILKA Peringkat Diploma, 2019–2023




n= Jumlah responden yang bekerja

Nota: * Tidak termasuk graduan diploma yang bekerja dengan keluarga (tiada upah/gaji)

- i) 2021 - 1,069 graduan
- ii) 2022 - 1,241 graduan
- iii) 2023 - 398 graduan

11.2.3 Trend Pendapatan Bulanan Graduan TVET ILKA Peringkat Sijil, 2019–2023

- Peratus tertinggi pendapatan bulanan graduan peringkat sijil ialah dalam julat RM1,001 – RM2,000 bagi tempoh lima (5) tahun terkini dengan peratus tertinggi dicatat pada tahun 2022, iaitu sebanyak 70.7 peratus.
- Pendapatan bulanan dalam julat RM2,001 – RM3,000 mencatatkan peningkatan, iaitu daripada 5.3 peratus pada tahun 2019 kepada 11.1 peratus pada tahun 2022, seterusnya menurun kepada 10.8 peratus pada tahun 2023.
- Peratusan graduan yang memperoleh pendapatan RM1,000 dan ke bawah pula mencatatkan penurunan ketara dari 29.4 peratus pada tahun 2020 kepada 21.3 peratus pada tahun 2023.
- Bagi julat RM3,001 dan ke atas merekodkan penurunan sebanyak 0.4 peratus dari 2.6 peratus (2022) kepada 2.2 peratus pada tahun 2023.



n= Jumlah responden yang bekerja

Nota: * Tidak termasuk graduan diploma yang bekerja dengan keluarga (tiada upah/gaji)

- i) 2021 – 936 graduan
- ii) 2022 – 709 graduan
- iii) 2023 – 326 graduan

11.3 Trend Sektor Pekerjaan Graduan TVET ILKA, 2019–2023

- Syarikat tempatan masih menjadi majikan utama graduan tahun 2019 hingga 2023 dengan peratus tertinggi dalam semua sektor pekerjaan.
- Peratusan graduan yang bekerja dengan syarikat tempatan mencatatkan peningkatan dari 59.5 peratus pada tahun 2019 kepada 67.1 peratus pada tahun 2021. Walau bagaimanapun, terdapat penurunan kepada 60.5 peratus pada tahun 2023.
- Data untuk ekonomi gig hanya tersedia pada tahun 2023, dengan 13.0 peratus graduan terlibat.
- Peratusan graduan yang bekerja dalam syarikat multinasional mencatatkan penurunan dari 13.1 peratus pada 2019 kepada 11.3 peratus pada tahun 2023. Walaupun terdapat peningkatan pada 2022, trend keseluruhan menunjukkan penurunan dalam sektor ini.
- Trend menunjukkan penurunan ketara bagi graduan yang bekerja dalam sektor Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), iaitu dari 20.7 peratus pada tahun 2019 kepada 7.8 peratus pada tahun 2023.
- Peratusan graduan yang bekerja dalam sektor kerajaan negeri/tempatan meningkat dari 1.7 peratus pada tahun 2019 kepada 4.1 peratus pada 2021. Namun, peratus graduan yang bekerja dalam sektor ini mencatatkan penurunan kepada 2.9 peratus pada 2023 (2022: 3.7%).

Jadual 11a

Trend Sektor Pekerjaan Graduan TVET ILKA, 2019–2023

Sektor pekerjaan	Tahun (%)				
	2019 (n= 42,945)	2020 (n= 35,660)	2021 (n= 35,491)	2022 (n= 37,481)	2023 (n= 50,222)
Syarikat tempatan	59.5	62.1	67.1	65.4	60.5
* Ekonomi gig	-	-	-	-	13.0
Syarikat multinasional	13.1	11.8	12.2	14.9	11.3
Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)	20.7	19.1	10.0	10.0	7.8
Kerajaan Negeri/Tempatan	1.7	1.8	4.1	3.7	2.9
Kerajaan Persekutuan	2.0	1.9	2.9	2.6	2.0
Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)	2.3	2.6	2.7	2.2	1.6
Badan berkanun	0.6	0.6	1.2	1.2	0.9

n= Jumlah responden pekerja kerajaan/pekerja swasta (termasuk NGO)

* contoh: Grab/FoodPanda/Lalamove/Dropship Agent/Personal Shopper dan lain-lain

11.4 Trend Sektor Ekonomi Utama Graduan TVET ILKA, 2019–2023

- Sektor perkhidmatan kekal sebagai sektor terbesar dengan peningkatan dari 70.7 peratus pada tahun 2019 kepada 72.6 peratus pada tahun 2023.
- Peratusan graduan yang bekerja dalam sektor pembuatan mencatatkan penurunan, iaitu dari 22.6 peratus pada tahun 2020 kepada 18.5 peratus pada tahun 2023. Walaupun terdapat sedikit kenaikan pada tahun 2022, trend keseluruhan menunjukkan penurunan dalam sektor ini.
- Peratusan graduan yang bekerja dalam sektor pembinaan mencatatkan penurunan dari 6.2 peratus (2019) kepada 5.7 peratus pada tahun 2020, kemudian meningkat kepada 7.2 peratus (2021) dan 7.1 peratus (2022). Pada tahun 2023, graduan yang bekerja dalam sektor ini mencatatkan penurunan kepada 6.4 peratus.
- Sektor perlombongan & pengkuarian kekal pada 0.2 peratus sepanjang tempoh lima (5) tahun terkini, menunjukkan tiada perubahan ketara dalam sektor ini.

Jadual 11b

Trend Sektor Ekonomi Utama Graduan TVET ILKA, 2019–2023

Sektor ekonomi	Tahun (%)				
	2019 (n= 54,821)	2020 (n= 47,635)	2021 (n= 44,544)	2022 (n= 46,018)	2023 (n= 50,222)
Perkhidmatan	70.7	68.9	68.4	68.4	72.6
Pembuatan	20.7	22.6	20.9	21.6	18.5
Pembinaan	6.2	5.7	7.2	7.1	6.4
Pertanian, perhutanan dan perikanan	2.2	2.6	3.2	2.6	2.4
Perlombongan dan pengkuarian	0.2	0.2	0.2	0.2	0.2

n= Jumlah responden bekerja

11.5 Trend Kumpulan Pekerjaan dan Tahap Kemahiran Graduan TVET ILKA, 2019–2023

- Juruteknik & profesional bersekutu mencatatkan peratusan tertinggi graduan yang bekerja dalam kumpulan ini, walaupun terdapat sedikit penurunan, iaitu dari 29.9 peratus pada tahun 2019 kepada 28.5 peratus pada tahun 2023.
- Peratusan graduan yang bekerja dalam kumpulan pekerjaan perkhidmatan & jualan mencatatkan peningkatan ketara, dari 17.0 peratus pada tahun 2019 kepada 18.5 peratus pada tahun 2023.
- Kumpulan pekerjaan profesional turut mencatatkan peningkatan dari 13.8 peratus pada tahun 2019 kepada 14.5 peratus (2023).

Jadual 11c

Trend Kumpulan Pekerjaan Graduan TVET ILKA, 2019–2023

Kumpulan pekerjaan	Tahun (%)				
	2019 (n= 46,295)	2020 (n= 38,928)	2021 (n= 44,279)	2022 (n= 46,018)	2023 (n= 50,222)
Pengurus	2.4	1.8	2.2	2.0	2.0
Profesional	13.8	12.4	13.2	13.8	14.5
Juruteknik dan profesional bersekutu	29.9	29.6	27.3	30.4	28.5
Pekerja sokongan perkeranian	12.7	11.8	11.8	10.9	11.6
Pekerja perkhidmatan dan jualan	17.0	16.8	17.0	16.5	18.5
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan	0.4	0.5	1.1	0.9	0.8
Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan	8.7	10.4	9.9	9.8	9.9
Operator mesin dan loji, dan pemasang	6.6	8.5	8.0	7.0	5.9
Pekerja asas	6.6	7.9	9.3	8.6	8.1
Angkatan tentera	1.9	0.4	0.3	0.2	0.3

Nota: Tidak termasuk graduan bekerja sendiri, majikan dan *freelance*

- Peratusan graduan dalam kumpulan pekerja mahir mencatatkan penurunan dari 47.0 peratus pada tahun 2019 kepada 45.1 peratus pada tahun 2023.
- Peratusan graduan pekerja separuh mahir mencatatkan peningkatan kepada 46.8 peratus pada 2023 berbanding tahun 2022 (45.1%).
- Terdapat peningkatan dan penurunan peratusan graduan yang berada dalam kumpulan berkemahiran rendah sepanjang tempoh 2019 hingga 2023.

Jadual 11d

Trend Tahap Kemahiran Graduan TVET ILKA, 2019–2023

Tahap kemahiran	Tahun (%)				
	2019 (n= 45,398)	2020 (n= 38,783)	2021 (n= 44,166)	2022 (n= 45,937)	2023 (n= 50,091)
Mahir	47.0	43.9	42.8	46.3	45.1
Separuh mahir	46.3	48.1	47.9	45.1	46.8
Berkemahiran rendah	6.7	7.9	9.3	8.6	8.1

n= Jumlah responden yang bekerja

Nota: Tidak termasuk graduan dalam kumpulan angkatan tentera

Muka surat ini dibiarkan kosong.



KESIMPULAN



Muka surat ini dibiarkan kosong.

BAB 12



KESIMPULAN



Muka surat ini dibiarkan kosong.

KESIMPULAN

Kadar kebolehpasaran graduan merupakan indikator penting bagi mengukur prestasi pendidikan tinggi dalam menghasilkan graduan berkualiti yang diperlukan industri. Ia merupakan Petunjuk Prestasi Utama Terpilih Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), khususnya dalam membangunkan bakat masa hadapan (Nota Jemaah Menteri Pendidikan Tinggi 2023). Merujuk kepada National Graduate Employability Blueprint (2012–2017) yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), kebolehpasaran graduan bermaksud keupayaan graduan untuk dipasarkan di dalam industri, iaitu mempunyai kecekapan bagi mendapat pekerjaan dan mengekalkan pekerjaan yang bersesuaian.

Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021–2025 (PSKG) telah diperkenalkan dan merupakan kesinambungan kepada National Graduate Employability Blueprint (2012–2017). Ia bertujuan meningkatkan kebolehpasaran graduan secara komprehensif dengan matlamat untuk menghasilkan graduan yang kalis masa hadapan, holistik dan seimbang dengan nilai kebolehpasaran global. Pelan ini merangkumi empat (4) strategi utama iaitu Pengukuhan Kecemerlangan Bakat, Peluasan Kerjaya Pelajar, Pemantapan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dan Pemeriksaan Hubungan Industri. Strategi-strategi ini memerlukan kerjasama semua pihak dari peringkat institusi pendidikan tinggi (IPT) hinggalah industri bagi mempersiapkan graduan untuk memenuhi keperluan pasaran kerja yang semakin mencabar. Industri 4IR memberikan impak yang besar kepada sistem penyampaian dan perkhidmatan pendidikan tinggi. Justeru, kurikulum pendidikan tinggi perlu bersesuaian dengan keperluan bagi melahirkan graduan yang dapat menyesuaikan diri dan mampu menghadapi cabaran masa depan yang tidak menentu. Hubungan Industri-Akademia diperkukuh dan diperkasakan dengan pelbagai inisiatif, termasuk pembangunan kurikulum berasaskan industri, penglibatan pemain industri dalam pembentukan program pengajian, melalui pementoran, latihan industri, program 2U2I, program CEO@Faculty dan lain lagi yang pasti memberikan manfaat kepada pelajar.

Sebanyak 885 IPT telah menyertai kajian pengesanan graduan pada tahun 2023 dengan keluaran sebanyak 345,842 graduan. Daripada jumlah keluaran tersebut, seramai 319,872 graduan telah melengkapkan kaji selidik dengan memberi kadar respons sebanyak 92.5 peratus. Keluaran graduan UA adalah tertinggi iaitu sebanyak 145,821 graduan, iaitu mewakili 42.2 peratus daripada keseluruhan keluaran graduan pada tahun 2023. Ini diikuti keluaran IPTS seramai 125,261 graduan (36.2%), politeknik 8.9 peratus (30,833 graduan), ILKA KKDW 4.3 peratus (14,733 graduan) dan ILKA KESUMA 2.1 peratus (7,216 graduan). Seterusnya keluaran kolej vokasional sebanyak 1.9 peratus (6,614 graduan), kolej komuniti 1.8 peratus (6,367 graduan) dan ILKBS 1.1 peratus (3,902 graduan). Bagi keluaran mengikut peringkat pengajian, graduan peringkat ijazah pertama merupakan keluaran tertinggi pada tahun 2023, iaitu sebanyak 43.7 peratus (151,170 graduan), diikuti graduan diploma 36.2 peratus (125,128 graduan), sijil 8.9 peratus (30,639 graduan), sarjana 8.4 peratus (29,056 graduan), PhD 1.5 peratus (5,158 graduan) dan peringkat lain sebanyak 1.4 peratus (4,691 graduan).

Kebolehpasaran graduan menjadi salah satu agenda utama KPT. Pelbagai inisiatif telah diadakan untuk memastikan kadar kebolehpasaran graduan meningkat dari semasa ke semasa. Bagi tahun 2023, kadar kebolehpasaran graduan warganegara ialah 89.8 peratus melebihi penanda aras kebolehpasaran graduan yang ditetapkan oleh KPT iaitu 85.9 peratus. Walau bagaimanapun, peratus ini menurun sedikit (0.4%) berbanding kadar kebolehpasaran graduan tahun 2022, iaitu 90.2 peratus.

Namun begitu, kadar kebolehpasaran graduan TVET yang terdiri daripada graduan Rangkaian Universiti-universiti Teknikal Malaysia (MTUN), Politeknik, Kolej Komuniti dan ILKA menunjukkan peningkatan sebanyak 1.2 peratus daripada 93.3 peratus pada tahun 2022 kepada 94.5 peratus pada tahun 2023.

Kajian lanjut dapatan Kajian Pengesanan Graduan 2023 akan dilaksanakan bagi mendapatkan gambaran sebenar faktor-faktor yang mempengaruhi kebolehpasaran graduan baharu apabila memasuki alam pekerjaan. PSKG yang diperkenalkan pada tahun 2021 berperanan sebagai panduan untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan di IPT. Selaras dengan PSKG 2021–2025 tersebut, pelbagai program intervensi telah dilaksanakan antaranya seperti Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan, Memperkukuh Kerjasama IPT dan Industri, Mempergiat Kerjasama merentas Kementerian dan Agensi, Dasar Latihan Industri, Program Tauliah Industri dan Profesional Kementerian Pendidikan Tinggi (KPTiP) dan Program Pembangunan Keusahawanan.

Perubahan industri ke arah Revolusi Industri 4.0 dan selari dengan Dasar Keusahawanan Negara 2030 telah memberi perubahan kepada program-program keusahawanan yang dianjurkan oleh IPT, tumpuan kepada program keusahawanan digital melalui penerapan elemen IR4.0, *internet of things*, data raya, program keusahawanan sosial, program keusahawanan agro dan perkhidmatan selain program-program peningkatan kemahiran keusahawanan yang bersifat hands on kepada pelajar yang dilihat bersesuaian dengan trend semasa keusahawanan pada masa kini.

KPT turut menjalinkan kerjasama dengan kementerian dan agensi-agensi strategik antaranya pihak TEKUN dan SME Corp dalam pembiayaan dana, MDEC dan juga MRANTI dalam peningkatan kemahiran khusus dan kolaborasi lain bagi membantu usahawan siswazah memperoleh ilmu baharu yang dipraktikkan dalam pasaran, khidmat nasihat dan mentorship.

Kementerian bercadang memperkenalkan definisi operasi (OD) baharu bagi mengukur keberhasilan graduan yang dikeluarkan oleh IPT. OD baharu ini menggambarkan situasi sebenar status graduan bekerja selepas menamatkan pengajian seperti yang diguna pakai di peringkat antarabangsa (International Labour Organisation (ILO) dan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Kementerian turut bercadang agar OD tersebut digunakan sebagai petunjuk prestasi utama (KPI) bagi menggambarkan kadar graduan bekerja dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13).

Jabatan Perangkaan Malaysia. Statistik Siswazah (*Graduates Statistic*) 2021

Kementerian Ekonomi. Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025 (RMKe-12), (Putrajaya: Kementerian Ekonomi, 2021)

Kementerian Pengajian Tinggi. National Graduate Employability Blueprint 2012-2017, (Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi, 2012)

Kementerian Pendidikan Tinggi. Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025, (Putrajaya: Kementerian Pendidikan Tinggi, 2021)

Laman sesawang Kementerian Pendidikan Tinggi, tarikh capaian: 2 Ogos 2024, url capaian: <https://www.mohe.gov.my/hebahan/infografik/kpt-perkenal-5-inisiatif-menarik-minat-generasi-muda-melanjutkan-pengajian-ke-ipt-program-sulung-diperluas-10-ribu-pelajar-b40-ipt-bakal-dapat-manfaat>.

Nota Daripada Menteri Pendidikan Tinggi, Kadar Kebolehpasaran Graduan Tahun 2023.

Muka surat ini dibiarkan kosong.

LAMPIRAN

A-C



Muka surat ini dibiarkan kosong.

Bidang pengajian	Merujuk kepada garis panduan kod Pendidikan Nasional (NEC), iaitu pendidikan, sains sosial, perniagaan dan perundangan, sains, matematik dan komputer, kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan, pertanian dan veterinar, kesihatan dan kebajikan serta perkhidmatan.
Diploma	Diploma yang dianugerahkan kepada seseorang sesudah orang itu mencapai dengan jayanya suatu set hasil pembelajaran yang dirancangkan supaya membawa kepada penganugerahan diploma itu atau yang setaraf dengannya.
Diploma lanjutan	Diploma lanjutan yang dianugerahkan kepada seseorang sesudah orang itu mencapai dengan jayanya suatu set hasil pembelajaran yang dirancangkan supaya membawa kepada penganugerahan diploma lanjutan itu atau yang setaraf dengannya.
<i>Freelance</i>	Graduan yang menawarkan perkhidmatannya kepada pelbagai majikan.
Graduan	Bilangan graduan yang telah lulus dan menamatkan pengajian dengan sempurna pada akhir sesi pengajiannya. Tahun keluaran merujuk kepada tahun pelajar berkenaan tamat pengajian.
Graduan bekerja	Graduan yang bekerja sekurang-kurangnya sejam (1 jam) semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga (pekerja, sebagai majikan, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji).
Graduan bekerja sendiri	Graduan yang menjalankan perusahaan sendiri sama ada secara persendirian atau perkongsian dan sama ada melaksanakan sendiri kerja perusahaannya itu atau mengupah pekerja lain.
Graduan belum bekerja	Graduan yang tidak mempunyai pekerjaan.
Graduan melanjutkan pengajian	Graduan yang mendaftar sebagai penuntut Institusi Pendidikan Tinggi.
Graduan meningkatkan kemahiran	Graduan yang mengikuti latihan bagi melengkapkan diri atau menambah kemahiran yang telah diperolehi semasa di institusi. Ia merangkumi skim-skim latihan yang dikelolakan oleh agensi-agensi kerajaan.
Graduan menunggu penempatan bekerja	Graduan yang mendapat tawaran bekerja tetapi belum ditempatkan untuk bekerja. Termasuk dalam kategori ini ialah graduan bidang pendidikan yang ditaja oleh kerajaan atau Institusi Pendidikan Tinggi lain dengan kontrak untuk bertugas sebagai guru atau pensyarah atau pekerjaan lain yang ditetapkan oleh penaja.
Graduan pascasiswazah	Graduan yang memiliki ijazah sarjana atau PhD dan setaraf.
Graduan usahawan	Graduan yang bekerja sendiri, sebagai majikan dan <i>freelance</i> .
Ijazah	Ijazah yang dianugerahkan kepada seseorang di peringkat Sarjana Muda, atau di peringkat Sarjana atau di peringkat Kedoktoran sesudah orang itu mencapai dengan jayanya satu set hasil pembelajaran yang dirancang supaya membawa kepada penganugerahan ijazah itu atau yang setaraf dengannya.

Institut Latihan Kemahiran Awam	Institusi peringkat tertiar yang ditubuhkan oleh kerajaan bagi mengendalikan pendidikan, latihan teknik dan vokasional.
Institusi Pendidikan Tinggi	Sesuatu institusi pendidikan yang sama ada atau tidak ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan termasuklah institusi pendidikan swasta yang menyediakan pendidikan tinggi yang membawa kepada penganugerahan sijil, diploma, ijazah atau yang setaraf dengannya.
Institusi Pendidikan Tinggi Awam	Universiti Awam, Politeknik dan Kolej Komuniti yang beroperasi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).
Institusi Pendidikan Tinggi Lain (IPT lain)	Merujuk kepada institusi pendidikan tinggi di bawah kementerian lain, iaitu Kolej Profesional MARA di bawah KKDW, ASWARA di bawah MOTAC, INSPEN di bawah MOF dan IPDAS di bawah kerajaan negeri Sabah.
Institusi Pendidikan Tinggi Swasta	Institusi Pendidikan Tinggi yang berdaftar dengan KPT di bawah Akta IPTS 1996.
Kebolehpasaran Graduan (GE)	Merujuk kepada status graduan yang bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan.
Kolej	Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang mengendalikan pendidikan tertiar peringkat sijil, diploma, ijazah pertama dan kelayakan profesional lain.
Kolej komuniti	Institusi peringkat tertiar yang ditubuhkan oleh kerajaan bagi mengendalikan pendidikan, latihan teknik dan vokasional serta menganugerahkan sijil atau diploma. Institusi ini turut mengendalikan latihan jangka pendek mengikut keperluan dan permintaan komuniti setempat.
Kolej Universiti	Institusi Pendidikan Tinggi Swasta yang mengendalikan pendidikan peringkat tertiar dalam bidang profesional atau sesuatu bidang pengajian yang khusus.
Kumpulan pekerjaan	Pengkelasan kumpulan pekerjaan adalah berdasarkan Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) versi 2020 yang merangkumi sepuluh (10) kumpulan termasuk Angkatan Tentera. Pilihan jawatan oleh graduan adalah menggunakan Kumpulan Unit Kecil (6 digit) seperti pada pautan https://emasco.mohr.gov.my/masco
Orang Asli	Warganegara Malaysia yang tergolong dalam etnik orang asli atau penduduk asal negara ini mengikut takrifan Akta Orang Asli 1954.
Orang Kurang Upaya (OKU)	Seseorang yang mempunyai ketidakupayaan jangka masa panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau pancaindera.
Pekerjaan Gig	Sebuah model dimana individu menawarkan akses kepada perkhidmatan atau aset menerusi platform digital kepada pasaran. Model ini juga dikenali sebagai model <i>crowdsourcing</i> .
Politeknik	Institusi pendidikan peringkat tertiar yang ditubuhkan oleh kerajaan bagi mengendalikan pendidikan teknik dan vokasional serta menganugerahkan sijil dan diploma.
Responden	Graduan yang menyertai Kajian Pengesanan Graduan.

Sektor Ekonomi

Sektor ekonomi atau klasifikasi industri yang digunakan adalah merujuk kepada Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 ver. 1.0. Terdapat 21 kategori aktiviti ekonomi yang kemudiannya dikelaskan kepada lima (5) sektor, iaitu Pertanian, Perlombongan & Pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan. Perincian sektor dan aktiviti ekonomi adalah seperti berikut:

- 1) Pertanian – aktiviti Pertanian, Perhutanan dan Perikanan
- 2) Perlombongan & Pengkuarian – aktiviti Perlombongan dan Pengkuarian
- 3) Pembuatan – aktiviti Pembuatan
- 4) Pembinaan – aktiviti Pembinaan
- 5) Perkhidmatan – selain daripada aktiviti di atas

Sistem Kajian Pengesanan Graduan

Sistem ini merupakan platform bagi menjalankan kaji selidik bagi meninjau status pekerjaan graduan pada musim konvokesyen institusi masing-masing. Terdapat tiga (3) komponen soal selidik yang digunakan mengikut kumpulan sasaran, iaitu:

- 1) SKPG1 – memaparkan soal selidik bagi graduan UA, IPTS dan IPT lain
- 2) SKPG TVET – soal selidik khusus kepada graduan TVET dari ILKA
- 3) SKPG2.0 – dibangunkan khusus bagi membolehkan semua graduan IPT mengemas kini status pekerjaan jika terdapat perubahan status pekerjaan. Sistem ini juga dikenali sebagai Sistem Kemas Kini Status Pekerjaan dengan soalan yang sangat ringkas. Malahan, sistem ini juga membolehkan graduan yang tidak respons SKPG1 dan SKPG TVET setelah tamat tempoh capaian menyertai kaji selidik.

Sijil

Sijil yang dianugerahkan kepada seseorang sesudah orang itu mencapai dengan jayanya suatu set hasil pembelajaran yang dirancang supaya membawa kepada penganugerahan sijil itu atau yang setaraf dengannya.

Tahap Kemahiran

Bagi tujuan pelaporan, kategori pekerjaan dikelaskan kepada tiga tahap kemahiran seperti berikut:

a) Mahir – (1) Pengurus; (2) Profesional; (3) Juruteknik dan profesional bersekutu

b) Separuh mahir – (4) Pekerja sokongan perkeranian; (5) Pekerja perkhidmatan dan jualan; (6) Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan; (7) Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan; (8) Operator mesin dan loji, dan pemasang

c) Berkemahiran rendah – (9) Pekerja asas

Institusi Pendidikan Tinggi bertaraf universiti awam yang ditubuhkan oleh kerajaan dan dikategorikan kepada empat (4) kumpulan, iaitu:

a) Universiti Penyelidikan – memberikan tumpuan kepada bidang penyelidikan. Terdiri daripada lima (5) UA, iaitu i) Universiti Malaya, ii) Universiti Kebangsaan Malaysia, iii) Universiti Teknologi Malaysia, iv) Universiti Sains Malaysia dan v) Universiti Putra Malaysia;

b) Universiti Komprehensif – menawarkan pelbagai kursus dan bidang pengajian yang merangkumi empat (4) UA, iaitu i) Universiti Teknologi MARA, ii) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, iii) Universiti Malaysia Sabah dan iv) Universiti Malaysia Sarawak;

c) Universiti Berfokus – memberikan tumpuan atau perhatian kepada bidang khusus berkaitan dengan penubuhannya. Terdiri daripada tujuh (7) UA, iaitu i) Universiti Utara Malaysia, ii) Universiti Pendidikan Sultan Idris, iii) Universiti Malaysia Terengganu, iv) Universiti Sains Islam Malaysia, v) Universiti Sultan Zainal Abidin, vi) Universiti Malaysia Kelantan dan vii) Universiti Pertahanan Nasional Malaysia; dan

d) Universiti MTUN – menawarkan pelbagai kursus teknikal bagi memenuhi keperluan industri yang merangkumi empat (4) UA, iaitu i) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, ii) Universiti Teknikal Malaysia Melaka, iii) Universiti Malaysia Perlis dan iv) Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah.

ABM	Akademi Binaan Malaysia
ADTEC	Pusat Latihan Teknologi Tinggi
AIM	Amanah Ikhtiar Malaysia
ASWARA	Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan
ATM	Angkatan Tentera Malaysia
BKPKK	Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti
BNM	Bank Negara Malaysia
BW	Bukan Warganegara
CIAST	Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan
CIDB	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
GE	<i>Graduate Employability</i>
GLC	Syarikat berkaitan kerajaan (Government- link company)
GREaT	Graduates Reference Hub for Employment and Training
IKBN	Institut Kemahiran Belia Negara
IKTBN	Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara
ILKA	Institusi Latihan Kemahiran Awam
ILKAP	Institut Latihan Kemahiran Awam Pertanian
ILKBS	Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan
ILO	International Labour Organisation
ILP	Institut Latihan Perindustrian
INSKEN	Institut Keusahawan Negara
INSPEN	Institut Penilaian Negara
IPDAS	Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah
IPT	Institusi Pendidikan Tinggi
IPTS	Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
KBS	Kementerian Belia dan Sukan
KESUMA	Kementerian Sumber Manusia
KK	Kolej Komuniti
KKDW	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
KKR	Kementerian Kerja Raya
KKTM	Kolej Kemahiran Tinggi MARA
KPKM	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
KPTiP	Program Tauliah Industri dan Profesional Kementerian Pendidikan Tinggi
KR	Kadar respons (peratus)
KV	Kolej Vokasional
L	Lelaki
MAISN	Majlis Agama Islam Negeri
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MASCO	Malaysia Standard of Classification of Occupations
MDEC	Malaysia Digital Economy Corporation
MEA	Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
MINDEF	Kementerian Pertahanan Malaysia

MOF	Kementerian Kewangan Malaysia
MOSTI	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia
MOTAC	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
MRANTI	Malaysian Research Accelerator for Technology & Innovation
MTUN	Rangkaian Universiti-universiti Teknikal Malaysia
N	Bilangan graduan
n	Bilangan responden
NGO	Organisasi bukan kerajaan (Non-governmental organization)
OD	Definisi Operasi
OKU	Orang Kurang Upaya
P	Perempuan
PdP	Pemantapan Pengajaran dan Pembelajaran
PENJANA	Pelan Jana Ekonomi
PERKESO	Pertubuhan Keselamatan Sosial
PETRONAS	Petroleum Nasional Berhad
PhD	Doktor Falsafah
PNB	Permodalan Nasional Berhad
PNGK	Purata Nilai Gred Kumulatif
PPN	Pelan Pemulihan Negara
PPUM	Pusat Perubatan Universiti Malaya
PSKG	Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan
PTPK	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
PTPTN	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
PUNB	Perbadanan Usahawan Nasional Berhad
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
SKPG	Sistem Kajian Pengesanan Graduan
SKPG2.0	Sistem Kajian Pengesanan Graduan Kemas Kini Status Pekerja
TERAJU	Unit Peneraju Agenda Bumiputera
TLDM	Tentera Laut Diraja Malaysia
TNB	Tenaga Nasional Berhad
TVET	<i>Technical and Vocational Education and Training</i>
UA	Universiti Awam
W	Warganegara
WP	Wilayah Persekutuan

KETUA PENGARANG

Prof. Dr. Fauziah Baharom

PENGARANG

Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Hasbullah Omar	Prof. Dr. Suzilah Ismail
Prof. Madya Dr. Yuhanis Yusof	Prof. Madya Dr. Nur Haryani Zakaria
Prof. Madya Dr. Rohaida Romli	Prof. Madya Ts. Wan Hussain Wan Ishak
Prof. Madya Dr. Haslina Mohd	Ts. Dr. Mohamed Ali Saip
En. Mohd Farhan Ismail	Ts. Dr. Juhaida Abu Bakar
Pn. Siti Zubaidah Abu Bakar	Cik Sarina Ab Rahman
Pn. Azlina Saleh	Cik Norzalina Isa
Pn. Mariyah Jamilah Kamis	Pn. Norfadila Masdan

Penyunting

Ts. Salwati Badroddin
Timbalan Setiausaha Bahagian
Bahagian Perancangan Strategik

Seksyen Data
Bahagian Perancangan Strategik

Pereka Grafik

Cik Nur Hidayah Mohd Hanafi

Teknikal

Pn. Norliza Md Yusof
En. Hamizan Abdul Karim
Pn. Nur Farah Mat Lawi
Cik Nur Atirah Alihan

Muka surat ini dibiarkan kosong.

LAMPIRAN

D



UNIVERSITI AWAM

Bil.	Singkatan	UA	Jumlah graduan	Kadar respons (%)
		Nama institusi		
1	UIAM	UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA	4,682	88.4
2	UKM	UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA	7,255	95.1
3	UM	UNIVERSITI MALAYA	8,326	92.4
4	UMK	UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	2,839	99.0
5	UMPSA	UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH	4,820	95.1
6	UniMAP	UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS	3,552	100.0
7	UMS	UNIVERSITI MALAYSIA SABAH	4,236	100.0
8	UNIMAS	UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK	3,898	98.4
9	UMT	UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU	2,388	99.3
10	UPSI	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	7,614	98.1
11	UPNM	UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA	1,465	99.2
12	UPM	UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA	6,496	95.4
13	USIM	UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA	3,144	96.8
14	USM	UNIVERSITI SAINS MALAYSIA	8,156	95.1
15	UniSZA	UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN	3,592	97.7
16	UTeM	UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA	3,382	98.5
17	UTM	UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA	6,983	100.0
18	UiTM	UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (TERMASUK KOLEJ BERSEKUTU UiTM)	52,436	92.2
19	UTHM	UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA	4,837	98.8
20	UUM	UNIVERSITI UTARA MALAYSIA	5,720	97.5
Keseluruhan Universiti Awam			145,821	95.0

INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (IPTS)

Bil.	Singkatan	IPTS bertaraf universiti	Jumlah graduan	Kadar respons (%)
		Nama institusi		
1	AIMST	AIMST UNIVERSITY	478	100.0
2	MEDIU	AL-MADINAH INTERNATIONAL UNIVERSITY	271	93.4
3	AeU	ASIA E UNIVERSITY	1,531	26.2
4	AMU	ASIA METROPOLITAN UNIVERSITY	75	78.7
5	APU	ASIA PACIFIC UNIVERSITY OF TECHNOLOGY & INNOVATION	2,224	86.6
6	ASB	ASIA SCHOOL OF BUSINESS	72	86.1
7	BUME	BINARY UNIVERSITY OF MANAGEMENT & ETREPRENEURSHIP	14	100.0
8	CITY U	CITY UNIVERSITY	1,921	100.0
9	DRB-HICOM U	DRB-HICOM UNIVERSITY OF AUTOMOTIVE MALAYSIA	313	98.1
10	HU	HELP UNIVERSITY	963	79.0
11	IMU	IMU UNIVERISTY	639	98.3
12	INCEIF	INCEIF UNIVERSITY	83	90.4
13	IUKL	INFRASTRUCTURE UNIVERSITY KUALA LUMPUR	736	64.4
14	INTI IU	INTI INTERNATIONAL UNIVERSITY	1,638	80.1
15	KPJU	KPJ HEALTHCARE UNIVERSITY	936	93.9
16	LUCT	LIMKOKWING UNIVERSITY OF CREATIVE TECHNOLOGY	226	100.0
17	MUST	MALAYSIA UNIVERSITY OF SCIENCE AND TECHNOLOGY	342	100.0
18	MSU	MANAGEMENT AND SCIENCE UNIVERSITY	1,557	90.0
19	MGNU	MANIPAL GLOBALNXT UNIVERSITY	125	12.8
20	MU	MERITUS UNIVERSITY	1	0.0
21	MILA	MILA UNIVERSITY	262	95.8
22	OUM	OPEN UNIVERSITY MALAYSIA	5,260	81.2
23	PERDANA	PERDANA UNIVERSITY	110	89.1
24	PUTRABS	PUTRA BUSINESS SCHOOL	162	86.4
25	QIU	QUEST INTERNATIONAL UNIVERSITY	496	85.3
26	RU	RAFFLES UNIVERSITY	129	93.8
27	SEGiU	SEGi UNIVERSITY	1,802	70.3
28	SUN-U	SUNWAY UNIVERSITY	2,550	94.5
29	TU	TAYLOR'S UNIVERSITY	2,748	97.6
30	TAR UMT-KL	TUNKU ABDUL RAHMAN UNIVERSITY OF MANAGEMENT AND TECHNOLOGY (KAMPUS KUALA LUMPUR)	6,847	97.2
31	TAR UMT-PENANG	TUNKU ABDUL RAHMAN UNIVERSITY OF MANAGEMENT AND TECHNOLOGY (KAMPUS PENANG)	1,372	95.1
32	TAR UMT-PERAK	TUNKU ABDUL RAHMAN UNIVERSITY OF MANAGEMENT AND TECHNOLOGY (KAMPUS PERAK)	272	97.1
33	TAR UMT-SABAH	TUNKU ABDUL RAHMAN UNIVERSITY OF MANAGEMENT AND TECHNOLOGY (KAMPUS SABAH)	133	100.0
34	UCSI U-KL	UCSI UNIVERSITY	2,012	100.0
35	UCSI U-SPRINGHILL	UCSI UNIVERSITY (KAMPUS BANDAR SPRINGHILL)	40	95.0
36	UCSI U-SARAWAK	UCSI UNIVERSITY (KAMPUS SARAWAK)	95	100.0
37	UCSI U-TERENGGANU	UCSI UNIVERSITY (KAMPUS TERENGGANU)	1	100.0
38	UniKL-BMI	UniKL-BRITISH MALAYSIAN INSTITUTE	449	100.0

